

Jurnal Pengurusan JAWHAR
Vol. 10, No. 1, 2016

LEMBAGA EDITOR

Penasihat

YBhg Datuk Haji Anan bin C Mohd
Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri

Ketua Editor

Tn Ahmad Musadad bin Haji Sulaiman
Timbalan Ketua Pengarah
JAWHAR

Sidang editor

En Mohd Faizal bin Ab Hamid
Tn Hj Abdullah bin Hj Abdul Rahman
Pn Siti Zaida binti Mahmod

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
www.jawhar.gov.my

Cetakan pertama 2016

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan jurnal di dalam apa sahaja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Editor, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Skop

Jurnal pengurusan JAWHAR diterbitkan dua kali setiap tahun dan ianya merupakan jurnal pengurusan yang dihasilkan untuk menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat yang efisien dan dinamik. Jurnal ini mengumpulkan pelbagai jenis artikel daripada pelbagai aspek pembangunan pengurusan dan cara praktis yang sesuai untuk pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji serta pengurusan umum negara. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasil kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai *applied* yang wajar diketengahkan dalam usaha penambahbaikan pengurusan serta pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi JAWHAR mahupun Kerajaan Malaysia.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
Tel: 603-8883 7400 Faks: 603-8883 7509

Dicetak oleh :

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Editor	vi
KEBAIKAN WAKAF KORPORAT : ANALISA MANFAAT KEBAJIKAN KEPADA MASYARAKAT AWAM OLEH WAQAF AN-NUR CORPORATION (WANCorp). <i>Nurul Azma binti Abu Bakar, Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain</i>	1
OBJEKTIF INSTITUSI PENGUTIP ZAKAT (IPZ): SEBUAH PENILAIAN <i>Muhsin Nor Paizin</i>	21
PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN <i>Afiffudin Bin Mohammed Noor, Ahmad Zaki Bin Ghazali , Mohd Afandi Bin Mat Rani</i>	41
KEPERLUAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT DALAM PENJANAAN DANA WAKAF PENDIDIKAN TINGGI <i>Siti Zaleha Muhammad, Amaludin Ab. Rahman & Zaid Ahmad</i>	59
TINJAUAN AWAL PERANAN INSTITUSI QADHI DAN MUFTI DALAM PENGURUSAN WAKAF DI MALAYSIA KE ARAH MENCORAKKAN KONSEP DAN AMALAN WAKAF DI MALAYSIA <i>Nor Asiah Mohamad, Sharifah Zubaidah binti Syed Abdul Kader</i>	75
PENGAGIHAN KEKAYAAN DALAM EKONOMI ISLAM MELALUI INSTRUMEN WAQAF PERBIAYAAN PERUMAHAN BBA <i>Mohd Faisol Ibrahim</i>	95
WANG SYUBHAH HASIL DARI PELUPUSAN SEKURITI YANG BERTUKAR STATUS DARI SEKURITI PATUH SYARIAH KEPADA SEKURITI TIDAK PATUH SYARIAH YANG DIISTIHAR OLEH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA <i>Haji Razli Ramli, Prof. Madya Dr. Azizi Abu Bakar, Dr. Ram Al Jaffri Saad</i>	115

KATA ALUAN KETUA EDITOR

Alhamdulillah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.10, No.1 2016 ini. Penerbitan Jurnal ini merupakan sebahagian daripada usaha memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras di bawah seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan ini mengandungi tujuh penulisan terpilih yang mengupas segenap segi kajian berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Artikel pertama disediakan oleh Nurul Azma binti Abu Bakar dan Prof Madya Dr Muhammad Nasri bin Md Hussain bertajuk Kebaikan Wakaf Korporat: Analisa Manfaat Kebajikan Kepada Masyarakat Awam Oleh Waqaf An-Nur Corporation (WANcorp) yang menjelaskan usaha Waqaf An-Nur Corporation (WANcorp) yang bertindak sebagai Nazir Khas yang menjaga dan menguruskan saham-saham syarikat yang diwakaf. Artikel ini menyumbang kepada kelebihan dan manfaat wakaf yang boleh dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa dibatasi oleh sempadan agama dan geografi. Penulis juga telah menjadikan Negeri Johor sebagai contoh sebuah negeri yang telah melaksanakan wakaf Korporat ini.

Artikel kedua yang bertajuk Objektif Institusi Pengutip Zakat (IPZ): Sebuah Penilaian ditulis oleh Muhsin bin Paizin telah mengupas mengenai penulis yang telah mengetengahkan beberapa institusi IPZ yang dipilih dan serba sedikit membuat penilaian sejauh mana pencapaian yang telah digarap dibandingkan dengan objektif sedia ada yang telah digariskan. Ternyata kebanyakan daripadanya berjaya dicapai. Namun beberapa perkara perlu difikirkan khasnya dari sudut objektif IPZ agar lebih bertepatan dengan tujuan penubuhan IPZ itu sendiri

Proses pemerksaan perlulah berterusan bagi memastikan keindahan Islam itu dapat diserlahkan dalam aspek pengurusan. Yang dinyatakan dalam penulisan ini hanyalah sebahagian kecil cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan dan diperhalusi.


Artikel ketiga pula merupakan artikel oleh Afiffudin bin Mohammed Noor, Ahmad Zaki bin Ghazali dan Mohd Afandi bin Mat Rani bertajuk Pengurusan dan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. Artikel ini membincangkan dan menganalisis sistem pengurusan harta wakaf dan aktiviti pembangunan harta wakaf yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Antara aspek yang dilihat dalam kajian ini ialah jenis wakaf yang dibuat oleh pewakaf, tujuan perwakafan dibuat serta bentuk pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah terhadap harta wakaf tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa jenis pembangunan yang telah dilaksanakan dalam membangunkan harta wakaf di Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah berjaya membangunkan harta wakaf serta menyalurkan manfaat kepada pihak penerima sepertimana yang dihasratkan oleh pewakaf.

Artikel keempat pula yang bertajuk Keperluan Amalan Tadbir Urus Korporat Dalam Penjanaan Dana Wakaf Pendidikan Tinggi yang ditulis oleh Siti Zaleha Muhammad, Amaludin bin Ab Rahman dan Zaid Ahmad. Artikel penulis menjelaskan tentang keperluan amalan tadbir urus korporat dalam penjanaan dana wakaf pendidikan tinggi bagi memantapkan lagi pengurusan yang lebih efisien dan sistematik. Walau bagaimanapun penulis-penulis berpendapat bahawa komponen nilai keagamaan dan profesionalisme perlu diberi keutamaan dalam tadbir urus korporat kerana ianya akan mengingatkan mereka tentang tanggungjawab terhadap Allah SWT serta meninggalkan beberapa kesan positif dalam tugas yang dilakukan.

Artikel kelima iaitu Tinjauan Awal Peranan Institusi Qadhi Dan Mufti Dalam Pengurusan Wakaf Di Malaysia Ke Arah Mencorakkan Konsep Dan Amalan Wakaf Di Malaysia, ditulis Oleh Nor Asiah Mohamad dan Sharifah Zubaidah bini Syed Abdul Kader. Artikel penulis mengisahkan mengenai sejauh manakah institusi Qadhi dan Mufti memainkan peranan dalam meluaskan konsep dan amalan wakaf dan seterusnya mencetuskan kreativiti polisi serta praktis wakaf di Malaysia selain membincangkan tentang bagaimana negara-negara lain membuktikan peranan qadhi dalam membuat perubahan atau menjana kreativiti dengan pandangan perundangan yang dinamik untuk institusi wakaf berjalan lancar bagi memastikan potensi jangka panjang wakaf.

Artikel Keenam bertajuk Pengagihan Kekayaan Dalam Ekonomi Islam Melalui Instrument Waqaf Pembiayaan Perumahan BBA. Artikel ini telah disediakan Mohd Faisol Ibrahim yang membincangkan tentang waqaf pembiayaan perumahan secara Islam oleh bank-bank Islam di Malaysia yang dapat dikategorikan sebagai mekanisma terkini pengagihan kekayaan daripada golongan yang mampu kepada golongan yang kurang mampu. Penulis juga turut memberi cadangan supaya perbankan Islam mempertimbangkan wakaf pembiayaan perumahan secara Islam dapat digunakan di negara ini dalam membantu mencapai negara maju pada tahun 2020 dengan penuh gemilang kerana isu-isu seperti kemiskinan bandar, gelandangan, harga rumah mahal akan dapat diatasi.

Artikel terakhir dihasilkan oleh Tn Hj Razli Ramli yang menulis artikel bertajuk Wang Syubhah Hasil Dari Pelupusan Sekuriti Yang Bertukar Status Dari Sekuriti Syariah Kepada Sekuriti Tidak Patuh Syariah Yang Diisytihar Oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Perbincangan artikel ini adalah berkaitan dengan bagaimana wang syubhah ini terbentuk hasil saringan sekuriti patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan penulis telah memberi penjelasan



terperinci mengenai maksud wang syubhah hasil dari pelupusan sekuriti tidak patuh syariah oleh para pengurus dana dalam industri pasaran modal agar ia tidak lagi menjadi satu isu yang mengelirukan.

Kesemua penulisan dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan oleh pakar-pakar penyelidikan yang mendalami ilmu mengenai bidang teras JAWHAR yang mampu memberi impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pentadbiran amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk Jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi ALLAH SWT jua hendaknya.



KEBAIKAN WAKAF KORPORAT : ANALISA MANFAAT KEBAJIKAN KEPADA MASYARAKAT AWAM OLEH WAQAF AN-NUR CORPORATION (WANCorp).

Oleh;

Nurul Azma binti Abu Bakar¹

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri bin Md. Hussain²

ABSTRAK

Wakaf korporat merupakan salah satu daripada produk wakaf kontemporari di Malaysia. Ianya telah lama diharuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan iaitu sejak tahun 1982 lagi. Kerjasama antara Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Johor Corporation Berhad (JCorp) merupakan salah satu usaha yang dibuat bagi mengembalikan kegemilangan institusi wakaf. Melalui kerjasama ini, Waqaf An-Nur Corporation (WANCorp) telah dilantik sebagai Nazir Khas yang menjaga dan menguruskan saham-saham syarikat yang diwakaf. Artikel ini membincangkan mengenai manfaat wakaf yang dijana dari wakaf korporat melalui program yang dilaksanakan oleh WANCorp iaitu rangkaian hospital dan Klinik Waqaf An-Nur, rangkaian Masjid An-Nur, Briged Waqaf An-Nur, Waqaf Dana Niaga, Mutawwif Waqaf An-Nur dan Waqaf Komuniti Pusat Jahitan. Sumber utama data di dalam analisa ini diperolehi daripada Laporan Tahunan JCorp dan Laporan Tahunan WANCorp. Analisa ini mendapati bahawa melalui wakaf korporat, manfaat wakaf dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa dibatasi oleh sempadan agama dan geografi. Melalui wakaf korporat juga, operasi perubatan dikendalikan oleh KPJ Healthcare Berhad bagi menjamin kualiti perkhidmatan. Dengan itu, MAIJ sebagai pemegang amanah tunggal wakaf tidak perlu mempunyai kepakaran dalam bidang perubatan dan

¹ Pelajar Pascasiswazah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM.

² Pensyarah, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, UUM.

manfaat wakaf ini dapat dinikmati oleh masyarakat.

Perkataan Teras : Wakaf Korporat, Manfaat Kebajikan,
Waqaf An-Nur Corporation.

PENDAHULUAN

Wakaf korporat merupakan salah satu produk wakaf kontemporari yang ada di Malaysia, sebagai tambahan kepada produk wakaf tradisional seperti tanah wakaf dan juga produk wakaf kontemporari lain seperti wakaf tunai.³ Wakaf korporat ini bermaksud individu atau syarikat yang memiliki saham mewakafkan saham tersebut sebagai harta wakaf.⁴ Hak ke atas saham itu ditahan manakala dividen atau manfaat pelaburan dan keuntungan yang dari saham itu akan diagihkan.⁵

Di Malaysia, wakaf korporat atau wakaf saham ini telah diharuskan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan sejak tahun 1982 lagi.⁶ Johor Corporation Berhad (JCorp) merupakan organisasi korporat pertama di dunia yang mengamalkan wakaf korporat sebagai tanggungjawab sosial mereka.⁷ Artikel ini akan menerangkan mengenai pelaksanaan wakaf korporat di Johor. Fokus utama adalah untuk menghuraikan manfaat yang dijana dari pelaksanaan wakaf ini. Di bahagian yang berikutnya akan diterangkan mengenai metodologi yang digunakan serta sorotan karya mengenai wakaf korporat. Perbincangan seterusnya mengenai konsep wakaf korporat di Johor dan juga agihan manfaat yang dibuat. Penyelidik akan membuat kesimpulan dan rumusan akhir artikel.

3 Abu Bakar, M. (2007). Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(1), 53–72.

4 Siti Mashitoh, M., Asmak, A. R., Hasnol Zam Zam, A., & Syarqawi, M. (2007). Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 1–32.

5 Laporan Tahunan Johor Corporation (JCorp), 2006. ms. 19.

6 Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 Apr 1982 boleh dilihat di <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal>.

7 JCorp, 2006. op.cit. ms. 18.

SOROTAN KARYA

Kajian mengenai wakaf banyak dijalankan oleh penyelidik terdahulu. Namun begitu, disebabkan wakaf korporat ini merupakan sesuatu yang masih baru, tidak banyak penyelidikan dibuat berbanding isu wakaf yang lain contohnya seperti tanah wakaf. Terdapat beberapa penyelidik yang menjalankan kajian mengenai wakaf korporat ini.

Kajian yang dijalankan oleh Abd. Shakor mengupas mengenai pelaksanaan wakaf korporat di WANCorp dan juga beberapa cadangan penambahbaikan seperti pengecualian bayaran untuk rawatan di rangkaian hospital dan KWAN serta memperluas lagi skop aktiviti pembangunan sosioekonomi dan sosial WANCorp.⁸ Nurul Asykin dan Muhammad Hakimi juga turut menjelaskan mengenai pelaksanaan dan potensi wakaf korporat ini serta menyimpulkan bahawa ekuiti Muslim dapat dipelihara dan dikembangkan wakaf kontemporari ini.⁹ Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Nathasa Mazna dan Nurul Aini pula menumpukan kepada model urus tadbir bagi meningkatkan akauntabiliti dalam pelaksanaan wakaf korporat.¹⁰

Penyelidik terdahulu lebih menumpukan kepada kerangka pelaksanaan wakaf korporat, dan kurang tumpuan diberikan terhadap manfaat yang berjaya diagihkan melalui wakaf korporat ini, sedangkan ia merupakan salah satu dari rukun ibadah wakaf. Oleh itu, analisis ini akan menumpukan kepada manfaat agihan wakaf korporat yang diuruskan oleh WANCorp.

8 Abd. Shakor, B. (2011). Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp) : Satu Tinjauan. Dibentangkan di *International Conference of Humanities* (ms. 1-13).

9 Nurul Asykin, M., & Muhammad Hakimi, M. S. (2013). Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim : Kajian di Wakaf An-Nur Corporation. Dibentangkan di *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013* (Vol. 1, pp. 383–396).

10 Nathasa Mazna, R., & Nurul Aini, M. (2013). Good Governance Framework for Corporate Waqf : Towards Accountability Enhancement. Dibentangkan di *Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference*. Kuala Lumpur.

METODOLOGI DAN SKOP KAJIAN

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih lanjut¹¹ mengenai agihan manfaat wakaf korporat yang dilaksanakan di Johor. Sumber utama data yang digunakan dalam analisa ini diperoleh dari Laporan Tahunan JCorp dan juga Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp). Fokus analisa ini hanyalah agihan manfaat 25% iaitu manfaat kebajikan fisabilillah oleh WANCorp. Manfaat 70% yang dilaburkan semula oleh JCorp dan 5% yang disalur terus kepada Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) adalah di luar konteks kajian.

WAKAF KORPORAT OLEH WANCorp

Pada 4hb Disember 2009, satu perjanjian persefahaman telah ditandatangani oleh MAIJ dan JCorp. Melalui perjanjian ini, JCorp menerusi WANCorp telah dilantik sebagai Nazir Khas dalam melaksanakan wakaf korporat, mengikut Kaedah-kaedah Wakaf 1983¹².


Rajah 1 menunjukkan kerangka pelaksanaan wakaf korporat ini. Terdapat enam syarikat dari kumpulan JCorp yang terlibat dalam wakaf korporat ini iaitu KPJ Healthcare Berhad (KPJ), Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), Al-'Aqar Healthcare REIT, Tiram Travel Sdn Bhd (TTSB), Larkin Sentral Property Sdn Bhd (LSPSB) dan Capaian Aspirasi Sdn Bhd (CASB). Peranan WANCorp di sini adalah sebagai pemegang amanah yang menguruskan aset dan saham yang telah diwakafkan oleh kumpulan JCorp¹³. Pada 31 Disember 2014, WANCorp mengumumkan Nilai Aset Bersih saham-saham yang diwakafkan berjumlah RM407.6 juta, berbanding nilai awal RM250 juta semasa mula-mula diwakafkan¹⁴.

11 Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research : Qualitative And Quantitative Methods*. John Wiley & Sons Australia, Ltd.

12 Laporan Tahunan WANCorp, 2010. ms. 9.

13 Laporan Tahunan WANCorp, 2014. ms. 10

14 *Ibid*.



Rajah 1 Kerangka Pelaksanaan Wakaf Korporat¹⁵

Menerusi perjanjian antara JCorp dan MAIJ, dividen yang diperoleh dari saham yang diwakafkan akan dibahagikan kepada tiga bahagian. 70% akan dipulangkan kepada JCorp untuk dilaburkan semula, 5% akan disalur terus kepada MAIJ, manakala 25% akan diuruskan oleh WANCorp untuk tujuan manfaat kebajikan *fi sabilillah*¹⁶.

¹⁵ *Ibid.* ms 25-26.

¹⁶ Laporan Tahunan JCorp, 2008. ms. 17.

Tahun	Manfaat 70% (RM)	Manfaat 25% (RM)	Manfaat 5% (RM)
2009	2,755,588.00	984,139.00	196,827.00
2010	5,250,751.00	1,875,268.00	375,054.00
2011	42,478,287.00	15,170,818.00	3,034,163.00
2012	40,305,622.00	14,389,107.00	2,861,700.00
2013	6,302,189.00	1,939,259.00	364,422.00
2014	6,228,870.00	1,954,145.00	339,607.00
	103,321,307.00	36,312,736.00	7,171,773.00

Jadual 1 Data Agihan Manfaat Waqaf¹⁷

Jadual 1 menunjukkan agihan manfaat wakaf korporat ini. Dari tahun 2009 sehingga tahun 2014, sebanyak RM 36,312,736.00 diuruskan oleh WANCorp. Dalam menguruskan agihan manfaat wakaf sebanyak 25% ini, WANCorp membahagikan dana ini kepada tiga kategori utama iaitu Manfaat Kebajikan dan Amal, Manfaat Pembangunan Insan, Modal Pendidikan & Keusahawanan serta Manfaat untuk Projek Khas¹⁸. Program-program utama yang diuruskan oleh WANCorp melalui manfaat ini akan diterangkan di bahagian seterusnya.

MANFAAT KEBAJIKAN WAKAF KORPORAT

Antara ativiti utama yang dijalankan oleh WANCorp ialah rangkaian Hospital dan Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), Rangkaian Masjid An-Nur, Briged Waqaf An-Nur, Waqaf Dana Niaga, Mutawwif Waqaf An-Nur dan juga Waqaf Komuniti Pusat Jahitan.

¹⁷ Data diperoleh dari Laporan Tahunan WANCorp dari tahun 2010 hingga 2014. Rujuk Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain bagi tahun berakhir (setiap tahun)

¹⁸ WANCorp 2010, *op.cit.*, ms. 17.

Rangkaian Hospital dan Klinik Waqaf

Hospital dan Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) ini diwujudkan untuk membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan rawatan dengan bayaran minima. Caj rawatan pesakit luar adalah sebanyak RM5.00 dan bagi rawatan dialisis ialah sebanyak RM90.00, di mana rawatan dialisis yang dikenakan di pusat dialisis lain mencecah RM150.00 hingga RM200.00¹⁹. Bagi menjamin kualiti perkhidmatan dan pencapaian matlamat penubuhan hospital dan klinik waqaf ini, pihak KPJ Healthcare Berhad yang menerajui bahagian khidmat kesihatan pakar di dalam kumpulan JCorp telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan dan memantau perjalanan operasi mereka²⁰.

Tahun	Jumlah Pesakit Sepanjang Operasi (Terkumpul)	Pesakit Bukan Muslim (Terkumpul)	Jumlah Klinik
2010	652,435	39,591	15
2011	765,611	50,883	15
2012	885,403	62,129	17
2013	961,148	69,690	19
2014	1,057,154	79,312	19

Jadual 2 Data Pesakit Hospital dan KWAN²¹

Antara perkara menarik mengenai KWAN ialah sebahagian lokasi operasinya yang diletakkan di dalam kawasan masjid. Ini bertujuan untuk meluaskan peranan masjid sebagai sebuah tempat aktiviti kemasyarakatan²². Walaupun begitu, ianya bukanlah menunjukkan eksklusif untuk masyarakat Islam sahaja²³. Buktinya dapat dilihat dengan sambutan pesakit bukan

19 WANCORP 2014, *op.cit.*, ms. 47.

20 Laporan Tahunan WANCORP, 2011. ms. 26.

21 Data diperolehi dari Laporan Tahunan WANCORP dari tahun 2010 hingga 2014

22 Laporan Tahunan WANCORP, 2013.

23 WANCORP 2014, *op.cit.*, ms. 45.

muslim dalam mendapatkan rawatan seperti di dalam Jadual 2. Sehingga tahun 2014, rangkaian KWAN telah memberi rawatan kepada 1,057,154 pesakit termasuk 79,312 pesakit bukan muslim. Peningkatan rawatan yang diterima oleh bukan muslim meningkat saban tahun menunjukkan bahawa konsep wakaf ini turut dinikmati oleh seluruh masyarakat tanpa membezakan agama.

Sehingga tahun 2014, rangkaian KWAN mempunyai satu hospital dan 19 klinik, seperti di dalam Jadual 3. Satu hospital dan enam klinik di Johor, dua klinik di Sarawak, tujuh di Selangor, dua di Negeri Sembilan, satu klinik di Perak dan satu di Pulau Pinang. Seramai 270 pesakit menjalani rawatan dialisis melibatkan 54 buah mesin di rangkaian KWAN yang ada. Pihak WANCorp juga turut menerima sumbangan mesin dialisis sebanyak lima buah dari Marine & Heavy Engineering (MMHE) untuk dimanfaatkan oleh orang ramai²⁴.

Negeri	Jumlah Klinik/ Hospital
Johor	7
Sarawak	2
Selangor	7
Negeri Sembilan	2
Perak	1
Pulau Pinang	1
	20

Jadual 3 Jumlah Hospital dan KWAN²⁵

²⁴ *Ibid.* ms. 46.

²⁵ *Ibid.* ms. 44.

Rangkaian Masjid An-Nur

Selain memberi khidmat dalam bidang perubatan, WANCorp juga turut memainkan peranan dalam menggerakkan institusi masjid. Sehingga 2014, terdapat lima buah masjid yang diuruskan oleh WANCorp. Tiga buah masjid dibina di dalam kompleks perniagaan atau pusat komersial iaitu Masjid An-Nur Kotaraya, Masjid An-Nur Larkin Sentral dan Masjid An-Nur Kompleks Pasir Gudang manakala dua lagi masjid iaitu Masjid An-Nur Bandar Pasir Gudang dan Masjid An-Nur Taman Cendana dibina sebagai masjid kariah di kawasan petempatan. Rangkaian Masjid An-Nur ini memenuhi keperluan kira-kira 17,000 ahli kariah di sekitarnya²⁶.

WANCorp melantik Eksekutif Agama yang mempunyai kelulusan dalam bidang Pengajian Islam, Syariah, Usuluddin dan Pengajian Al-Quran lepasan universiti tempatan atau luar negara sebagai Imam²⁷. Pelbagai program disusun bagi mendekatkan masyarakat dengan masjid. Program Sarapan Amal menumpukan kepada golongan pelajar di sekitar Taman Cendana. Program yang memberi manfaat kepada lebih 100 pelajar ini diadakan dua kali seminggu setiap Isnin dan Jumaat bermula 6.30 pagi hingga 8.00 pagi. Program ini diadakan untuk menarik golongan pelajar ke masjid sebelum memulakan tanggungjawab mereka menuntut ilmu²⁸.

Selain itu, pihak masjid juga turut melaksanakan siri dakwah dan program pengurusan diri khusus untuk masyarakat Orang Asli dan juga kelas fardhu ain untuk saudara baru dan juga orang awam²⁹. Khidmat nasihat dan rundingcara juga turut disediakan kepada masyarakat mengenai hal ehwal agama, kekeluargaan dan juga perniagaan. Imam memainkan peranan sebagai *Ikhwan*

26 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 50.

27 WANCorp 2010, *op.cit.*, ms. 22.

28 WANCorp 2011, *op.cit.*, ms. 27.

29 WANCorp 2011, *op.cit.*, ms. 27.

Muamalat atau Sahabat Bisnes, yang memberi sokongan dan bimbingan rohani kepada penerima Waqaf Dana Niaga agar perniagaan yang dijalankan berlandaskan ajaran Islam³⁰. Aktiviti dakwah juga turut diperluaskan dengan menggunakan media sosial seperti *Facebook* dan juga slot tazkirah dan motivasi di radio tempatan.³¹

Bermula 2013, Masjid An-Nur mengorak langkah menuju ke arah pengurusan yang lebih bersifat berdikari. Jaringan perhubungan dibuat dengan Masjid Al-Mukminin dan *South West Mosque Cluster* di Singapura yang memberi contoh sebagai sebuah masjid bersifat berdikari. Ia menjana sumber pendapatan sendiri dan mampu membayar gaji kepada 30 orang pekerja masjid. Pendekatan ini cuba dilaksanakan oleh Masjid An-Nur mengikut kesesuaian masyarakat di Malaysia.³²

Briged Waqaf Annur

Briged Waqaf Annur (BWA) merupakan pasukan yang ditubuhkan semasa bencana banjir besar di Johor pada akhir tahun 2006.³³ Pada 9hb Ogos 2009, BWA dilancarkan secara rasmi sebagai badan sukarela yang berfungsi untuk membantu di dalam pengurusan bencana dan kebajikan.³⁴ BWA terdiri daripada lima kompeni utama yang dinamakan sempena tokoh-tokoh besar dalam sejarah Islam. Setiap kompeni diwakili oleh syarikat dan mempunyai peranan masing-masing. Kompeni Ali Abi Talib (Johor Land) bertanggungjawab sebagai pasukan mencari dan menyelamatkan, Kompeni Umar Al-Khattab (Kulim Malaysia Berhad) bertanggungjawab terhadap logistik, kenderaan dan peralatan, Kompeni Khalid Al-Walid (JCorp, TPM Technopark Sdn Bhd, Tanjung Langsung Port Sdn Bhd) sebagai pasukan pembersihan dan pemuliharaan, Kompeni Salahuddin Al-Ayubi

30 WANCorp 2010, *op.cit.*, ms. 22.

31 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 51.

32 WANCorp 2013, *op.cit.*, ms. 27.

33 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 66.

34 WANCorp 2011, *op.cit.*, ms. 31.

(KPJ Healthcare Berhad) menyediakan khidmat perubatan dan pertolongan cemas dan Kompeni Tariq bin Ziad (QSR Brands) bertindak sebagai pasukan bekalan makanan.³⁵

Tahun	Sumbangan
2009	Misi bantuan gempa bumi di Padang, Sumatera melibatkan sumbangan RM112,000.00
2010	RM15,000.00 disalurkan untuk bantuan banjir di Kedah.
2011	RM200,000.00 peruntukan untuk bantuan banjir dan kemiskinan di Johor. Sumbangan kemanusiaan untuk gempa bumi di Jepun sebanyak RM10,000.00
2012	RM93,000.00 disalurkan untuk golongan yang ditimpa bencana.
2013	Mangsa kebakaran di Johor menerima sumbangan bernilai RM14,500.00. Bantuan semasa banjir besar di Kuantan, Pahang melibatkan sumbangan sebanyak RM30,600.00
2014	BWA menghantar bantuan ketika berlaku banjir besar di Kelantan dan Pahang bernilai lebih RM200,000.00 BWA turut membantu mangsa rebut taufan di Segamat dan mangsa kebakaran di Pasir Gudang. RM120,000.00 diagihkan untuk Program Bantuan Kemanusiaan Kemboja, RM50,000.00 untuk Tabung Palestin, RM171,000 untuk bantuan bencana alam dan RM226,000.00 untuk BWA.

Jadual 4 Bantuan Kemanusiaan BWA³⁶

BWA terlibat dalam pelbagai misi bantuan kemanusiaan bukan sahaja di Johor, tetapi juga untuk bencana yang terjadi di luar Malaysia. Bantuan dari segi sumbangan kewangan, rawatan kesihatan dan ubat-ubatan percuma diberikan kepada mangsa bencana. Jadual 4 menunjukkan antara bantuan kemanusiaan yang pernah dihulurkan oleh atau melalui BWA.

³⁵ WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 66.

³⁶ Data diperoleh dari Laporan Tahunan JCorp 2009 dan Laporan Tahunan WANCorp dari tahun 2010 hingga 2014.

BWA merupakan pasukan sukarelawan yang diiktiraf oleh Majlis Keselamatan Negara. Ahli BWA melalui siri latihan yang diperlukan semasa menjalankan operasi bencana. Antara latihan yang disusun ialah Kursus Asas Pengurusan Bencana serta Kursus Sukarelawan Pencari dan Penyelamat Tahap Satu dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Antara kursus lain yang turut dianjurkan ialah Kursus Pengendalian Radio Amatur yang menumpukan kepada modul Pemanduan Kenderaan Pacuan Empat Roda dan Komunikasi Kecemasan. Selain dari pertolongan semasa bencana, BWA juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan iaitu gotong royong di sekitar Johor.³⁷

Waqaf Dana Niaga

Waqaf Dana Niaga (WDN) diperkenalkan pada 5hb Mei 2007 bertujuan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana dari segi pembiayaan dengan menggunakan konsep *Qard al-Hassan*, di mana peminjam hanya perlu membayar jumlah pinjaman sahaja tanpa sebarang caj faedah. Pemohon WDN ini diutamakan kepada individu yang telah mengembangkan perniagaan halal dan sah dari sudut undang-undang, usahawan yang menghadapi masalah kekurangan pusingan modal dan juga usahawan yang berpengalaman dan mempunyai cadangan perniagaan yang berpotensi.³⁸

Terdapat tiga peringkat bantuan yang ditawarkan iaitu Bantuan Semai Bisnes, Tunas Bisnes dan Kembang Bisnes. Bantuan Semai Bisnes dengan kadar pinjaman RM500.00 hingga RM3,000.00 ditawarkan kepada mereka yang baru memulakan perniagaan dan berpendapatan kurang dari RM1,500.00 sebulan. Pinjaman kali pertama ini melibatkan tempoh pembayaran balik selama setahun.³⁹

37 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 68.

38 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 64.

39 WANCorp 2013, *op.cit.*, ms. 30.

Pinjaman peringkat kedua, Tunas Bisnes ditawarkan setelah peminjam selesai membuat bayaran pinjaman kali pertama. Pinjaman ini dibuka kepada mereka yang mempunyai pendapatan kurang dari RM2,000.00 sebulan dan mempunyai potensi untuk berdaya maju. Amaun pinjaman sebanyak RM3,000.00 hingga RM5,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama dua tahun.⁴⁰

Bantuan Kembang Bisnes pula ialah pinjaman dengan kadar RM5,000.00 hingga RM7,000.00 untuk mereka yang telah selesai membuat bayaran balik pinjaman kedua. Peminjam mesti berpendapatan kurang dari RM3,000.00 dan telah berjaya mencapai tahap perusahaan (pengusaha) kecil dan sederhana. Tempoh bayaran balik adalah selama tiga tahun tiga bulan.⁴¹ Pemohon yang berjaya melalui proses saringan akan menandatangani Lafaz Akad (perjanjian). Proses ini melibatkan peminjam, wakil pengurusan dan dua saksi dari kedu-dua pihak. Semasa akad, penerima pinjaman akan diingatkan mengenai tanggungjawab membayar semula pinjaman supaya manfaat itu dapat dipanjangkan kepada orang lain yang lebih memerlukan.⁴² Penerima dana ini juga akan diberikan khidmat nasihat dan cadangan penambahbaikan dalam perniagaan mereka.⁴³


Program WDN ini telah banyak membantu usahawan menjalankan perniagaan mereka. Rajah 2 menunjukkan jumlah agihan terkumpul WDN. Pada tahun 2009, sebanyak RM247,750.00 disalurkan melalui program ini. Sehingga tahun 2014, sebanyak RM526,800.00 telah digunakan untuk membantu usahawan memajukan perniagaan mereka.

40 *Ibid.*

41 *Ibid.*

42 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 62.

43 WANCorp 2010, *op.cit.*, ms. 24.



Rajah 2 Jumlah Agihan Terkumpul Waqaf Dana Niaga⁴⁴

Mutawwif Waqaf Annur

Mutawwif ialah rakan pembimbing yang bertujuan untuk memudahkan urusan jemaah haji atau umrah. Program *Mutawwif* Waqaf Annur (MWA) ini melibatkan WANCorp, Akademi Mutawwif Sdn Bhd (AMSB) dan juga Tiram Travel Sdn Bhd (TTSB). MWA pada awalnya dijalankan untuk Eksekutif-eksekutif Agama di dalam WANCorp, namun pada tahun 2007 ianya ditawarkan kepada individu luar yang berminat.⁴⁵ Program ini juga dijalankan setelah mengambilkira faktor pertambahan jumlah jemaah saban tahun, keperluan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan di samping memastikan kebajikan jemaah umrah terus terjaga.⁴⁶

⁴⁴ Data diperoleh dari Laporan Tahunan JCorp 2009 dan Laporan Tahunan WANCorp dari tahun 2010 hingga tahun 2014.

⁴⁵ WANCorp 2011, *op.cit.*, ms. 28.

⁴⁶ WANCorp 2013, *op.cit.*, ms. 28.

Melalui program MWA, calon perlu mengikuti keseluruhan modul yang dirangka. Ianya merangkumi Modul Pengurusan dan Pentadbiran Umrah, Pemimpin Rombongan atau *Tour Leader*, *Fiqh Umrah*, *Sirah* Makkah dan Madinah, Simulasi Pengurusan serta Bahasa Arab. Calon kemudiannya akan melalui ujian bertulis dan ditemuduga. Calon yang lulus di peringkat ini akan menjalani latihan praktikal sebagai *mutawwif* terlatih dengan bimbingan *mutawwif* bertauliah. Maklum balas jemaah, *mutawwif* bertauliah dan TTSB semasa praktikal akan diambil kira sebelum diperakukan oleh Jawatankuasa Penyelarasan *Mutawwif*. Peserta yang berjaya melepasi semua syarat-syarat kelayakan akan ditauliahkan dengan Sijil Pentauliahan MWA dan layak menjadi *mutawwif* secara profesional. Pentauliahan ini diberikan oleh Jawatankuasa Pentauliahan *Mutawwif*.⁴⁷

Bagi memudahkan calon *mutawwif* menjalani latihan praktikal di Tanah Suci, pihak WANCorp menyediakan Dana *Mutawwif*. Dana ini menggunakan konsep pinjaman *Qard al-Hassan*, di mana calon boleh memohon pinjaman maksima sebanyak RM3,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama dua tahun untuk menjalani latihan praktikal.⁴⁸

Sehingga Disember 2014, sebanyak 47 siri kursus *mutawwif* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 900 peserta. Sebanyak 214 *mutawwif* telah ditauliahkan dan 89 orang peserta lagi dalam proses pentauliahan secara rasmi pada awal tahun 2015.⁴⁹ AMSB juga menjalankan kerjasama strategik dengan syarikat Al-Muttaqin Travel Sdn Bhd dalam menganjurkan kursus ini. Begitu juga dengan penganjuran kursus di luar Johor melibatkan TTSB cawangan utara bagi mereka yang berada selain Johor.

47 WANCorp 2011, *op.cit.*, ms. 28.

48 WANCorp 2011, *op.cit.*, ms. 29.

49 WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 58.

Dalam usaha meningkatkan kefahaman dan kualiti para *mutawwif*, AMSB telah menganjurkan Muzakarah *Mutawwif*. Muzakarah ini bertujuan sebagai platform membincangkan isu semasa berkaitan hukum-hakam, pengurusan, perkongsian pengalaman dan pertukaran maklumat tentang ibadah haji dan umrah. Dua siri muzakarah telah dijalankan melibatkan 450 peserta di Sg Petani dan Johor Bahru pada tahun 2014.⁵⁰

Dengan adanya program seperti ini, ia memberi peluang kepada peserta menjadikan *mutawwif* sebagai kerjaya profesional serta mewujudkan satu cabang perniagaan untuk diceburi. *Mutawwif* profesional layak berkhidmat bukan sahaja dengan TTSB tetapi dengan mana-mana agensi umrah berdasarkan syarat yang ditentukan oleh agensi itu sendiri.⁵¹

Waqaf Komuniti Pusat Jahitan

Program Waqaf Komuniti Pusat Jahitan ini bermula pada 2hb Disember 2013. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta menjana pendapatan dan menaiktaraf kehidupan mereka. Peserta yang diberi keutamaan menyertai program ini adalah mereka yang terdiri daripada golongan ibu tunggal.⁵²

Terdapat dua pusat jahitan yang diwujudkan iaitu Pusat Jahitan Pasir Gudang dan Pusat Jahitan Ulu Tiram. Pusat jahitan ini dilengkapi dengan mesin dan peralatan menjahit. Selain itu, tenaga pengajar berkelayakan dan berpengalaman ditugaskan untuk memberi latihan kepada peserta. 12 modul jahitan perlu dikuasai oleh peserta iaitu modul baju kurung biasa, kurung moden, kurung riau, jubah wanita, jubah lelaki, baju melayu, baju kemeja, baju korporat, sarung meja, sarung kerusi, langsir dan tudung. Pusat jahitan ini telahpun menerima tempahan dari agensi kerajaan, badan korporat dan orang awam.⁵³

⁵⁰ *ibid.*, ms. 59.

⁵¹ WANCORP 2010, *op.cit.*, ms. 23.

⁵² WANCORP 2013, *op.cit.*, ms. 33.

⁵³ WANCORP 2014, *op.cit.*, ms. 76.

Selain aktiviti menjahit, peserta juga diberikan pengisian sampingan seperti tazkirah pagi yang disampaikan oleh kakitangan Rangkaian Masjid An-Nur, bacaan yasin dan juga usrah. *Kids corner* dalam premis jahitan disediakan untuk anak-anak peserta menjalankan aktiviti pembelajaran dan mengisi masa lapang. Selain itu, terdapat juga kelas jahitan malam yang dibuka untuk orang awam untuk mempelajari kursus jahitan asas.⁵⁴

RUMUSAN

Perbincangan di atas telah menerangkan mengenai manfaat kebajikan wakaf korporat yang dilaksanakan di Johor. Melalui enam aktiviti utama yang dihuraikan di atas, dapat dilihat bahawa wakaf korporat yang dilaksanakan oleh WANCorp ini dapat dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat tanpa dibatasi oleh sempadan negeri dan agama. Hal ini dapat dibuktikan melalui operasi KWAN. Kewujudan klinik wakaf ini di negeri lain merupakan satu usahasama WANCorp dengan pemegang amanah wakaf negeri yang terlibat. Sebagai contoh, operasi KWAN di Sarawak merupakan kolaborasi antara WANCorp dan Baitulmal Sarawak.⁵⁵ Selain itu, peningkatan pesakit bukan muslim yang menerima rawatan di rangkaian hospital dan KWAN juga merupakan satu petanda positif penerimaan mereka mengenai khidmat yang dihulurkan, walaupun kebanyakan lokasi KWAN di perkarangan masjid.

Melalui operasi bantuan kemanusiaan yang dijalankan oleh Briged Waqaf An-Nur pula, manfaat wakaf ini juga turut dikongsi bersama mereka yang memerlukan, walaupun bukan berada di negeri Johor. BWA merupakan antara pasukan awal yang menghulurkan bantuan semasa banjir besar di Pahang dan Kelantan pada tahun 2014, yang melibatkan 762 keluarga

⁵⁴ WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 77.

⁵⁵ JCorp 2007, *op.cit.*, ms. 56.

terjejas.⁵⁶ BWA turut menghulurkan bantuan bagi bencana yang terjadi di luar Malaysia, seperti di Indonesia, Jepun dan Kemboja. Bagi program Waqaf Dana Niaga dan Mutawwif Waqaf An-Nur pula, peluang dibuka kepada mereka yang ingin menjana pendapatan menggunakan platform yang disediakan. Manakala Waqaf Komuniti Pusat Jahitan pula lebih kepada golongan ibu tunggal yang tidak bernasib baik.

Dapat dilihat di sini melalui program utama yang dijalankan oleh WANCorp, manfaat wakaf mampu diagihkan kepada pelbagai golongan. Program-program yang dijalankan melalui wakaf korporat ini merupakan salah satu cara untuk menyemarakkan kembali kegemilangan prestasi wakaf, terutama dalam bidang perubatan dan kesihatan. Inisiatif JCorp dan WANCorp menjadikan wakaf korporat sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat Islam (*Islamic corporate social responsibility*)⁵⁷ merupakan salah satu usaha yang patut dicontohi oleh organisasi korporat Muslim yang lain.

Melalui wakaf korporat ini juga, urusan operasi terutamanya dalam bidang perubatan tidak menjadi tanggungjawab utama pihak MAIJ sebagai pemegang amanah tunggal wakaf. Hal ini pernah disebutkan oleh Tan Sri Ali Hashim, contohnya, jika ada idea untuk mewujudkan universiti wakaf, pengurusan universiti itu hendaklah diserahkan kepada mereka yang mempunyai kepakaran.⁵⁸ Oleh itu di WANCorp, pihak MAIJ dan juga Mufti Johor diletakkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah manakala pengurusan diserahkan hospital dan klinik diserahkan kembali kepada KPJ Healthcare Berhad. Melalui cara ini, MAIJ tidak perlu menambah kepakaran dalam bidang perubatan dan manfaat wakaf ini dapat dinikmati oleh pelbagai golongan.

⁵⁶ WANCorp 2014, *op.cit.*, ms. 65.

⁵⁷ JCorp 2006, *op.cit.*, ms. 18.

⁵⁸ Syarahan Profesor Adjung oleh Tan Sri Ali Hashim. Jihad Bisnes : Satu Perjuangan Ke Arah Menjadi Khalifah Ekonomi. 4 November 2014. Pusat Islam. UUM.

RUJUKAN

Abd. Shakor, B. (2011). Pelaksanaan Pembangunan Wakaf Korporat Johor Corporation Berhad (JCorp) : Satu Tinjauan. Dibentangkan di *International Conference of Humanities* (pp. 1–13).

Abu Bakar, M. (2007). Isu-isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(1), 53–72.

Cavana, R. Y., Delahaye, B. L., & Sekaran, U. (2001). *Applied Business Research : Qualitative And Quantitative Methods*. John Wiley & Sons Australia, Ltd.

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/saham-wakaf-dan-wakaf-ganti-wakaf-ibdal> diakses pada 27hb Feb 2016.

Laporan Tahunan Johor Corporation 2006

Laporan Tahunan Johor Corporation 2007

Laporan Tahunan Johor Corporation 2008

Laporan Tahunan Johor Corporation 2009

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation 2010

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation 2011

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation 2012

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation 2013

Laporan Tahunan Waqaf An-Nur Corporation 2014

Nathasa Mazna, R., & Nurul Aini, M. (2013). Good Governance Framework for Corporate Waqf : Towards Accountability Enhancement. Dibentangkan di *Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference*. Kuala Lumpur.

Nurul Asykin, M., & Muhammad Hakimi, M. S. (2013). Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim : Kajian di Wakaf An-Nur Corporation. Dibentangkan di *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII 2013* (Vol. 1, pp. 383–396).

Siti Mashitoh, M., Asmak, A. R., Hasnol Zam Zam, A., & Syarqawi, M. (2007). Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Harta Tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 1–32.

OBJEKTIF INSTITUSI PENGUTIP ZAKAT (IPZ): SEBUAH PENILAIAN

Oleh:
Muhsin Nor Paizin¹

ABSTRAK

Salah satu strategi Majlis Agama Islam negeri (MAIN) untuk meningkatkan kutipan zakat adalah dengan menubuhkan sebuah Institusi Pengutip Zakat (IPZ). Sekiranya perbandingan antara negeri dibuat, Wilayah Persekutuan merupakan perintis kepada strategi ini dimana pelaksanaannya telah bermula pada tahun 1991. Konsep ini kemudiannya mula dijadikan contoh oleh beberapa negeri lain seperti Selangor, Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan, dengan tertubuhnya IPZ masing-masing, dan lantas ianya memberi impak positif keatas pencapaian kutipan zakat. Secara umumnya, IPZ ditubuhkan untuk mencapai 3 objektif utama iaitu; i) Menjadi agensi pengutip zakat bagi pihak MAIN; ii) Menyampaikan dakwah berzakat kepada masyarakat; dan iii) Memastikan masyarakat muslim yang layak berzakat menunaikan zakat mereka. Makalah ini merupakan sebuah penilaian terhadap objektif-objektif sedia ada di sesetengah IPZ, beserta cadangan ringkas yang boleh dipertimbangkan oleh IPZ itu sendiri. Diharap tulisan ini menjadi titik tolak kepada sebuah penambahbaikan berterusan, supaya IPZ terus maju demi kebaikan ummah Islam di Malaysia.

Perkataan Teras : Objektif Institusi Zakat, Pencapaian Kutipan, Pengkorporatan, Operasi Zakat

Klasifikasi JEL : Q59, Z12

¹ Pelajar Sarjana, Jabatan Syariah Dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam (API), Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur. E-mail: muhsin.paizin@gmail.com

PENTADBIRAN ZAKAT DI MALAYSIA

Berpandukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia, hal berkaitan agama Islam termasuk zakat adalah tertakluk dibawah bidangkuasa negeri-negeri iaitu diletakkan di bawah Perlembagaan Persekutuan: Jadual Kesembilan, Senarai 2: Senarai Negeri. Manakala Sultan atau raja bagi sesebuah negeri merupakan ketua agama Islam dengan hal berkaitan pentadbiran dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Yang Dipertuan Agong pula menjadi ketua agama bagi negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan iaitu negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan. Kesemua negeri mempunyai MAIN serta corak pentadbirannya yang hampir serupa namun terpisah.

Dalam konteks pentadbiran zakat, ianya juga dikendalikan secara berbeza-beza tertakluk kepada ketentuan masing-masing. Setiap negeri bebas membentuk struktur pentadbiran hal ehwal Islam mengikut kesesuaian setempat. Akhirnya ia memperlihatkan perbezaan corak dan bentuk pentadbiran yang berasingan dan tersendiri. Ini adalah suatu perkara yang penting untuk difahami oleh semua pihak oleh kerana ianya memberi kesan secara langsung mahupun tidak langsung kepada sistem pentadbiran zakat di Malaysia.

Sesetengah MAIN telah menjalankan beberapa perubahan dalam corak pentadbiran zakat. Antara yang utama adalah dasar penswastaaan dan pengkorporatan sebahagian atau keseluruhan sistem pentadbiran zakat-nya. Ianya bermula pada tahun 1991 apabila Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) menubuhkan sebuah Institusi Pengutip Zakat (IPZ) yang dipertanggungjawabkan untuk mengutip zakat bagi pihak MAIWP. Keputusan dasar ini dilihat amat berjaya apabila IPZ tersebut telah mencapai peningkatan kutipan zakat saban tahun. Konsep ini kemudiannya mula diikuti oleh MAIN lain

sepertimana di Selangor, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan. Namun perlu kita sedari, sesetengah MAIN, atas pertimbangan masing-masing, masih kekal mentadbir zakat secara langsung tanpa menubuhkan apa-apa institusi zakat lain.

Secara umumnya, penulis telah membahagikan struktur pentadbiran zakat di Malaysia berdasarkan perubahan yang berlaku kepada empat jenis:

- i. Pentadbiran zakat secara langsung oleh pihak MAIN. Contohnya di Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor dan Perak.
- ii. Pentadbiran dwi-sistem iaitu urusan kutipan dibawah anak syarikat (IPZ) manakala urusan agihan kekal dibawah MAIN seperti di Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang.
- iii. Pentadbiran zakat secara tidak langsung dengan mempertanggungjawabkan badan lain bagi pihak MAIN dalam urusan kutipan serta agihan zakat sepertimana di Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.
- iv. Pentadbiran secara jabatan dimana ianya terpisah dari MAIN namun tetap diketuai oleh sultan, contohnya di Kedah.

Berdasarkan penjelasan diatas nyatalah corak pentadbiran zakat di Malaysia merupakan sebuah sistem yang sangat unik dan seharusnya difahami terlebih dahulu oleh semua pihak, kerana ianya secara langsung memberi kesan terhadap pencapaian serta penetapan objektif institusi itu sendiri.

FOKUS KERTAS INI

Kertas ini berhasrat mengetengahkan perkara berkaitan objektif dan misi IPZ itu sendiri dengan disertakan beberapa ulasan dan pandangan berkaitannya. Berpandukan sedikit penjelasan latar

belakang pentadbiran zakat sepertimana dinyatakan diatas, kertas ini akan memfokuskan perbincangan kepada negeri-negeri dibawah sistem pentadbiran dwi-sistem sahaja. Dengan hanya Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka sebagai rujukan. Makalah ini merasakan percambahan fikiran dapat dijana sekiranya pemerhatian dibuat keatas objektif-objektif yang telah digariskan oleh IPZ dan melihat sejauh mana penetapan tersebut diterjemahkan kepada pelaksanaan sebenar.

KONSEP OBJEKTIF ORGANISASI

Umumnya, objektif organisasi adalah sesuatu matlamat yang bertujuan untuk dicapai oleh sesebuah organisasi. Objektif organisasi adalah aspek yang paling penting dalam proses penetapan dasar. Adalah mustahil untuk sesebuah organisasi secara tiba-tibanya ditubuhkan dan terus mula beroperasi tanpa terlebih dahulu disediakan landasan-landasan yang kukuh. Objektif organisasi akan memainkan peranan besar dalam membangunkan dasar organisasi dan menentukan peruntukan sumber-sumber yang ada.

Menurut Tahir Sufi (n.d.), objektif sesebuah organisasi sangat berkait rapat dengan tujuan organisasi itu sendiri, dimana keperluan untuk menjelaskan sesuatu objektif adalah untuk menyediakan rangka kerja serta proses pembikinan strategi. Daripada penetapan objektif, ianya akan dijadikan teknik pengurusan yang membolehkan pengurus untuk menilai proses kemajuan (*progress*) dengan membandingkan dengan matlamat (*goals*). Manakala menurut James Ryan (n.d.), teknik pengurusan ini memberi kelebihan untuk mengangkat prinsip akauntabiliti terhadap kakitangan dibawahnya.

Justeru objektif menjadi asas utama kepada halatuju serta perjalanan organisasi. Selaras dengan faktor objektif itu sendiri

diwujudkan ialah untuk menjadi sebuah misi serta halatuju yang ingin dicapai. Namun, bagi mengelakkan sesebuah kenyataan objektif hanya sekadar omongan kosong, objektif-objektif yang digariskan hendaklah juga menepati tujuan organisasi itu ditubuhkan dengan turut mengambilkira faktor-faktor perubahan dari keperluan semasa ke semasa.

OBJEKTIF INSTITUSI PENGUTIP ZAKAT (IPZ)

Umum mengetahui bahawa IPZ ditubuhkan untuk mencapai tiga objektif utama iaitu i) Menjadi agensi pengutip zakat bagi pihak MAIN; ii) Menyampaikan dakwah berzakat kepada masyarakat; dan iii) Memastikan masyarakat muslim yang layak berzakat menunaikan zakat mereka.² Objektif-objektif ini sudah tentunya dalam usaha memenuhi hasrat untuk memastikan umat Islam dapat melunaskan tanggungjawab berzakat mereka dan kemudian, wang-wang zakat yang dikutip dapat diserahkan kepada pihak MAIN untuk diagihkan kepada lebih ramai asnaf.

Perkara ini bertepatan dengan saranan strategi yang perlu dilakukan IPZ oleh pengkaji terdahulu antaranya meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membayar zakat (Mohd Noor et al. 2004), dan ada juga mencadangkan meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Wahid et al. 2007). Kedua-dua cadangan ini bertujuan meningkatkan kesedaran untuk membayar zakat yang akhirnya akan meningkatkan jumlah kutipan zakat. Peningkatan jumlah pungutan ini akan meningkatkan lagi jumlah pengagihan zakat kepada asnaf. Jika jumlah kutipan meningkat, amaun zakat yang diagihkan kepada fakir miskin juga akan meningkat dan ini akhirnya akan memberikan kesan positif kepada asnaf zakat dari sudut ekonomi (Hairunnizam et al. 2012). Hal ini bermakna segala aktiviti dan pengoperasian IPZ seharusnya berteraskan

² Ketiga-tiga objektif ini merupakan kesimpulan awal penulis dengan merujuk kepada beberapa kertas pembentangan oleh Hj. Mohamed Dahan Abdul Latiff, Pengurus Besar PPZ-MAIWP tahun 1991 - 2003

objektif umum dimasa yang sama menjadi sebuah sistem yang boleh memajukan ekonomi umat Islam.

Terjemahan Objektif Kepada Pelaksanaan

Beberapa buah negeri dipilih sebagai rujukan iaitu Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Melaka

Wilayah Persekutuan

Kegiatan pungutan zakat di Wilayah Persekutuan diuruskan oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dimana telah menggariskan objektif-objektifnya iaitu untuk i) Meningkatkan Pungutan Zakat; ii) Memudahkan Pembayaran Zakat; iii) Mendidik Masyarakat Islam Tentang Tanggungjawab Berzakat; iv) Memperkenalkan Sistem Pungutan Zakat Berkomputer; dan v) Memperkenalkan Cara Korporat Dalam Pengurusan Memungut Zakat.³ Pada masa yang sama, PPZ-MAIWP juga menetapkan sasaran peningkatan kutipan dan bilangan pembayar setiap tahun. Untuk menilai sejauh mana pelaksanaan objektif-objektif PPZ-MAIWP, kita boleh melihat kepada data-data yang tersedia beserta maklumat-maklumat yang diketahui secara umum.

Jadual 1: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Harta oleh PPZ-MAIWP

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1991	13.2 juta	14,200
1992	19.9 juta	24,288
...
2013	484.6 juta	138,852
2014	532.9 juta	153,382

³ Lihat Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP 2013.

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP⁴

Berpandukan jadual di atas, jelas dilihat berlakunya peningkatan kutipan zakat. Sekiranya perbandingan dibuat, peningkatan kutipan zakat mencecah pertumbuhan 3,900% dari tahun pertama sehinggalah tahun 2014 ianya beroperasi. Begitu juga berlaku kepada jumlah bilangan pembayar yang meningkat dari tahun ke tahun sehingga mencecah 150 ribu orang pada tahun 2014. Hal ini dibantu kerana usaha berterusan mereka dalam mendakwah masyarakat Islam terutamanya di Wilayah Persekutuan. Dengan merujuk kepada penulisan lepas, sekurang-kurangnya terdapat 5 kegiatan utama dakwah yang dilakukan iaitu kempen melalui media masa, taklimat zakat dan pembukaan kaunter cawangan, penerbitan buku zakat, kepelbagaian saluran bayaran dan peningkatan saluran media baru (Muhsin, 2014).

Manakala dari sudut memudahkan pembayaran zakat dan aplikasi teknologi terkini dalam aktiviti kutipan, PPZ dilihat telah menyediakan pelbagai saluran pembayaran yang ada sesetengah daripadanya lebih digemari dan yang lain. Ia dapat dibuktikan melalui data di bawah:

Jadual 2: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Melalui Saluran Bayaran di PPZ-MAIWP

Saluran Bayaran	2014 (RM)	2013 (RM)	2012 (RM)
Potong Gaji	312,828,297	270,411,540	223,448,641
Kaunter Zakat / Majlis	183,699,949	185,921,408	157,550,015
Kirim POS	2,682,081	4,149,075	3,199,217
Pelbagai Ejen	24,975,932	17,972,983	14,108,516

⁴ Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP merupakan satu-satunya buku laporan yang memuatkan statistik kutipan zakat dan agihan zakat seluruh negeri di Malaysia. Justeru kebanyakan data-data yang terdapat dalam kertas ini berpandukan kepada buku laporan tersebut.

Elektronik / Media Baru:	8,494,585	5,873,546	4,056,882
Tidak dituntut (Akaun khas)	230,256	245,707	319,133
Jumlah Kutipan	532,915,062	484,574,259	402,682,404

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP

Daripada penerangan diatas, tidak keterlaluan sekiranya disimpulkan bahawa PPZ-MAIWP telah bergerak untuk mencapai peningkatan kutipan zakat dengan menerapkan kaedah lebih mesra pelanggan dengan mewujudkan lebih banyak kemudahan untuk keselesaan pembayarannya, pada masa yang sama melakukan kempen-kempen dakwah zakat kepada masyarakat. Merujuk kepada data-data diatas, PPZ-MAIWP dilihat bergerak selari dengan objektif yang telah digariskan.

Negeri Sembilan

Tugas mengutip zakat di Negeri Sembilan dikelolakan oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS), sebuah institusi korporat yang ditubuhkan untuk mengutip zakat bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Telah ditubuhkan pada tahun 1998 dengan berobjektifkan untuk i) Meningkatkan kutipan zakat sebanyak 10% setiap tahun; ii) Meningkatkan bilangan pembayar sebanyak 6% setiap tahun; iii) Memberi perkhidmatan yang cekap dan mesra; dan iv) Meningkatkan Kemahiran Sumber Manusia⁵.

Objektif-objektif yang digariskan oleh PZNS dilihat sangat spesifik khususnya dalam pencapaian yang diharapkan dari sudut peningkatan kutipan dan bilangan pembayar setiap tahun. Bagi melihat pencapaian PZNS sehingga kini, kertas berhasrat

⁵ Lihat <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-pzns/objektif>

merujuk kepada data-data kutipan yang tersedia seperti dibawah:

Jadual 3: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Harta oleh PZNS⁶.

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1998	7.4 juta	-
1999	8.7 juta	-
...
2013	74.7 juta	42,616
2014	84.0 juta	47,506

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP

Merujuk Jadual 3, pencapaian kutipan zakat di Negeri Sembilan mencatatkan pertumbuhan 1000% jika dibandingkan tahun pertama dengan tahun 2014. Manakala pertumbuhan tahunan adalah sekitar 10% - 20% setiap tahun. Begitu juga peningkatan berlaku kepada bilangan pembayar sekiranya melihat kepada data penuh dalam Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP⁷. Dari sudut memberikan perkhidmatan yang cekap kepada pembayar, PZNS telah menyediakan saluran kaedah pembayaran seperti kaunter, kiriman pos, potongan gaji, kaunter bank, kaunter bergerak, internet banking, sms, amil masjid dan mesin kiosk⁸. Usaha untuk mencapai objektif ditambah dengan strategi-strategi dakwah lain sebagai contoh *Operasi Rakan Niaga*, taklimat dan pameran zakat, khutbah dan kuliah zakat dan lain-lain⁹.

Melihat kepada pencapaian dan usaha yang telah dibuat, di sini dapat dirumuskan PZNS turut bergerak selari dengan objektif yang telah dinyatakan sebelum ini.

6 Rujuk Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP edisi tahun 1999 hingga 2014.

7 Ibid, namun data bilangan pembayar PZNS hanya tersedia bermula tahun 2005.

8 Lihat <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/kaedah-pembayaran>

9 Ibid

Melaka

Tugas mengutip zakat di Melaka diuruskan oleh Pusat Zakat Melaka yang ditubuhkan pada tahun 1996. Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengamanahkan Pusat Zakat Melaka (PZM) untuk menjalankan pengurusan zakat secara profesional bagi memungut dan mengagihkan zakat secara efektif dan bersistematik serta berkesan sesuai dengan objektif untuk menjadikan zakat sebagai satu pemangkin perekonomian dunia Islam di Negeri Melaka. Melihat dengan lebih dekat lagi, objektif-objektif PZM ialah i) Mendorong dan menggalakkan kewajipan berzakat; ii) Melahirkan masyarakat yang prihatin; iii) Menyediakan kemudahan dan keselesaan pembayar zakat; iv) Menguruskan kutipan zakat selaras dengan sasaran yang ditetapkan; v) Mengadakan promosi zakat dan kempen kesedaran berzakat dalam menyebarkan info zakat; dan vi) Melahirkan keyakinan masyarakat terhadap Pusat Zakat Melaka (PZM) ¹⁰.

Berdasarkan objektif-objektif yang dinyatakan diatas, dilihat ianya tidak ditegaskan secara spesifik tentang peningkatan angka kutipan mahupun bilangan pembayar, malah PZM lebih menitikberatkan soal penggalakan dan penyediaan perkhidmatan yang baik kepada masyarakat muslim di Melaka. Ternyata ianya diterjemahkan kepada pelbagai aktiviti operasi yang dijalankan oleh PZM dalam pelbagai bentuk seperti program majlis pembayaran zakat, kepelbagaian kemudahan bayaran, dan perkongsian maklumat di media massa¹¹. Natiujahnya, ia memberikan peningkatan hasil kutipan sebanyak 620% jika membandingkan tahun 2014 dengan tahun 1999, seperti tertera dalam jadual di bawah:

¹⁰ Lihat http://www.izakat.com/index.php?option=com_content&view=article&id=30&Itemid=19&lang=bn

¹¹ Ibid

Jadual 4: Statistik Ringkas Kutipan Zakat Harta oleh PZM¹²

Tahun	Kutipan Zakat (RM)	Bil. Pembayar (Orang)
1999	7.6 juta	-
2000	8.4 juta	-
...
2013	49.7 juta	32,019
2014	54.7 juta	34,914

Sumber: Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP

Berdasarkan penerangan ringkas ini, ternyata PZM telah berjaya meningkatkan perihal tuntutan berzakat kepada masyarakat pada masa yang sama telah menyediakan pelbagai kemudahan selari dengan objektif yang dinyatakan.

ULASAN DAN CADANGAN

Umumnya, mana-mana organisasi memerlukan objektif-objektif yang jelas dan padat, ia kerana ianya akan menjadi asas utama kepada halatuju serta perjalanan organisasi tersebut. Selaras dengan tujuan objektif itu sendiri diwujudkan, ialah untuk dijadikan sebagai misi serta halatuju yang ingin dicapai. Pada masa yang sama objektif-objektif yang digariskan hendaklah juga menepati tujuan organisasi itu sendiri ditubuhkan dengan turut mengambilkira faktor-faktor perubahan dan keperluan semasa. Hal ini untuk mengelakkan berlakunya penetapan kepada sebuah kenyataan yang tiada erti yang akhirnya tidak menjadi rujukan dalam proses membuat keputusan oleh pihak pengurusan.

¹² Data PZM hanya tersedia bermula tahun 1999, manakala data bilangan pembayar hanya berjaya didapati bermula tahun 2005. Rujuk Laporan Tahunan Zakat PPZ-MAIWP edisi 1999 hingga 2014.

Jadual 5: Objektif-Objektif PPZ, PZNS dan PZM

OBJEKTIF/ MISI IPZ		
PPZ-MAIWP	PZNS-MAINS	PZM-MAIM
i. Meningkatkan Pungutan Zakat;	i. Meningkatkan kutipan zakat sebanyak 10% setiap tahun	i. Mendorong dan menggalakkan kewajipan berzakat
ii. Memudahkan Pembayaran Zakat	ii. Meningkatkan bilangan pembayar sebanyak 6% setiap tahun	ii. Melahirkan masyarakat yang prihatin
iii. Mendidik Masyarakat Islam Tentang Tanggungjawab Berzakat	iii. Memberi perkhidmatan yang cekap dan mesra	iii. Menyediakan kemudahan dan keselesaan pembayar zakat
iv. Memperkenalkan Sistem Pungutan Zakat Berkomputer	iv. Meningkatkan Kemahiran Sumber Manusia	iv. Menguruskan kutipan zakat selaras dengan sasaran yang ditetapkan
v. Memperkenalkan Cara Korporat Dalam Pengurusan Memungut Zakat		v. Mengadakan promosi zakat dan kempen kesedaran berzakat dalam menyebarkan info zakat

		vi. Melahirkan keyakinan masyarakat terhadap Pusat Zakat Melaka (PZM)
--	--	---

Berpandukan Jadual 5 diatas, dilihat setiap IPZ menggariskan objektif dan misi organisasi mirip dengan yang lain. Sekiranya melihat kepada pencapaian yang dibincangkan serba sedikit sebelum ini, kebanyakan daripadanya tercapai dimana ianya boleh dibuktikan dengan pencapaian jumlah kutipan zakat serta usaha-usaha dakwah yang telah dilakukan. Lantas, segala usaha yang dijalankan oleh IPZ seharusnya diiktiraf dan dipuji seterusnya disokong dengan harapan kemajuan akan terus diraih dimasa akan datang. Namun, untuk sesebuah institusi tersebut kekal relevan dan bertambah baik dari masa ke masa, penulis merasakan ada beberapa sudut yang boleh diperbaiki dalam penetapan objektif-objektif di IPZ:

i. Fokus IPZ Seharusnya Terhadap Orang Kaya

Seperti sedia maklum, tujuan penubuhan IPZ adalah untuk menjalankan tanggungjawab mengutip zakat bagi pihak MAIN, proses pengutipan ini semahunya perlu menepati aturan syarak yang telah ditetapkan keatas umat Islam. Salah satu penetapan syarak yang utama dalam zakat adalah ianya diwajibkan kepada orang kaya yang mempunyai harta melebihi nisab¹³. Justeru fokus operasi pengutipan zakat kepada masyarakat seharusnya ditekankan kepada orang yang berada berbanding golongan lain. Ini kelihatan berbeza dengan konsep dakwah sedia ada, dimana IPZ dilihat berdakwah kepada pelbagai golongan tanpa

¹³ Hadis riwayat Abu Saïd al-Khudri RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Tidak ada kewajiban zakat pada kurma yang kurang dari lima wasaq. Tidak ada kewajiban zakat pada perak yang kurang dari lima uqiyah. Dan, tidak ada kewajiban zakat pada unta yang kurang dari lima ekor." (HR Bukhari, Muslim dan lain-lain)

kurangnya pemisahan antara orang kaya dan orang bukan kaya¹⁴. Penulis mencadangkan agar objektif tumpuan dakwah IPZ akan lebih menjurus kepada golongan yang mampu membayar zakat. Sudah semestinya usaha dakwah kepada khayalak umum satu usaha yang mulia, namun usaha ini seharusnya berpada-pada dan fokus utama IPZ itu sendiri adalah memastikan golongan yang seharusnya membayar zakat, menunaikan tuntutan berzakat.

ii. Menyedari Wujud Had Pencapaian Kutipan Zakat

Zakat adalah sebuah pembersihan harta kekayaan dan ianya hanya dikutip dari golongan berharta dan berpendapatan tinggi yang melebihi had nisab. Hal ini bermakna pemisahan telah berlaku antara golongan pembayar zakat dan bukan pembayar serta tetapan minima harta yang perlu dimiliki untuk diwajibkan untuk dizakatkan. Kebiasaannya jumlah golongan kaya dalam sesebuah kawasan adalah sedikit berbanding yang bukan kaya, maka sudah tentunya bilangan pembayar zakat juga adalah sedikit memberi makna bahawa ada had maksima jumlah amaun zakat yang boleh dikutip. Tambahan pula situasi di negara Malaysia yang menetapkan urusan agama Islam adalah tertakluk dibawah kuasa negeri yang memberi kesan had kuasa tidak diluar sempadan kepada mana-mana institusi zakat sekalipun. Penulis merasakan hasrat ingin mencapai angka kutipan zakat kesatu tahap yang melampau¹⁵ adalah tidak relevan dengan situasi semasa sungguhpun wang tersebut akan dimanfaatkan golongan asnaf kemudian hari. Target peningkatan kutipan setiap tahun juga dilihat tidak seharusnya menjadi ukuran utama oleh kerana wujud berlakunya had kutipan serta faktor luaran ekonomi dan lain-lain lagi. Justeru penulis mencadangkan agar IPZ sentiasa berobjektifkan untuk lebih memastikan setiap orang Islam yang wajib mengeluarkan

14 Hal ini boleh didapati dengan melihat kempen turun padang yang dijalankan oleh IPZ dikawasan-kawasan umum. Sebagai contoh berita 'PPZ-MAIWP Terbit Komik Geng Amil' (<http://www.zakat.com.my/berita-acara/9-berita-semasa/268-ppz-maiwp-terbit-komik-geng-amil>)

15 Berita Arkib (15/11/2014) : PPZ-MAIWP Sasar Kutipan Zakat Sejumlah RM1 Billion Bagi Tahun 2020 (<http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/newsindex.php?id=1085473>)

zakat menunaikan tanggungjawab mereka, dimana objektif ini tidak mewajibkan sesiapa sahaja menunaikan zakat. Cara ini boleh dibuat dengan penapisan khusus antara golongan yang wajib dengan golongan yang tidak wajib. Hal ini juga untuk mengelakkan berlakunya penindasan atau lebihan ambilan harta daripada pembayar, ia juga bertepatan dengan saranan Rasulullah SAW terhadap amil-amil dizamannya¹⁶.

iii. Menitikberatkan Soal Ketelusan Dan Akauntabiliti

Maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan adalah penting untuk didedahkan di dalam pelaporan prestasi institusi zakat antaranya maklumat korporat, penyata kewangan, analisis prestasi kewangan dan nisbah prestasi kewangan. Menurut Noor Fadzilah Shafie et. al (2014), penekanan seharusnya diberikan kepada maklumat sijil dan laporan Ketua Audit Negara, penyata pendapatan dan perbelanjaan, maklumat prestasi perkhidmatan dan maklumat perancangan. Menurutnya lagi pembayar dan pentadbir zakat mementingkan maklumat ini diuar-uarkan dan mudah diakses oleh orang ramai. Akan tetapi IPZ ditubuhkan sebagai anak syarikat MAIN, oleh itu mungkin dilihat tanggungjawab pelaporan kewangan mungkin hanya kepada pihak MAIN sahaja. Namun mentaliti ini seharusnya ditolak, lebih-lebih lagi institusi zakat berhadapan dengan risiko ketidakpercayaan masyarakat ditambah pula isu-isu kecil yang turut menghangatkan keadaan. Penulis mencadangkan agar IPZ menjadikan perihal ketelusan serta akauntabiliti sebagai salah satu objektif utama dalam pengoperasian zakat.

¹⁶ Diriwayatkan dari Muslim bin Tsafinah dia berkata: "Ibnu Alqamah mengaskan bapaku untuk mengutip zakat bagi pihak kaumnya." Muslim berkata: "Lalu ayahku mengutusku kepada sebuah kaum agar aku mengambil zakat mereka. Kemudian aku keluar hingga menemui seorang yang telah tua bernama Sa'r. Aku katakan: 'Ayahku mengutusku kepadamu agar kamu menunaikan zakat kambingmu' (orang tua itu) berkata: 'Wahai anak saudaraku! Kambing seperti apa yang akan kalian ambil?' Aku berkata: 'Biarkan aku memilih, sampai aku mengukur susu kambingmu.' Dia berkata: 'Wahai anak saudaraku, aku akan memberitahumu bahawa ketika aku berada di sebuah bukit bersama kambing-kambingku pada masa Nabi SAW, tiba-tiba datang kepadaku dua orang lelaki yang menunggang unta dan berkata: 'Kami adalah utusan Nabi SAW yang datang kepadamu agar kamu menunaikan zakat kambingmu,' aku berkata: 'Apa yang wajib aku keluarkan darinya?' (Keduanya) berkata: 'Seekor kambing.' Lalu aku pergi menuju seekor kambing, yang aku melihatnya telah mengandung dan gemuk, lalu aku mengeluarkannya kepada mereka. Keduanya berkata: 'Ini adalah kambing yang sedang hamil, padahal Rasulullah SAW melarang kami untuk mengambil kambing yang hamil.' (Orang tua itu) berkata: 'Lalu aku menuju *mu'tath* (kambing betina yang berumur enam bulan hingga satu tahun) dan bawa kepada mereka, dia berkata: '*Mu'tath* adalah kambing yang belum melahirkan anak padahal sudah sampai masanya untuk melahirkan anak.' Lalu aku mengeluarkannya kepada mereka, dan keduanya berkata: 'Berikan kepada kami,' maka aku memberikannya kepada mereka hingga keduanya menaikannya ke atas unta mereka lalu keduanya pergi.'" (HR Nasa'i)

KESIMPULAN

Dalam usaha memartabatkan pentadbiran institusi zakat, perlu difikirkan kembali bagaimanakah cara memperkasa dan membangunkan proses sedia ada. Dalam masa yang sama, boleh juga difikirkan bagaimana memantapkan lagi mekanisme pengurusannya. Dalam makalah ini, penulis telah mengetengahkan beberapa institusi IPZ yang dipilih dan serba sedikit membuat penilaian sejauh mana pencapaian yang telah digarap dibandingkan dengan objektif sedia ada yang telah digariskan. Ternyata kebanyakan daripadanya berjaya dicapai. Namun beberapa perkara perlu difikirkan khasnya dari sudut objektif IPZ agar lebih bertepatan dengan tujuan penubuhan IPZ itu sendiri. Proses pemeraksanaan perlulah berterusan bagi memastikan keindahan Islam itu dapat diserlahkan dalam aspek pengurusan. Yang dinyatakan dalam penulisan ini hanyalah sebahagian kecil cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan dan diperhalusi.

RUJUKAN

Al-Bukhari Muhammed Ibn Ismaiel, Muhammad Muhsin Khan. "The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari". 1997. Riyadh: Darussalam.

Abul Hussain Muslim bin al-Hajjaj, Nasiruddin al-khattab, Huda Khattab & Abu Khaliyl. "English Translation of Sahih Muslim". 2007. Riyadh: Darussalam.

Abu Abdur Rahman Ahmad Shu'aib bin Ali An-Nasa'i, Abu Tahir Zubair Ali Zai, Nasiruddin al-Khattab, Huda Khattab & Abu Khaliyl. "English Translation of Sunan An-Nasa'i". 2007. Riyadh: Darussalam.

Ryan, James. "Manage By Objective Is The Cornerstone Of Managers Today". Diakses 8 Jun 2015. https://www.academia.edu/1354427/Manage_By_Objective_Is_The_Cornerstone_Of_Managers_Today.

Shafie, Noor Fadzilah, Ruhanita Maelah, and Norida Basnan. "Keperluan Pemegang Kepentingan Institusi Zakat Terhadap Item Maklumat Pelaporan Prestasi." PROSIDING PERKEM-9 (2014): 543-50. Accessed June 8, 2015. http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkem2014/PERKEM_2014_4A3.pdf.

Sufi Tahir. "Organizational Purpose and Business Objectives". Diakses 8 Jun 2015. https://www.academia.edu/10044271/Organizational_Purpose_and_business_objectives.

Mohamed Dahan Abdul Latiff. "Asas Pengurusan Dan Pembangunan Zakat." Pembentangan, Bengkel Pembangunan Zakat Sempanan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri 1421H/2000, Ogos 26, 2000.

Mohamed Dahan Abdul Latiff. "Pengalaman Pengelolaan Zakat di Malaysia." Pembentangan, Seminar Zakat dan Wakaf Nasional Indonesia Pengelolaan Zakat dan Wakaf : Perbandingan di Beberapa Negara, Jakarta, Disember 7, 2000.

Mohamed Dahan Abdul Latiff. "Manajemen Dan Pengelolaan Zakat Di Malaysia." Pembentangan, Muzakarah Dan Sosialisasi Undang-Undang Zakat oleh Badan Amil Zakat (BAZ), Aula Bank Nagari, BPD Sumber, Ogos 22, 2002.

Mohamed Dahan Abdul Latiff. "Pengurusan Zakat Di Malaysia." Pembentangan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Januari 23 - 24, 2003.

Muhsin Nor Paizin. "Perlaksanaan Zakat Di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan Dan Agihan Zakat". *Jurnal Hadhari* 6 (2) (2014): 97-111.

Wahid Hairunnizam, Sanep Ahmad & Radiah A.K. "Melokalisasikan Urus Tadbir Pengagihan Zakat: Peranan Institusi Masjid Di Malaysia." *Asian Journal of Accounting and Governance* 3 (2012): 71-83. Diakses 8 Jun 2015. http://www.ukm.my/hairun/kertas_kerja/AJAG-7.pdf.

Wahid Hairunnizam, Sanep Ahmad & Mohd Nor, M.A. "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Malaysia." *Jurnal Islamiyyat* 29: (2007): 53-70. Diakses 8 Jun 2015. ejournals.ukm.my/islamiyyat/article/download/.../1511

Mohd Noor, M.A., Wahid Hairunnizam & Md Nor, N.G. "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia." *Jurnal Islamiyyat* 26-2 (2004): 59-68. Diakses 8 Jun 2015. http://www.ukm.edu.my/penerbit/jurnal_pdf/jis26-04.pdf

LAPORAN

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2014. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2014

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2013. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2013

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2012. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2012

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2011

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2010. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2010

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2009. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2009

Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2008. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2008
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2007. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2007
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2006
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2005. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2005
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2004. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2004
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2003. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2003
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2002. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2002
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2001. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2001
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2000. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 2000
Laporan Zakat PPZ-MAIWP 1999. Kuala Lumpur: PPZ-MAIWP, 1999

LAMAN WEB

<http://www.zakatns.com.my/> (Diakses 8 Jun 2015)
<http://www.izakat.com/> (Diakses 8 Jun 2015)
<http://www.zakat.com.my/> (Diakses 8 Jun 2015)
<http://www.bernama.com/> (Diakses 8 Jun 2015)



PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Afiffudin Bin Mohammed Noor¹

Ahmad Zaki Bin Ghazali²

Mohd Afandi Bin Mat Rani³

ABSTRAK

Wakaf merupakan salah satu instrumen penting dalam perbendaharaan negara. Ia merupakan sumbangan kebajikan secara kekal dan berterusan yang mampu menjana pembangunan negara seperti pembangunan ekonomi, sosial, pendidikan, perubatan, keusahawanan dan sebagainya. Oleh kerana itu pembangunan hartanah wakaf perlu diperkemas dan dirancang secara sistematik agar pelbagai manfaat dapat dinikmati oleh umat Islam. Oleh itu matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji pengurusan dan pembangunan harta wakaf di Negeri Kedah. Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis sistem pengurusan harta wakaf dan aktiviti pembangunan harta wakaf yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Antara aspek yang dilihat dalam kajian ini ialah jenis wakaf yang dibuat oleh pewakaf, tujuan perwakafan dibuat serta bentuk pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kedah terhadap harta wakaf tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa jenis pembangunan yang telah dilaksanakan dalam membangunkan harta wakaf di Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah berjaya membangunkan harta wakaf serta menyalurkan manfaat kepada pihak penerima sepertimana yang dihasratkan oleh pewakaf.

1 Calon Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor.

2 Ketua Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

3 Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam Selangor, Ketua Jabatan Wakaf/ Felo Penyelidik Institut Kajian Zakat dan Wakaf Malaysia (IKaZ).

PENDAHULUAN

Di Negeri Kedah, segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam termasuk wakaf diurus dan ditadbir oleh satu badan yang dinamakan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Sebelum Majlis Agama Islam ini ditubuhkan, segala perkara tersebut diurus oleh satu organisasi yang dinamakan Pejabat Agama Negeri Kedah yang bertempat di Limbung Kapal, Alor Setar. Pejabat Agama Negeri Kedah diwujudkan pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Ibni al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin pada tahun 1879-1943 yang bertujuan untuk memperkemaskan pentadbiran agama Islam dengan lebih sistematik. Pejabat Agama ini diketuai oleh seorang pegawai tertinggi yang dikenali sebagai Sheikhul Islam dan dibantu oleh seorang Qadi.

Pada tahun 1952, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah ditubuhkan bagi tujuan memperkemaskan lagi Pentadbiran Agama Islam Negeri. Majlis ini terdiri daripada 24 orang ahli majlis iaitu Yang Dipertua, seorang setiausaha yang dilantik oleh Yang Di Pertua, sebelas orang ahli dari kalangan alim ulama negeri dan sebelas orang ahli dari pihak adat istiadat Melayu. Walau bagaimanapun pada zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah telah dibubarkan dan ditubuhkan Majlis Agama Islam Negeri Kedah mengikut peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah No 9 Tahun 1962 yang dikuatkuasakan pada 4 April 1963. Majlis Agama Islam Negeri Kedah ditubuhkan bertujuan untuk membantu dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan selaku Ketua Agama Islam Negeri di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan Agama Islam di Negeri Kedah. Di bawah majlis inilah letaknya bahagian yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir harta wakaf dan nama Majlis Agama Islam Negeri

Kedah (MAIK) ini dikekalkan sehingga ke hari ini.

PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN HARTA WAKAF DI NEGERI KEDAH

Seperti negeri-negeri lain di Malaysia, Negeri Kedah juga mempunyai struktur pentadbiran dan organisasi yang akan mentadbir dan mengurus harta-harta wakaf. Di Negeri Kedah, pentadbiran dan pengurusan harta wakaf terletak di bawah Bahagian Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Kedah. Pentadbiran wakaf tersebut dianggotai oleh Yang Dipertua Majlis, seorang Setiausaha Majlis, seorang Ketua Bahagian Wakaf, seorang Penolong Ketua Bahagian Wakaf dan dibantu oleh tiga orang pembantu iaitu seorang Pembantu Hal Ehwal Islam dan dua orang Pembantu Tadbir. Selain itu, dalam Bahagian Wakaf ini terdapat beberapa unit iaitu Unit Rekod, Unit Sewa dan Cukai Tanah serta dua Unit Wakaf dan Permohonan Tanah Kerajaan sepertimana yang tercatat di dalam carta organisasi pentadbiran harta wakaf di Negeri Kedah.

Bagi fungsi Bahagian Wakaf ini, ia memainkan peranan sebagai mengurus proses permohonan wakaf, menyelaraskan rekod hartanah wakaf, mengurus sewaan hartanah wakaf, menerima dan menyelaraskan hasil-hasil wakaf, mengurus permohonan penggunaan hasil wakaf, menjalankan siasatan terhadap harta yang akan diwakafkan, menyusun perancangan pembangunan hartanah wakaf, mengurus proses pengambilan pada peringkat majlis, mengawal aktiviti pencerobohan ke atas hartanah wakaf dan juga menyediakan laporan tahunan dan kemajuan wakaf. Selain itu Bahagian Wakaf ini juga turut menjalankan kempen-kempen bagi tujuan menggalakkan masyarakat awam melakukan ibadah wakaf. Kempen-kempen tersebut juga bertujuan bagi menyedarkan masyarakat akan kepentingan dan pengaruh serta kesan-kesan amalan wakaf terhadap negara dan masyarakat Islam.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN WAKAF BAGI NEGERI KEDAH

Di Negeri Kedah, undang-undang yang berkaitan dengan wakaf telah diperuntukkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (No. 9) tahun 1962 yang mana undang-undang tersebut telah memperuntukkan bahawa harta-harta wakaf di Negeri Kedah terserah milik dan terletak hak kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (MAIK) sebagai Pemegang Amanah Tunggal harta wakaf sama ada harta wakaf tersebut berbentuk wakaf am ataupun wakaf khas. Oleh yang demikian MAIK merupakan nazir atau *al-mutawalli* yang berperanan untuk mentadbir dan mengurus segala harta wakaf dengan baik dan cekap serta membangunkan dan memajukan harta wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam ini ditubuhkan pada tahun 1962 serentak dengan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah sebagai sebuah Badan Berkanun Kerajaan Negeri dan selaras dengan Perlembagaan Malaysia yang ditubuhkan selepas Tanah Melayu merdeka di mana Hal Ehwal Agama Islam diserahkan kepada kuasa negeri iaitu Sultan sebagai pemerintah.

Walau bagaimanapun pada tahun 2008 kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 bagi menggantikan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah No. 9 tahun 1962 bagi tujuan menambahbaikkan dan penyeragaman undang-undang Islam di antara negeri-negeri di Malaysia. Walaupun Enakmen terhadap Agama Islam di Negeri Kedah telah bertukar, tetapi apa-apa wakaf yang sah menurut Enakmen terdahulu adalah terus sah bagi maksud Enakmen baru ini. Selain daripada itu, tiap-tiap wakaf khas yang dibuat selepas seksyen ini mula berkuatkuasa adalah batal dan tidak sah melainkan wakaf khas tersebut dengan nyata diperkenankan dan disahkan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Sultan atas nasihat Majlis, manakala

setiap wakaf yang dibuat melebihi satu pertiga daripada harta pewakaf ketika *Marad al-Maut* adalah tidak sah sama ada ia dibuat secara wasiat atau tidak.

Di bawah undang-undang ini juga terdapat peruntukan daripada subseksyen (3) yang menyatakan bahawa pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu wakaf khas hendaklah digunakan mengikut peruntukan yang sah bagi wakaf khas tersebut manakala pendapatan yang diperolehi daripada tiap-tiap wakaf selain daripada wakaf khas hendaklah menjadi sebahagian daripada Baitulmal. Majlis juga boleh mengenakan apa-apa bayaran atas kadar yang ditentukan oleh Majlis bagi pengurusan wakaf khas dan bayaran itu hendaklah ditolak daripada pendapatan wakaf khas tersebut dan dikreditkan kepada Majlis sebagai hasil.⁴ Undang-undang tersebut dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri Kedah selaras dengan kuasa yang ada padanya yang mana perkara berkaitan keagamaan termasuk wakaf telah disenaraikan di bawah Senarai ke-2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa negeri-negeri di Malaysia mempunyai kuasa membuat undang-undang bagi perkara yang disebut dalam senarai tersebut. Antara perkara keagamaan yang telah disenaraikan di bawah jadual tersebut adalah seperti berikut⁵:

kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan ta'arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan Khairat, yaysan, amanah...

⁴ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah Darul Aman 2008.

⁵ Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan telah memberi bidang kuasa kepada negeri untuk mengadakan undang-undang mengenai wakaf berdasarkan Artikel 74. Atas dasar inilah statut-statut bagi mentadbir harta ini telah diperkenalkan di semua negeri di Malaysia melalui enakmen-enakmen negeri. Undang-undang ini meliputi statut spesifik yang memperuntukkan mengenai wakaf termasuklah statut pentadbiran agama Islam yang terpakai di negeri-negeri⁶.

PROSES PENGURUSAN WAKAF DI NEGERI KEDAH

Di Negeri Kedah, proses pengurusan wakaf terbahagi kepada dua peringkat iaitu di peringkat daerah dan di peringkat MAIK yang mana masing-masing akan melaksanakan proses tersebut mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

a. Proses pengurusan wakaf di peringkat daerah

Di peringkat daerah, proses pengurusan wakaf dilaksanakan seperti berikut:

- i. Majlis Agama Islam peringkat daerah menerima permohonan daripada pewakaf serta maklumat yang diperlukan seperti borang permohonan wakaf, salinan kad pengenalan, salinan surat hak milik dan pelan bahagian wakaf. Setelah itu Majlis akan mendaftar fail wakaf.
- ii. Siasatan akan dibuat terhadap permohonan wakaf seperti menyemak dokumen hak milik dan memastikan nama pemohon berdaftar, memastikan tiada sekatan pindah milik, gadaian, kaveat dan sebagainya. Sekiranya terdapat keraguan pihak pengurusan akan dapatkan carian rasmi surat hakmilik. Pihak pengurusan juga akan

⁶ Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji (JAWHAR), 2010, Manual Pengurusan Wakaf Tunai.

- memastikan bahawa tujuan wakaf tersebut bersesuaian dan menepati syarak.
- iii. Membuat siasatan terhadap keadaan dan kedudukan tanah yang ingin diwakafkan seperti memastikan tanah tersebut berpotensi untuk dimanfaatkan, memastikan tidak berlaku sebarang pencerobohan terhadap tanah tersebut serta tiada penempatan setinggan, memastikan kedudukan dan keluasan bahagian yang diwakafkan dan juga memastikan bahawa tujuan wakaf tersebut bersesuaian dengan lokasi dan keadaan tanah tersebut.
 - iv. Pihak pengurusan akan menyediakan laporan tanah am berdasarkan siasatan yang telah dibuat.
 - v. Permohonan tersebut perlu mendapat pengesahan dan persetujuan daripada Pegawai Agama Daerah terlebih dahulu sebelum ianya diterima berdasarkan kepada borang permohonan dan laporan tanah am yang telah disediakan.
 - vi. Pihak pengurusan menyediakan serta melengkapkan borang lafaz wakaf yang akan dilafazkan oleh pewakaf di hadapan Pegawai Agama Daerah dan menyediakan borang pindahmilik tanah.
 - vii. Pewakaf melafazkan wakaf di hadapan Pegawai Agama Daerah beserta saksi dan juga menandatangani surat lafaz wakaf yang telah disediakan.
 - viii. Pewakaf menandatangani borang pindah milik 14A atau 12B di hadapan Pentadbir tanah.
 - ix. Majlis Agama Islam peringkat daerah akan menyediakan surat dan membawa permohonan wakaf ke MAIK. Antara

dokumen yang disertakan ialah surat lafaz wakaf, pelan tanah, laporan tanah am, surat hakmilik asal dan borang 14A atau 12B.

b. Proses Pengurusan Wakaf di Peringkat MAIK

Di peringkat MAIK pula proses pengurusan wakaf adalah seperti berikut:

- i. MAIK menerima permohonan wakaf daripada Pejabat Agama Daerah.
- ii. Pengurus wakaf iaitu pegawai MAIK akan mendaftarkan fail wakaf.
- iii. Setiap wakaf baru yang dibuat akan didaftarkan ke dalam fail wakaf
- iv. Pengurus wakaf akan menyemak permohonan wakaf yang telah dibuat oleh pemohon dan menerima arahan daripada setiausaha MAIK. Selain itu, tindakan susulan yang akan dilakukan ialah dengan menyempurnakan borang 14 A dan PDS 15 atau 12 B.
- v. MAIK panjangkan borang tersebut beserta surat hak milik tanah dan pelan tanah ke pejabat tanah daerah yang berkenaan.
- vi. MAIK akan menerima surat hak milik daripada pejabat tanah daerah yang berkenaan dan mendaftar hak milik di dalam rekod surat hak milik.
- vii. MAIK akan menjalankan urusan pembangunan dan pengawalan terhadap harta wakaf tersebut dan pembangunan harta wakaf tersebut akan dilakukan

sepertimana yang telah disyaratkan oleh pewakaf.

Untuk menjalankan urusan pembangunan terhadap harta-harta wakaf tersebut, MAIK terlebih dahulu akan mengenalpasti harta wakaf yang paling berpotensi atau yang lebih sesuai untuk dibangunkan. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa pembangunan harta wakaf tersebut sesuai dengan lokasi dan jenis manfaat yang diperlukan oleh masyarakat. Sekiranya harta wakaf tersebut terus dibangunkan tanpa melihat kepada kepentingan dan manfaatnya untuk masyarakat maka pembangunan tersebut berkemungkinan akan menjadi satu pembaziran semata-mata tanpa memberi faedah kepada mereka. Contohnya sekiranya harta yang diwakafkan adalah berbentuk tanah, MAIK boleh membangunkan tanah tersebut dengan mendirikan sekolah, masjid, koperasi atau bazar mengikut keperluan di kawasan tersebut.

Setelah mengenalpasti harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, MAIK akan mendapatkan ulasan dan pandangan daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan mendapatkan persetujuan pada peringkat awal daripada agensi-agensi tersebut. MAIK akan menyediakan laporan tanah am dan mendapatkan nilai harta wakaf tersebut daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Setelah nilai terhadap harta tersebut dilakukan MAIK akan menyediakan kertas kerja pembangunan yang akan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan Tanah Wakaf dan Baitulmal untuk dipertimbangkan dan MAIK akan melaksanakan tindakan mengikut keputusan mesyuarat tersebut.

PELAKSANAAN PEMBANGUNAN HARTA WAKAF DI NEGERI KEDAH

Negeri Kedah merupakan antara negeri yang mempunyai tanah wakaf yang banyak. Daripada keseluruhan tanah tersebut, terdapat sebahagian daripadanya yang telah berjaya dibangunkan oleh MAIK manakala sebahagiannya masih dalam perancangan untuk dibangunkan. Antara pembangunan yang telah dilaksanakan oleh MAIK dapat dilihat seperti berikut:

- i. Pembinaan bangunan asrama anak-anak yatim Darul Aitam Wal Masakin Sultanah Haminah Binti Hamidun di atas tanah wakaf Lot 1241 GM 19867 Mukim Derga, Daerah Kota Setar. Tanah yang berkeluasan 0.192 hektar tersebut telah diwakafkan oleh Dato Haji Abu Bakar bin Sulaiman dan Haji Ahmad bin Sulaiman dengan tujuan kebajikan untuk anak-anak yatim. Bangunan tersebut telah dibangunkan melalui peruntukan dana oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) kepada MAIK dalam program pembangunan hartanah wakaf melalui RMK-9 sebanyak RM2.08 juta.
- ii. Pembangunan di Lot 2405 dan PT 765 Mukim Padang Termak Daerah Padang Terap. Tanah ini telah diwakafkan khas dengan tujuan untuk kegunaan dan kemaslahatan Pusat Pengajian Darus Solihin. Oleh yang demikian tanah tersebut dibangunkan oleh MAIK dengan membina bangunan Pengajian Islam untuk Pusat Pengajian tersebut.
- iii. Pembinaan empat buah bangunan perniagaan di atas tanah wakaf khas untuk manfaat Masjid Chelong iaitu Lot 4492 SP 5505, Lot 4493 GM 823, Lot 4494 GM 824 dan Lot 4495 SP 5008 Mukim Bagan Samak, Lubuk Buntar. Kos pembinaan bangunan perniagaan

tersebut telah dibiayai dengan menggunakan dana baitulmal dengan jumlah RM 1.5 juta. Hasil sewaan keempat-empat kedai tersebut dibahagi dengan kadar 75% untuk kegunaan masjid dan 25% bayaran pulangan kepada dana baitulmal. Pembahagian hasil sewaan tersebut akan berterusan sehinggalah pihak baitulmal memperoleh kembali keseluruhan modalnya yang berjumlah RM 1.5 juta. Setelah itu barulah pihak masjid akan mendapat 100% hasil sewaan bangunan kedai tersebut setiap bulan.

Selain daripada itu, MAIK juga telah melaksanakan pembangunan tanah wakaf menerusi pajakan berdasarkan kepada Akta 56 tahun 1965 Kanun Tanah Negara yang telah memperuntukan dalam seksyen 221 bahawa tuannya tanah berkuasa untuk mempajak bagi tempoh melebihi tiga tahun. Peruntukan tersebut berbunyi:⁷

- (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen 225 dan 226, tuannya mana-mana tanah bermilik bolehlah memberi pajakan seluruh atau mana-mana bahagian dari tanah itu selaras dengan menurut peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini.
- (2) Tiap-tiap pajakan yang diberi menurut seksyen ini hendaklah bagi satu tempoh yang melebihi tiga tahun.
- (3) Tempoh maksimum untuk mana-mana pajakan boleh diberi sedemikian hendaklah selama:
 - (a) Sembilan puluh sembilan tahun jika ia berkait dengan seluruh mana-mana tanah bermilik, dan
 - (b) Tiga puluh tahun jika ia berkait dengan sebahagian sahaja dari tempoh itu.

⁷ Akta 56/1965, Kanun Tanah Negara 1965.

Antara pembangunan yang telah dilaksanakan oleh MAIK melalui akta tersebut adalah:

- i. Tanah wakaf Lot 871 yang terletak di Mukim Bandar Alor Setar, Daerah Kota Setar. Tanah wakaf ini seluas 2r 94j 40kp bersamaan 0.6318 hektar yang merupakan wakaf khas anak cucu Che Morad bin Ibrahim. Di atas tanah wakaf tersebut telah dibina sebuah kompleks perniagaan dengan pajakan selama 99 tahun. Dengan pelaksanaan tersebut MAIK telah memperolehi hasil sebanyak RM 4.0 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 900,000.00 telah diagihkan kepada anak cucu Che Morad manakala bakinya sebanyak RM 3.1 juta telah dilaburkan oleh MAIK. 15% daripada hasil pelaburan tersebut akan menjadi milik MAIK selaku pemegang amanah manakala bakinya akan diagihkan kepada pihak penerima wakaf tersebut setiap tahun.

- ii. Wakaf Taaliq Hajah Zainab binti Harun dan Hajah Azizah binti Abdul Salem, Lot 227 Mukim Kota Setar, Daerah Kota Setar. Tanah tersebut berkeluasan 10r 156j 40kp bersamaan 2.9708 hektar telah dibangunkan dengan melakukan projek perumahan dengan tempoh pajakan selama 99 tahun. Hasil yang telah diperolehi adalah sebanyak RM 975,000.00. Daripada hasil ini MAIK telah mengambil langkah untuk memperluaskan lagi perwakafan tersebut dengan membuat pengambilan tanah di Lot 3335 GM 442 Mukim Teloi Kiri untuk dijadikan tanah perkuburan. Pampasan yang telah diberikan oleh MAIK ialah sebanyak RM 119,565.52. Selain itu, sebanyak RM 264,550.00 telah digunakan untuk membeli tanah bagi tapak tambahan Sekolah Rendah Islam Darulaman (SRIDA) di Lot 5801 GM 2092, Lot 725 GM 1813 dan Lot 5802 GM 2093 Mukim Pengkalan Kundor. Seterusnya MAIK telah membeli sebidang tanah

di Lot 1336 GM 1730 Mukim Padang Lalang. Tanah tersebut dijadikan tempat letak kenderaan bagi pengguna masjid Padang Lalang. Pembelian tersebut dilakukan secara perkongsian antara MAIK dengan pihak masjid yang mana sebanyak RM 100,000.00 dikeluarkan oleh MAIK manakala RM 88,000.00 dikeluarkan oleh pihak masjid.

- iii. Tanah wakaf khas untuk manfaat Sekolah Agama Saadatuddaroin yang bertempat di Merbok. Lokasi tanah tersebut terletak di Lot 260 Daerah Kuala Muda seluas 12r 303j 40kp bersamaan 3.6338 hektar yang telah dipajak oleh MAIK selama 99 tahun dengan pembinaan kompleks perniagaan. Setakat ini hasil yang telah diperolehi oleh MAIK adalah sebanyak RM 1,120.200.00. Daripada hasil tersebut MAIK telah menggunakan sebanyak RM 479,128.39 bagi membayar pampasan terhadap pengambilan tanah di Lot 1004 GM 935 Mukim Merbok yang berkeluasan 13r 335j untuk melaksanakan pembesaran sekolah agama tersebut. Sebanyak RM 600,000.00 pula telah diberikan kepada pihak sekolah bagi tujuan pembinaan surau di sekolah tersebut manakala keseluruhan bakinya telah diberikan kepada pihak pentadbiran sekolah berkenaan.

Selain melaksanakan pembangunan tersebut, MAIK juga telah mengenalpasti dan merancang untuk terus membangunkan tanah-tanah wakaf yang ada supaya ia terlaksana sepertimana yang diharapkan oleh pewakaf dan tidak terus terbiar begitu sahaja. Antara pembangunan tanah wakaf yang akan dilaksanakan oleh MAIK adalah seperti menyiapkan pembinaan Sekolah Agama Maahad Addini, Alor Setar yang bertempat di Lot 1306 Mukim Pumpang, Daerah Kota Setar. Tanah tersebut diwakafkan untuk pembinaan Sekolah Agama Maahad Addini dengan keluasan 3.53051 relong yang bersamaan dengan 1.016

hektar. Seterusnya MAIK akan membangunkan tanah yang diwakafkan untuk Pusat Pengajian Islam Darus Solihin yang terletak di Lot 1649 Mukim Padang Termak, Daerah Padang Terap dengan membina asrama bagi pusat pengajian tersebut. Selain itu juga MAIK akan membina bangunan rumah kedai di Lot 468 Mukim Ah, Daerah Kubang Pasu dan hasil sewaan tersebut akan disalurkan untuk kegunaan bagi tanah perkuburan Islam memandangkan tujuan wakaf tersebut dilakukan adalah untuk kegunaan tanah perkuburan Islam.

Di Daerah Kubang Pasu pula terdapat dua lot tanah wakaf am iaitu PT 311 dengan keluasan 9610 kp yang akan dibina bangunan perniagaan dan Lot 792 yang berkeluasan 364 j 09 kp yang akan disewakan tapak tersebut. Segala hasil yang akan diperolehi akan menjadi dana untuk MAIK yang akan digunakan untuk kepentingan masyarakat Islam. MAIK juga telah merancang untuk melaksanakan satu projek perumahan di Lot 240, 241, 242 dan 243 yang terletak di Telok Chengai, Daerah Kota Setar yang mana hasil daripadanya akan disalurkan kepada Masjid Derga, Masjid Tanjung Musang dan Masjid Jabi kerana tujuan wakaf yang dilakukan adalah untuk menghasilkan dana untuk keperluan masjid-masjid tersebut.

MASALAH-MASALAH DALAM MEMBANGUNKAN HARTA WAKAF DI NEGERI KEDAH

Dalam usaha untuk membangunkan harta wakaf di Negeri Kedah khususnya tanah, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh MAIK yang mana masalah tersebut menjadi penghalang dan menyukarkan pihak MAIK untuk membangunkan harta tersebut. Disebabkan masalah itulah masih terdapat tanah-tanah wakaf yang tidak dibangunkan dan ada sebahagian tanah yang masih terbiar begitu sahaja. Antara masalah yang dihadapi oleh pihak MAIK ialah:

a. Lokasi dan kedudukan tanah wakaf

Daripada jumlah tanah yang telah diwakafkan, terdapat beberapa bidang tanah wakaf yang lokasinya terletak di kawasan yang tidak strategik dan keadaan tanah tersebut juga memberi kesukaran kepada MAIK untuk dibangunkan. Contohnya sebidang tanah wakaf yang terletak di Mukim Jabi, Daerah Kota Setar yang mana tanah tersebut terletak di tengah-tengah di antara tanah milik orang bukan Islam dan tanah itu juga kurang efektif untuk dimajukan disebabkan oleh struktur muka buminya yang berbukit. Oleh yang demikian MAIK telah mengambil tindakan dengan memajak tanah tersebut selama tempoh 60 tahun. Hasil yang dipungut oleh MAIK digunakan sebagai wakaf am. Keadaan tanah tersebut dapat dilihat seperti dalam rajah di bawah:

Rajah 3.2 Kedudukan salah satu tanah wakaf di mukim Jabi, daerah Pokok Sena

Tanah milik orang bukan Islam	Tanah wakaf	Tanah milik orang bukan Islam
-------------------------------	-------------	-------------------------------

Sumber: Bahagian Wakaf, MAIK, 2014

b. Masalah keluasan tanah wakaf

Di Negeri Kedah terdapat juga tanah wakaf yang tidak cukup luas untuk dilaksanakan sesuatu pembangunan. Hal ini berlaku disebabkan tanah yang diwakafkan itu merupakan tanah pusaka dan menjadi rebutan oleh semua ahli waris. Oleh yang demikian tanah tersebut diwakafkan semata-mata untuk mengelak daripada perebutan dan pergaduhan diantara ahli waris. Akibat

daripada perkara tersebut MAIK menghadapi masalah untuk membangunkan tanah wakaf itu disebabkan oleh keluasannya yang terhad dan masalah seperti inilah yang menjadi punca sesuatu tanah wakaf menjadi terbiar.

c. Kos perbelanjaan yang tinggi

Di Negeri Kedah terdapat banyak tanah-tanah wakaf yang terletak di daerah-daerah luar bandar antaranya daerah Baling, daerah Sik dan daerah Yan, yang mana untuk membangunkan tanah wakaf di kawasan tersebut memerlukan kos perbelanjaan yang agak tinggi. Contohnya untuk membangunkan tanah wakaf dengan membina sebuah sekolah atau hospital di kawasan luar bandar, kos yang diperlukan bukanlah hanya sekadar untuk pembinaan bangunan tersebut, sebaliknya kos untuk membina jalanraya menuju ke lokasi tersebut serta kemudahan-kemudahan lain harus diambil kira. Selain itu faktor muka bumi seperti berbukit bukau dan sawah padi juga turut mempengaruhi kos perbelanjaan untuk memajukan tanah wakaf tersebut.

d. Perumahan setinggan di atas tanah wakaf

Antara masalah yang menghalang pihak MAIK untuk membangunkan tanah-tanah wakaf adalah terdapatnya perumahan setinggan yang dibina secara haram di atas tanah-tanah wakaf tersebut. Penduduk-penduduk di kawasan itu enggan berpindah walaupun MAIK telah menawarkan tempat tinggal dan rumah secara percuma di tempat lain dengan alasan mereka sukar mencari pekerjaan lain. Hal ini adalah kerana rata-rata penduduk tersebut membuat aktiviti pertanian di atas tanah wakaf tersebut. Oleh yang demikian MAIK terpaksa membenarkan mereka tinggal di atas tanah wakaf tersebut dan mengutip hasil pendapatan daripada pertanian mereka sebagai bayaran sewa terhadap tanah wakaf yang diusahakan oleh mereka. Selain daripada itu terdapat sebilangan penduduk

yang sengaja tinggal di atas tanah wakaf semata-mata untuk mendapatkan pampasan yang begitu lumayan apabila mereka diarahkan untuk berpindah dari tanah wakaf tersebut. Hal seperti ini banyak terjadi ketika berlakunya pengambilan tanah oleh Pihak Berkuasa.

KESIMPULAN

Pelaksanaan pembangunan terhadap harta wakaf bukanlah suatu perkara yang remeh dan mudah. Hal ini kerana setiap harta wakaf terletak di lokasi yang berbeza dan keadaan fizikal harta tersebut juga adalah berbeza. Selain itu pelaksanaan pembangunan terhadap harta wakaf tersebut juga perlu mematuhi syarat-syarat dan prosedur yang telah ditetapkan. Namun, dengan langkah dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh MAIK, didapati bahawa MAIK telah berusaha sedaya upaya untuk membangunkan tanah-tanah wakaf sepertimana yang telah disyaratkan oleh pewakaf agar kesemua harta tersebut dapat dimanfaatkan secara optimum dan memberi kebaikan kepada pihak yang berhak.

Bagi tanah-tanah yang telah diwakafkan dengan wakaf am, MAIK telah berusaha membangunkan tanah-tanah tersebut untuk kemaslahatan ummah dan hasil yang diperolehi daripadanya telah disalurkan untuk kegunaan wakaf secara am dan sebahagian daripadanya disalurkan kepada Baitulmal sepertimana yang termaktub dalam subseksyen (3) Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah Darul Aman, tahun 2008. Bagi tanah yang diwakafkan dengan wakaf khas pula ada sebahagian daripadanya yang dapat dilaksanakan oleh MAIK mengikut kehendak pewakaf dan ada pula sebahagian daripadanya yang dibangunkan dengan cara pajakan.

Dengan usaha gigih yang telah dilaksanakan tersebut dapat disimpulkan bahawa MAIK tetap perihatin dan tidak memandang

enteng terhadap harta-harta yang telah diwakafkan. Selain itu pembangunan harta wakaf yang dilaksanakan juga menepati prosedur-prosedur yang telah ditetapkan serta tidak bercanggah dengan undang-undang dan syarak. MAIK juga sedang berusaha mengatasi halangan-halangan dan cuba mencari penyelesaian yang terbaik untuk terus membangunkan harta-harta wakaf yang sedia ada di Negeri Kedah bagi meneruskan kelangsungan wakaf dan merealisasikan hasrat pewakaf.

RUJUKAN

Akta 56/1965, Kanun Tanah Negara 1965.

Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Kedah Darul Aman 2008.

Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan.

Fail Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah 2014.

Jabatan Wakaf Zakat Dan Haji (JAWHAR), 2010, Manual Pengurusan Wakaf Tunai.

KEPERLUAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT DALAM PENJANAAN DANA WAKAF PENDIDIKAN TINGGI

Siti Zaleha Muhammad* ,
Amaludin Ab. Rahman* & Zaid Ahmad*
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Kemunculan wakaf pendidikan tinggi merupakan satu inisiatif baru dan hangat diperdebatkan dalam memperkasakan pendidikan tinggi negara. Namun, keperluan kepada amalan tadbir urus perlu diberi perhatian dalam penjaan dana wakaf. Kemajuan atau kemunduran sesebuah institusi bergantung kepada sistem tadbir urus yang dijalankan. Dengan tadbir urus yang adil dan sistematik secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi dan perkembangan yang berterusan bagi institusi wakaf pendidikan tinggi. Justeru, artikel ini menerangkan secara terperinci elemen amalan tadbir urus korporat dalam penjaan dana wakaf pendidikan tinggi. Di samping itu, artikel ini turut membincangkan keperluan amalan tadbir urus korporat dalam penjaan dana wakaf pendidikan tinggi bagi memantapkan lagi pengurusan yang lebih efisien dan sistematik.

Perkataan Teras : Wakaf Pendidikan Tinggi, Amalan tadbir urus korporat, Penjaan dana.

* Master Falsafah dan Pengajian Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

* Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

* Profesor dan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

PENGENALAN

Pembangunan wakaf merupakan amalan yang telah lama dipraktikkan dalam tamadun Islam. Sejarah membuktikan bahawa wakaf telah banyak memberi sumbangan kepada perkhidmatan kemasyarakatan terutamanya perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan perbandaran.¹ Selaras dengan agenda kerajaan dalam mentransformasikan ekonomi negara, pengurusan dan pembangunan aset wakaf perlu dijadikan agenda yang penting untuk ditransformasikan.² Pengurusan serta kelestarian dalam pendanaan harta wakaf yang berkesan perlu dititikberatkan kerana setiap negeri mempunyai harta wakaf yang mempunyai potensi besar untuk menampung perbelanjaan pembangunan negara bagi mencapai status negara maju.

Walau bagaimanapun, kemunculan wakaf pendidikan merupakan satu inisiatif baru dalam mentransformasikan dan memajukan pendidikan tinggi negara selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara digubal untuk mentransformasikan pengajian tinggi yang menekankan kepada penjana pendapatan sendiri untuk keperluan perbelanjaan pengajaran dan penyebaran ilmu. Dalam konteks ini secara tidak langsung dapat menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Transformasi ini merupakan batu asas kepada negara menjelang wawasan 2020 ke arah kegemilangan dan kelestarian pengajian tinggi.

Wakaf menjadi elemen yang penting dalam memperkasakan sesebuah institusi terutamanya institusi pengajian tinggi dalam melahirkan modal insan kelas pertama. Dalam konteks pembangunan pendidikan tinggi, umum mengetahui bahawa kos pembiayaan, pembangunan prasarana dan peralatan serta

1 Suruhanjaya Sekuriti (2014). *Aset Wakaf: Pembangunan, Tadbir Urus dan Peranan Pasaran Modal Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

2 Md Nurdin Ngadimon (2013). *Pendanaan Pembangunan Wakaf Melalui Sukuk: Cabaran dan Prospek*

pengurusan kian meningkat. Keperluan dana wakaf dalam meningkatkan pembiayaan pendidikan ummah sangat penting. Hal ini demikian kerana, dana wakaf menjadi tulang belakang kepada kejayaan institusi pendidikan wakaf.³

Dengan adanya sumber wakaf, dapat mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan pembangunan masyarakat dan sosioekonomi negara terutama dalam pembangunan sistem pendidikan. Pembangunan sistem pendidikan merupakan indikator utama dalam melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu menghadapi cabaran pembangunan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10), menyatakan pembaharuan secara komprehensif ke atas kitaran pembangunan modal insan bagi melahirkan modal insan cemerlang, perlu bermula di peringkat awal kanak-kanak sehingga ke alam pekerjaan.⁴

Selaras dengan lima teras yang digariskan dalam Misi Nasional, wakaf dapat membantu negara untuk melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Lima teras yang digariskan ialah meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama, menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, meningkatkan tahap kelestarian kualiti hidup, mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaannya.

Kewujudan wakaf pendidikan dapat membantu pembangunan ekonomi terutamanya dalam pendidikan tinggi dan membentuk dana yang berterusan tanpa bergantung kepada dana yang diberikan oleh kerajaan. Umumnya, seperti yang dicatatkan dalam

3 Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Muda (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.

4 Unit, E. P. (2010). The 10th Malaysia Plan: 2011-2015. Putrajaya, Malaysia: Prime Minister's Department.

Bank Dunia, Indikator Pembangunan Dunia, kadar perbelanjaan kerajaan terhadap pendidikan di Malaysia dapat dilihat berlaku peningkatan iaitu dari 16.75% pada tahun 2006 meningkat kepada 21.48% pada tahun 2010.⁵ Dengan wujudnya institusi pendidikan wakaf secara tidak langsung dapat mengurangkan perbelanjaan negara, di samping melahirkan modal insan yang mempunyai keupayaan pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang unggul. Pendidikan merupakan pelaburan.

Di samping itu, tadbir urus juga perlu diberi perhatian dalam pendanaan aset wakaf. Kemajuan atau kemunduran sesebuah institusi bergantung kepada sistem tadbir urus yang dijalankan. Pelaksanaan amalan tadbir urus merupakan infrastruktur sokongan penting bagi sesebuah institusi mencapai prestasi dan perkembangan yang berterusan. Oleh yang demikian, tadbir urus yang tersusun dan sistematik menjamin kepada pengurusan yang lebih efisien.⁶ Keperluan kepada kaedah pengurusan dana wakaf institusi pendidikan yang efektif juga dapat memberikan manfaat dana wakaf yang berterusan dalam jangka panjang.⁷

Ajaran Islam sentiasa mengingatkan setiap umatnya memegang kepada amanah dan tanggungjawab yang dipikulnya. Allah S.W.T berfirman bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”

(Surah An-Nisa’: ayat 58)

⁵ World Bank, *World Development Indicators* (2016). Total Government Expenditure on Education in Malaysia, 2006-2013. Di akses pada Mac 22, 2016, daripada <http://databank.worldbank.org/data/reports.aspx?source=education-statistics---all-indicators&Type=TABLE&preview=on#>

⁶ Nur Yuhani Ismo, Rahisam Ramli, Nur Farahana Dahalan, Shahrina Romli & Roslina Hashim (2015). Mekanisme Wakaf Sebagai Instrumen Pendidikan Tinggi Swasta: Prospek dan Cabaran Kolej Universiti Islam Melaka Sebagai IPTS. *Persidangan Meja Bulat Wakaf Pendidikan Tinggi. Anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Shah Alam.*

⁷ Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014). Pemanan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9).*

Justeru, Islam sangat menggalakkan kesemua bentuk tadbir urus yang positif. Memandangkan dunia hari ini yang mempunyai pelbagai risiko, pengukuhan rangka kerja dan amalan tadbir urus korporat yang mantap sangat diperlukan. Amalan-amalan terbaik tadbir urus korporat penting bagi mengukuhkan lagi pengurusan dan keberkesanan institusi wakaf.⁸ Oleh itu, dana wakaf dapat dikembangkan dan digunakan tanpa memberikan penyusutan nilainya, dengan adanya satu struktur tadbir urus yang kukuh terutamanya dalam sistem kewangan institusi wakaf tertentu.

KONSEP TADBIR URUS

Konsep tadbir urus bukan perkara baru kerana ianya telah wujud seawal kewujudan tamadun manusia lagi. *World Bank* mendefinisikan tadbir urus sebagai proses di mana sesebuah institusi atau kumpulan perniagaan menjalankan hak dan tanggungjawab mereka dan menjadi pengantara kepada perselisihan pendapat.⁹ Manakala *United Nations Economic and Social Commission for Asia and Pasific* mendefinisikan tadbir urus sebagai proses membuat keputusan dan keputusan mana yang dilaksanakan atau tidak dilaksanakan.¹⁰ Tadbir urus boleh digunakan dalam pelbagai konteks, contohnya tadbir urus korporat, tadbir urus antarabangsa, tadbir urus kebangsaan dan tadbir urus tempatan.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan menjelaskan tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif atau Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar,

⁸ Suruhanjaya Sekuriti (2014). *Aset Wakaf: Pembangunan, Tadbir Urus dan Peranan Pasaran Modal Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia

⁹ *World Bank* (2013). What is Governance?. Di akses pada Mac 3, 2016, daripada <http://web.worldbank.org/WBSITE/EXTERNAL/COUNTRIES/MENAEXT/EXTMNAREGTOPGOVERNANCE/0,,contentMDK:20513159~pagePK:34004173~piPK:34003707~theSitePK:497024,00.html>

¹⁰ *United Nations Economic and Social Commission for Asia and Pasific*. What is Good Governance?

strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dan proses di mana agensi awam diurus atau diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui.¹¹

Selain itu, Kamus Dewan Edisi Keempat turut mendefinisikan tadbir urus korporat sebagai cara iaitu dengan tindakan atau sistem mentadbir, mengurus dan mengawal selia sesuatu dasar, fungsi dan perjalanan sesebuah organisasi atau syarikat yang dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Pengarah.¹² Tadbir urus korporat juga proses dan struktur yang digunakan untuk memacu, mengurus perniagaan dan urusan syarikat untuk mempertingkatkan kemakmuran perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat sebagai objektif utama untuk merealisasikan nilai jangka panjang pemegang saham dan dalam masa yang sama, menjaga kepentingan pihak berkepentingan yang lain (Laporan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan Malaysia, Februari 1999).

Namun begitu, proses tadbir urus sahaja tidak mencukupi untuk memastikan sesebuah organisasi atau institusi berkembang dan membangun dengan cepat. Maka, amalan kepada tadbir urus terbaik atau *good governance* juga perlu dititikberatkan oleh sesebuah organisasi. Tadbir urus terbaik merupakan *subset* kepada tadbir urus, di mana sesuatu dana atau kewangan dan masalah diuruskan dengan berkesan, cekap dan sebagai tindak balas kepada keperluan institusi atau masyarakat kerana keberkesanan tadbir urus sesebuah institusi bergantung kepada penyertaan orang ramai, akauntabiliti dan ketelusan.¹³

United Nations Economic and Social Commission for Asia and Pasific menjelaskan tadbir urus terbaik mempunyai 8 ciri-ciri utama iaitu penyertaan (*participation*), pematuhan undang-undang (*rule*

11 Tan Sri Mohd Sidek Bin Hassan (2007). *Surat Arahan Usaha Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus dalam Sektor Awam*. Putrajaya.

12 Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

13 *United Nations Fund for Women (2005)*. An Introduction to Governance, Good Governance and the process of Engendering Economic Governance.

of law), ketelusan (*transparency*), responsif (*responsiveness*), berorientasikan kesepakatan (*consensus oriented*), ekuiti dan keterangkuman (*equity and inclusiveness*), keberkesanan dan kecekapan (*effectiveness and efficiency*) dan akauntabiliti (*accountability*).¹⁴ Manakala, Gabenor Bank Negara Malaysia iaitu Dr. Zeti Akhtar Aziz mendefinisikan tadbir urus terbaik merangkumi penyertaan, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang memerlukan penglibatan semua pihak berkepentingan iaitu kerajaan, persatuan industri, pemegang saham, pengarah, pihak pengurusan dan pihak lain.¹⁵

ELEMEN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT DALAM PENJANAAN DANA WAKAF PENDIDIKAN TINGGI

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia menekankan tiga prinsip tadbir urus korporat untuk diguna pakai oleh institusi wakaf bagi memantapkan lagi struktur dan proses tadbir urus institusi tersebut. Tiga prinsip tersebut ialah memperkukuh pengawasan institusi wakaf, memperkukuh keberkesanan institusi wakaf dan memperkukuh penglibatan dengan pemegang berkepentingan.

Oleh yang demikian, Malaysia boleh menggunakan prinsip-prinsip ini dalam tadbir urus wakaf pendidikan tinggi bagi memantapkan dan mengembangkan lagi dana institusi wakaf pendidikan tinggi secara efisien dan sistematik. Tadbir urus korporat yang baik secara tidak langsung dapat memperkukuhkan lagi kepercayaan dan keyakinan orang ramai dan pasaran modal Islam terhadap institusi wakaf pendidikan tinggi.

Dalam memantapkan lagi tadbir urus korporat penjaan dana wakaf pendidikan tinggi, pemegang amanah wakaf dan institusi wakaf merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan perjalanan tadbir urusnya. Pemegang

¹⁴ *United Nations Economic and Social Commission for Asia and Pacific. What is Good Governance?*

¹⁵ Dr. Zeti Akhtar Aziz (2005). Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. *Ucapan Gabenor pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang Kedua.*

amanah wakaf merangkumi pihak berkuasa agama Islam atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran aset institusi wakaf pendidikan tinggi. Manakala institusi wakaf pula merujuk kepada institusi wakaf pendidikan tinggi itu sendiri yang dilantik untuk mengurus aset wakaf dan bertanggungjawab ke atas pengagihan keuntungan atau pulangan daripada penggunaan aset kepada pihak berkepentingan.

Secara umumnya, tujuh elemen utama prinsip amalan tadbir urus korporat yang dikenal pasti untuk diguna pakai dalam memperkasakan tadbir urus serta mengembangkan lagi dana wakaf dalam pendidikan tinggi negara kita selagi tidak melanggar syariat Islam. Antaranya ialah elemen akauntabiliti, beretika, pengawasan, ketelusan, kawalan dalaman, integriti dan penglibatan.

Elemen akauntabiliti merupakan elemen terpenting dalam tadbir urus korporat. Akauntabiliti merupakan proses sesebuah agensi bertanggungjawab terhadap segala keputusan yang dibuat dan tindakan yang diambil. Struktur organisasi wakaf mestilah jelas dalam mengembangkan dan mengkomersialkan dana wakaf.¹⁶ Dengan perletakan tanggungjawab yang kukuh antara lembaga pengarah dan jawatankuasa lembaga pengarah dapat menggalakkan mereka menjalankan peranan dengan berkesan. Akauntabiliti dapat dipastikan dengan menetapkan fungsi setiap komponen dan pembahagian kuasa yang bersesuaian bagi mengelakkan wujudnya konflik.¹⁷ Oleh yang demikian, peranan dan tanggungjawab pemegang amanah wakaf dan institusi wakaf pendidikan tinggi mesti dinyatakan dengan jelas dan difahami bagi memastikan kecekapan dan tanggungjawab kedua-dua pihak serta mengelakkan pertindihan kuasa dalam **tadbir urusnya**.

¹⁶ Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014). Peranan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*.

¹⁷ Dr. Zeti Akhtar Aziz (2005). Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. *Ucapan Gaboror pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang Kedua*.

Selain itu, elemen beretika juga menjadi tunjang kepada tadbir urus korporat terbaik. Nilai-nilai positif perlu diberi penekanan dalam pelaksanaan sesebuah institusi. Pemegang amanah wakaf hendaklah memastikan bahawa institusi wakaf pendidikan tinggi ditadbir oleh kod tata laku yang memuaskan.¹⁸ Dengan ini, pemegang amanah wakaf perlu memupuk budaya yang sihat dalam institusi wakaf pendidikan tinggi bagi melahirkan tata laku yang beretika. Kod tata laku tersebut penting bagi menjamin institusi wakaf pendidikan tinggi bertindak dengan niat baik, berhemat, mengelakkan konflik kepentingan, mengekalkan kerahsiaan maklumat pewakaf, mematuhi undang-undang dan mempunyai saluran komunikasi serta maklum balas yang sesuai. Namun begitu, kod tata laku mesti disemak secara berkala bagi memastikan kesesuaiannya dalam institusi tersebut. Oleh yang demikian, kod tata laku perlu diformalkan dengan menitikberatkan nilai-nilai etika bagi mewujudkan sistem dalaman yang mantap dalam institusi wakaf pendidikan tinggi.

Di samping itu, elemen pengawasan juga penting dalam membentuk tadbir urus korporat terbaik. Peranan pengawasan juga dapat membentuk pembangunan struktur tadbir urus yang mantap. Oleh yang demikian, pemegang amanah wakaf hendaklah mengawasi dan memantau operasi pendanaan dan tatalaku institusi wakaf pendidikan tinggi. Pengawasan dan pemantauan oleh pemegang amanah wakaf perlu ke atas prestasinya bagi memastikan aset-aset wakaf diuruskan dengan betul. Pengenalpastian risiko serta memastikan institusi-institusi mempunyai kawalan dalaman dan sistem untuk mengambil dan mengurus risiko yang dikenal pasti bagi memastikan pelaksanaan strategi tadbir urus korporat tidak menjadi beban kepada pengawalseliaan dan potensi pertumbuhan.¹⁹ Oleh yang demikian, langkah-langkah sewajarnya perlu diwujudkan untuk menilai prestasi dan keberkesanannya kerana ianya

18 Suruhanjaya Sekuriti (2014). *Aset Wakaf: Pembangunan, Tadbir Urus dan Peranan Pasaran Modal Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

19 Dr. Zeti Akhtar Aziz (2005). Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. *Ucapan Gabenor pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang Kedua*.

mencerminkan hubungan yang akrab dan saling menyokong antara pemegang amanah wakaf dan institusi wakaf pendidikan tinggi itu sendiri.

Walau bagaimanapun, elemen ketelusan terutamanya dalam perkongsian maklumat kepada pihak berkepentingan juga perlu dititikberatkan bagi mewujudkan tadbir urus korporat terbaik. Pemegang amanah wakaf harus mempunyai akses kepada maklumat yang berkaitan dengan institusi wakaf pendidikan tinggi. Oleh yang demikian, institusi wakaf pendidikan tinggi hendaklah memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada pemegang amanah wakaf tepat pada masanya. Keadaan ini membolehkan pemegang amanah wakaf melaksanakan tugas mereka dengan berkesan dalam menilai prestasi dan menjaga kepentingan pihak berkepentingan serta kesejahteraan institusi wakaf pendidikan tinggi secara keseluruhan. Namun demikian, pemegang amanah wakaf perlu diberi akses kepada nasihat pakar bagi memantapkan lagi proses pembuatan keputusan berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan oleh institusi wakaf pendidikan tinggi dalam menguruskan aset-aset wakaf seperti pelaburan.

Institusi wakaf pendidikan tinggi hendaklah mempunyai elemen kawalan dalaman yang mencukupi termasuk pengurusan risiko dan audit dalaman. Sepatutnya, institusi wakaf pendidikan tinggi perlu memahami sepenuhnya risiko dari semua aspek terutamanya pendanaan dalam pasaran modal Islam kerana pendanaan dalam pasaran modal Islam sememangnya tidak bebas risiko. Bagi mengurus risiko tersebut dengan berkesan, satu rangka kerja yang kukuh perlu diwujudkan. Gabenor Negara Malaysia, Dr. Zeti Akhtar Aziz juga bersetuju sistem kawalan dalaman, audit dalaman dan luaran dan pengurusan risiko perlu wujud dalam pelaksanaan rangka kerja tadbir urus korporat.²⁰ Oleh yang demikian, institusi wakaf pendidikan tinggi

20 Dr. Zeti Akhtar Aziz (2005). Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. *Ucapan Gabenor pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang Kedua.*

perlu menentukan tahap toleransi risiko dengan mengenal pasti, menilai dan memantau risiko bagi memelihara aset wakaf. Walau bagaimanapun, hal ehwal kewangan institusi wakaf pendidikan tinggi perlu diaudit setiap tahun bagi memastikan penyata kewangan sebagai sumber yang boleh dipercayai. Khidmat juruaudit digalakkan bagi mengelakkan konflik dan memastikan integriti dalam proses pengauditan. Kemudian, akaun yang telah diaudit mesti mematuhi piawaian pelaporan kewangan. Justeru, elemen audit merupakan elemen yang perlu ditekankan dalam memastikan ketelusan sesebuah institusi.

Selain itu, elemen integriti dalam laporan tahunan juga penting bagi membentuk tadbir urus korporat terbaik. Hal ini demikian kerana kejujuran penting dalam laporan tahunan bagi memastikan penyata kewangan mematuhi piawaian pelaporan yang betul. Suruhanjaya Sekuriti turut menyatakan institusi wakaf perlu mendedahkan kepada umum laporan tahunan bagi memberi gambaran keseluruhan operasinya dalam sesuatu tahun.²¹ Laporan ini harus didedahkan kepada umum dengan meletakkan di laman sesawang korporat institusi wakaf pendidikan tinggi tersebut. Bagi menghasilkan pelaporan yang berkualiti dan bermakna mesti memastikan pembentangan penilaian yang seimbang dan kedudukan kewangan boleh difahami.

Institusi wakaf pendidikan tinggi perlu sentiasa mengadakan penglibatan secara tetap dengan pemegang amanah wakaf dan orang awam untuk membincangkan prestasi, tadbir urus korporat dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan institusi tersebut. Keadaan ini secara tidak langsung membolehkan institusi wakaf pendidikan tinggi memahami potensi, risiko, kualiti pengurusan dan cabaran untuk tujuan penambahbaikan dalam tadbir urus institusinya.

²¹ Suruhanjaya Sekuriti (2014). *Aset Wakaf: Pembangunan, Tadbir Urus dan Peranan Pasaran Modal Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

KEPERLUAN AMALAN TADBIR URUS KORPORAT DALAM PENJANAAN DANA WAKAF PENDIDIKAN TINGGI

Tadbirurus mengandungi mekanisme, proses, struktur dan institusi dalam sesebuah organisasi atau institusi bagi melaksanakan hak serta tanggungjawab mereka dalam merealisasikan sesuatu objektif. Pengukuhan tadbir urus korporat merupakan teras utama untuk meyakinkan kepercayaan pelabur terhadap institusi wakaf dan pasaran modal Islam.²² Justeru, amalan-amalan tadbir urus terbaik sangat diperlukan bagi mengukuhkan lagi pengurusan dan keberkesanan sesebuah dana wakaf dalam pendidikan tinggi.

Kajian awal Murat Cizakca mendapati amalan berwakaf berperanan dalam pembangunan sektor pendidikan. Dari aspek sejarah Islam, dana wakaf terbukti sebagai instrumen penting sebagai sumber pembiayaan negara, mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan menghapuskan riba. Bukti kajian sejarah menunjukkan gabungan dua kaedah iaitu wakaf tunai dan mudarabah merupakan elemen yang sangat berpotensi dalam institusi kewangan Islam.²³

Selain itu, kepentingan pembangunan pendidikan dapat dilihat pada awal Islam lagi. Umat Islam pada awal abad dahulu sudah memahami keperluan pembiayaan yang besar bagi tujuan pembangunan dan pengelolaan sekolah yang bermutu. Sejarah Islam jelas membuktikan bahawa wakaf dapat menjadi sumber dana bagi dunia pendidikan.²⁴ Jadi, kebanyakan institusi pendidikan awal Islam adalah bersumberkan daripada dana wakaf.

Bagi mengembangkan lagi dana wakaf, beberapa elemen terhadap amalan tadbir urus korporat perlu diberi penekanan

22 Suruhanjaya Sekuriti (2014). *Aset Wakaf: Pembangunan, Tadbir Urus dan Peranan Pasaran Modal Islam*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

23 Murat Cizakca (1998). Awqaf in History and Its Implications for Modern Islamic Economies. *Islamic Economic Studies* Vol. 6, No. 1.

24 Muh Idris (2008). Pendanaan Pendidikan Islam: Sebuah Tinjauan Historis. *Lentera Pendidikan*, Vol. 11, No. 2: 152-166.

dalam institusi wakaf. Lima elemen yang sering dibincangkan para sarjana dan ilmuwan dalam memperkasakan institusi pendidikan wakaf di Malaysia iaitu pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran, pengurusan pentadbiran, pengurusan tenaga pakar dan pengurusan maklumat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan wakaf pendidikan di IPT boleh di perhebatkan lagi dengan pengurusan dana yang berkesan, perundangan yang kukuh, urus tadbir yang baik, pemasaran yang berkesan dan mengenal pasti model pengurusan wakaf yang sesuai untuk diaplikasikan.²⁵

Selain itu, keperluan kepada kaedah pengurusan dana wakaf yang baik dapat memberikan dana wakaf yang berterusan dalam jangka panjang.²⁶ Dengan ini, wakaf dapat berkembang dan membangun dengan cepat dengan adanya tadbir urus yang baik dan cekap.

Pembangunan yang holistik terutamanya dari aspek pentadbiran, kewangan serta pengurusannya perlu diberi perhatian dalam mewujudkan institusi pendidikan yang cemerlang di samping melahirkan modal insan yang gemilang. Berikutan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, kewujudan wakaf pendidikan secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada golongan yang tidak berkemampuan untuk mendapatkan peluang pendidikan yang lebih tinggi.²⁷

Tadbir urus korporat yang baik juga dapat mengukuhkan lagi sesebuah institusi wakaf pendidikan tinggi. Hal ini demikian kerana tadbir urus korporat yang baik sangat menekankan sistem kawalan dalaman yang mencukupi dan bersesuaian dalam institusi pendidikan wakaf. Dengan ini, pengurusan

25 Najibah Mustafa & Mohd Zamro Muda (2014). Pengurusan Wakaf Pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*.

26 Siti Zakiah Ali & Hairunnizam Wahid (2014). Permanan dan Kepentingan Dana Wakaf Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*.

27 Ahmad Zaki Abd Latiff, Baharuddin Sayin, Mohd Afandi Mat Rani & Muhammad Hamizan Ab Hamid (2014). Wakaf Pengajian Tinggi: Konsep dan Kelestarian di Malaysia. *Seminar Pembentangan Kertas Kerja "Pelestarian Institusi Wakaf Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara"*, 26-27 November 2014.

sesebuah institusi yang berdaya saing dan maju terletak pada tadbir urus korporat yang mantap.

Tadbir urus korporat yang dinamik sangat penting dan diperlukan dalam institusi wakaf pendidikan tinggi bagi mengukuhkan lagi pengurusan dan keberkesanan dalam mengembangkan aset wakaf. Penglibatan semua pihak berkepentingan seperti kerajaan, pemegang saham, pihak pengurusan, pemegang amanah, juruaudit, akauntan, penasihat Syariah yang saling melengkapi antara satu sama lain diperlukan bagi membentuk amalan tadbir urus korporat yang berkesan.²⁸

Menurut Mercer, pemegang amanah perlu lebih memahami komponen dalam portfolio. Persefahaman antara pihak yang berkepentingan dalam sesuatu objektif pendanaan, peranan dan tanggungjawab setiap pihak berkaitan dan lingkungan pengurusan dana yang berlaku untuk melindungi aset dan mendapat hasil yang konsisten.²⁹ Oleh yang demikian, tadbir urus merupakan struktur dan proses untuk memastikan persefahaman dan mengawasi pelaksanaan pengurusan aset antara lembaga pengarah dan jawatankuasa pelaburan.

Walau bagaimanapun, kefahaman yang menyeluruh terhadap cabaran yang dihadapi dalam organisasi dan portfolio pelaburan membolehkan pemegang amanah mengimbangkan toleransi risiko dengan objektifnya. Mercer (2013) menumpukan tadbir urus kepada lima elemen penting iaitu skop dan objektif, kekangan dan larangan, peranan dan tanggungjawab, pembahagian kuasa dan pengawasan berterusan. Oleh yang demikian, proses tadbir urus yang kukuh akan menentukan elemen tersebut yang menggariskan proses dan kawalan bagi memastikan kebertanggungjawaban.

28 Dr. Zeti Akhtar Aziz (2005). Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. *Ucapan Gabenor pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang Kedua*.


29 Mercer (2013). *Endowment & Foundation Governance: Fiduciary Oversight and Implementation*. Marsh & McLennan Companies.

Bagi memantapkan lagi pengurusan yang lebih efisien dan sistematik dalam institusi wakaf pendidikan tinggi perlu wujud rangka kerja yang berkesan. Penubuhan jawatankuasa diperlukan bagi memastikan mereka yang layak dilantik sepadan dengan akauntabiliti dan prestasi mereka. Perlantikan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Syariah diperlukan bagi memantapkan sistem kawalan dalaman, audit dalaman dan luaran, pengurusan risiko, ketelusan dan amalan pematuhan yang kukuh.³⁰ Jawatankuasa Pengurusan Risiko perlu mengkaji semua risiko dan mempertimbangkan cara yang boleh diambil untuk mengurus risiko di Institusi Wakaf Pendidikan Tinggi. Manakala Jawatankuasa Audit pula perlu menilai bukan sahaja risiko yang berkaitan dengan operasi institusi malah melengkapinya Jawatankuasa Syariah yang memastikan prinsip dipatuhi sepenuhnya terutamanya penzahiran yang betul dilakukan dan tanggungjawab institusi. Oleh yang demikian, hubungan sinergi antara pemegang amanah wakaf dan staf institusi wakaf pendidikan tinggi perlu diberi penekanan di samping mengelakkan berlaku pertindihan kuasa serta penyelewengan.

KESIMPULAN

Kemunculan wakaf pendidikan merupakan satu inisiatif baru dalam mentransformasikan dan memajukan pendidikan tinggi negara selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. Selaras dengan itu, transformasi dalam tadbir urus korporat dalam institusi wakaf pendidikan perlu diberi perhatian bagi menjana aset wakaf secara berkesan. Pemerkasaan tadbir urus yang mantap bukan sahaja perlu dilihat dari aspek sistem dan prasarana semata-mata seperti yang telah ada kini, bahkan pengurusan sumber manusia itu sendiri tidak kurang pentingnya untuk diberi perhatian. Hal ini demikian kerana mereka yang

³⁰ Dr. Zeti Akhtar Aziz (2005). Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam. *Ucapan Gabenor pada Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam yang Kedua*.



terlibat dengan tadbir urus korporat ini perlu memiliki prinsip serta etika khusus sebagai panduan dan pedoman dalam gerak kerja mereka. Dengan adanya model tadbir urus korporat membolehkan pentadbiran institusi wakaf pendidikan tinggi dapat dijalankan dengan cekap dan sistematik mengikut keperluan institusi itu sendiri. Namun, komponen nilai keagamaan dan profesionalisme perlu diberi keutamaan dalam tadbir urus korporat kerana ianya akan mengingatkan mereka tentang tanggungjawab terhadap Allah S.W.T serta meninggalkan beberapa kesan positif dalam tugas yang dilakukan. Oleh yang demikian, tadbir urus korporat dapat dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan yang secara tidak langsung menyumbang kepada pencapaian matlamat wakaf itu sendiri.

TINJAUAN AWAL PERANAN INSTITUSI QADHI DAN MUFTI DALAM PENGURUSAN WAKAF DI MALAYSIA KE ARAH MENCORAKKAN KONSEP DAN AMALAN WAKAF DI MALAYSIA

Nor Asiah Mohamad (nasiahm@iiium.edu.my) dan
Sharifah Zubaidah binti Syed Abdul Kader
Jabatan Undang-Undang Sivil, UIAM dan Penyelidik,
Institut Kajian Waqf Antarabangsa, UIAM.

ABSTRAK

Kertas kerja ini melihat sejauh manakah institusi *Qadhi* dan Mufti memainkan peranan dalam meluaskan konsep dan amalan wakaf dan seterusnya mencetuskan kreativiti polisi serta praktis wakaf di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah rujukan literatur primer dan sekunder serta kes-kes mahkamah. Kajian mendapati peranan institusi *Qadhi* hanyalah berkisar sebagai tempat rujukan litigasi semata-mata berbanding dengan praktis sesetengah negara lain yang memberikan kuasa kepada *Qadhi* untuk campur tangan seperti dalam kes aduan hilang keyakinan benefisiari terhadap pengurus harta wakaf. Sorotan kes-kes mahkamah Syariah dan Sivil juga menunjukkan wujudnya pertembungan dalam sesetengah peradilan yang mengakibatkan berlakunya halangan dalam pengurusan wakaf secara langsung atau tidak langsung. Begitu juga peranan institusi Mufti dalam pengurusan wakaf sememangnya tidak dinafikan. Cabarannya ialah untuk memastikan fatwa-fatwa dibolehakses dan dinobatkan sebagai asas untuk meluaskan aktiviti wakaf berasaskan syariat Islam.

Perkataan Teras : wakaf, qadhi, kehakiman, mufti, fatwa.

PENGENALAN

Wakaf dan perkara-perkara yang berkaitan wakaf seperti perundangan, pengurusan dan penjenamaan semula produk dan aktiviti berkaitan wakaf bukanlah perkara baru di Malaysia. Walaupun perkembangannya tidak sehebat Negara Turki ataupun Kuwait, Malaysia berusaha untuk memupuk kesedaran dan meningkatkan kemahiran pengurusan wakaf bagi menjadikannya setanding dengan keperluan masyarakat Islam seluruhnya. Dalam hal ini peranan pentadbir wakaf amat besar. Sejarah menunjukkan kreativiti aktiviti-aktiviti wakaf banyak bergantung kepada sejauh manakah pihak Mufti dan Qadhi berusaha untuk membuka jalan-jalan baru dengan munculnya prinsip-prinsip perundangan dan fatwa-fatwa baru.

Autoriti wakaf secara khusus tidak dinyatakan secara jelas di dalam Al Quran. Kesahihan wakaf sebagai tuntutan agama terserlah dari hadis dan amalan para sahabat. Dalam zaman kontemporari segala kreativiti wakaf tidak dapat dijalankan dengan efektif sekiranya tiada fatwa-fatwa yang membolehkan pemakaian prinsip-prinsip tersebut secara perundangan khususnya untuk perkara-perkara baru yang wujud mengikut arus masa dan situasi.

Agama Islam merupakan institusi yang terawal yang meletakkan wakaf sebagai satu institusi agama, ekonomi, sosial dan kemasyarakatan. Bagi menepati aspirasi tersebut, wakaf telah diperundangan dan diberikan satu pengiktirafan sebagai satu platform untuk menggerakkan aktiviti masyarakat. Langkah untuk memperundangan wakaf dan meletakkan wakaf sebagai satu sumber ekonomi dan sosial jelas berlaku sejak dari zaman Rasulullah SAW lagi.

PERANAN INSTITUSI QADHI DI MALAYSIA

Sistem perundangan Islam mestilah wujud untuk membela dan memberikan keadilan untuk ummah seluruhnya. Catatan ini penting kerana ia menunjukkan sistem perundangan perlu untuk memastikan keselesaan dan menjaga keharmonian manusia, menjaga hak orang yang tertekan atau teraniaya, dan seterusnya mencegah dari berlakunya kezaliman dan tekanan yang tidak munasabah. Sistem kehakiman juga memberi ruang untuk menyelesaikan pertelingkahan dan menjaga hak-hak asasi manusia. Ia menegakkan yang benar dan mencegah yang batil serta menghapuskan perbuatan yang tidak bermoral. Dengan cara ini, satu keadilan sosial akan dapat dinikmati oleh semua peringkat rakyat dan setiap individu akan merasa selamat, terjaga secara fizikal dan moral dan setiap bangsa akan menjadi lebih membangun dan bertamadun. Di dalam konteks undang-undang wakaf, ketiadaan satu undang-undang yang khusus mengenai wakaf telah mewujudkan vakum di dalam pelaksanaan perundangan Islam yang berkaitan. Keperluan untuk merujuk kepada pelbagai autoriti perundangan bagi wakaf menyebabkan timbulnya pertembungan, pertindanan dan perselisihan dalam pentadbiran dan pengurusan wakaf di Malaysia.

Qadhi adalah pihak yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan keadilan ini. Tugas Qadhi ialah melaksanakan keadilan mengikut Hukum Syarak. Dalam konteks wakaf, sumbangan Qadhi amat besar memandangkan wakaf adalah perkara *ijtihad*. Sejarah menunjukkan aktiviti wakaf berkembang hasil dari pandangan, *ijtihad* dan *fatawa* yang dibuat oleh para ahli fikah. Sehubungan itu institusi Qadhi dan Mufti haruslah sentiasa bersedia untuk bergerak seiring dengan keperluan semasa malah harus sentiasa terkedepan dalam menangani dan memberi saranan dan pandangan tentang prinsip-prinsip baru pengurusan wakaf. Bagi merealisasikan keperluan tersebut, kedua-dua institusi ini haruslah diperkembangkan dengan individu

yang mahir malah diperlengkapkan dengan sumber rujukan yang terkini. Dalam hal ini, Mas'ud menyarankan 3 konsep fatwa iaitu pengurusan data dan informasi tentang ilmu Islam, memberi konsultasi kepada mahkamah dan khidmat interpretasi Islam.¹ Konsep pertama berkenaan koleksi fatwa adalah amat penting untuk perkembangan Islam termasuklah wakaf. Akses kepada fatwa ini harus berlangsung bukan sahaja diperingkat nasional malah antarabangsa untuk memangkin aktiviti wakaf yang subur dan berdaya maju. Dunia tanpa sempadan hari ini sepatutnya menjadi pemangkin bagi mempercepatkan perkembangan aktiviti wakaf yang sihat untuk membantu umat sejagat tanpa dibatasi agama, bangsa atau sempadan negara.

KEBEBASAN BADAN KEHAKIMAN

Dalam pelaksanaan perundangan wakaf, dapat dikatakan bahawa kebebasan kehakiman yang sebenar masih belum wujud. Ini kerana terdapatnya kes-kes yang mencabar kebebasan Mahkamah Syariah untuk membuat keputusan berdasarkan perundangan Islam. Keadaan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Walaupun satu pindaan undang-undang penting telah dibuat untuk meletakkan Agama Islam sebagai sumber rujukan perundangan bagi orang-orang Islam di Malaysia melalui Pindaan Artikel 121(A), tetapi masih banyak isu dipersoalkan seperti adakah perundangan Islam hari ini mempunyai autoriti yang jelas dalam membuat keputusan yang melibatkan apa-apa perkara mengenai wakaf. Kajian dahulu merumuskan bahawa isu-isu perundangan seperti wakaf sebagai 'amanah', pertembungan hak antara orang Islam dan bukan Islam, doktrin duluan mengikat, adakah remedi wakaf dilihat dari sudut "*subject matter*" atau "*remedy prayed for*" dan pertindanan kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil masih menyelubungi perundangan wakaf di Malaysia.²

¹ Masud, M.K., Joseph A.K., and Brinkley, M., Ahmad S.D. and Jocelyn H., 2008-9

² S. Mashita, M., 2006. *Waqf in Malaysia, Legal and Administrative Perspectives*. University of Malaya Press: Kuala Lumpur, ms. 71.

Sepintas lalu, kedudukan wakaf dalam Perlembagaan Malaysia adalah terletak dalam Senarai II, Senarai Negeri di bawah Jadual Kesembilan. Perkara 121 (1A) menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah. Ini kerana sebelum pindaan kepada Perkara 121 dibuat terdapat beberapa kes³ di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah.⁴

Melalui pindaan 121 (1A) ini, percanggahan antara Mahkamah Tinggi dengan Mahkamah Syariah tidak sepatutnya berlaku kerana mana-mana perkara yang boleh dibawa ke Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak lagi mempunyai bidang kuasa. Sepatutnya, pindaan ini telah menaikkan taraf Mahkamah Syariah di mana Mahkamah Syariah bolehlah dikatakan telah bebas daripada campur tangan Mahkamah sivil. Mahkamah Syariah juga telah dinaiktarafkan iaitu dengan membebaskannya dari kawalan Majlis Agama Islam di tiap-tiap negeri.⁵

Bagi mengatasi kekurangan ini, banyak pandangan menyokong peri pentingnya diwujudkan satu undang-undang wakaf yang seragam yang diterima pakai di setiap negeri di Malaysia di dalam kerangka perundangan yang sedia ada. Ini bermakna, di dalam konteks Malaysia yang meletakkan bidang kuasa agama bagi setiap negeri maka setiap negeri haruslah mempunyai kerangka undang-undang wakaf yang tersendiri dan memastikan perundangan tersebut tidak berbeza dengan negeri yang lain. Keselarasan ini penting untuk mengurangkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

³ Beberapa contoh adalah seperti kes-kes wakaf, hadhanah (penjagaan anak), mungkir janji untuk berkahwin dan lain-lain.

⁴ Pindaan Perkara 121 berlaku pada 1988 dengan satu klausa baru dimasukkan iaitu, 1A.

⁵ Ariffin, M. *et al.*, 1999.

KUASA KADHI DAN MAHKAMAH SYARIAH DALAM HAL EHWAL WAKAF

Pindaan Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan telah meningkatkan kuasa Kadhi dalam membuat keputusan. Oleh itu, keputusan yang memberi kuasa kepada Mahkamah sivil untuk membicarakan kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah di mana keputusan Mahkamah Syariah telah dibatalkan oleh Mahkamah sivil tidak seharusnya timbul lagi.⁶

Takrif Qadhi dan bidangkuasa Qadhi adalah jelas seperti yang disebut dalam Pentadbiran Undang-Undang Islam bagi setiap negeri di Malaysia. Manakala Qadhi di dalam Islam ialah orang yang terlibat dalam menyelesaikan pertelingkahan antara orang-orang yang bertelingkah dengan menggunakan hukum Syara'.⁷ Penglibatan Qadhi sebagai ahli jawatankuasa Fatwa adalah kurang bersesuaian kerana bimbang akan berlaku keadaan di mana kadhi mungkin akan mendengar kes yang melibatkan fatwa yang dikeluarkannya.⁸ Apatah lagi sekiranya Qadhi dilantik menjadi pemangku kepada Mufti sewaktu ketiadaan Mufti, maka adalah tidak munasabah.⁹

Walaupun Pindaan 121 Perlembagaan Persekutuan telah dibuat, ternyata masih ada ruang-ruang yang dibangkitkan menyentuh keutamaan Mahkamah Syariah. Dalam kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn Isa bin Abdul Rahman dan yang lain*,¹⁰ Isa bin Abdul Rahman (plaintif) telah membuat tuntutan di Mahkamah Tinggi Sivil Pulau Pinang supaya diisytiharkan tanah masjid sebagai wakaf am dan Majlis tidak berhak merobohkan Masjid tersebut dan memohon juga satu perintah tegahan (injunksi) kepada Majlis atau ejen-ejennya dari merobohkan Masjid. Majlis cuba mengenenpikan perintah tegahan tersebut tetapi gagal

6 *Commissioner of Religious Affairs Terengganu lwn. Tengku Mariam* [1970] 1 MLJ 222.

7 Mohd Salam Madkur, 1964, *Al Qadha fi al Islam*, ms.2

8 *Ibid.*

9 Perintah Wilayah Persekutuan Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hakim Syarak, 1974 Per: 40(3)

10 *Jurnal Hukum*, Jld. X Bhgn. 11 ms. 222.

lalu merayu ke Mahkamah Agung yang juga akhirnya menolak permohonan tersebut. Ini adalah kerana terdapat Surat Ikatan Penyelesaian mengenai amanah wakaf menyatakan: 'Digunakan sebagai tempat orang-orang Islam bersembahyang jemaah dan tidak untuk tujuan-tujuan lain'. Antara isu lain yang ditimbulkan oleh Hakim Mahkamah Agung, Eusoff Chin ialah samada Mahkamah Kadhi boleh untuk mengeluarkan perintah injunksi kerana ia termasuk dalam Bahagian III Akta Relif Spesifik 1950. Dalam keputusannya beliau berkata:

“Apabila Mahkamah sivil membicarakan tuntutan untuk mendapatkan suatu perintah dan perintah yang dituntut bukan dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah untuk mengeluarkannya, maka Mahkamah Sivil hendaklah membicarakan tuntutan itu dan jika soal mengenai Hukum Syarak timbul semasa perbicaraan pihak-pihak terlibat boleh memanggil pakar-pakar agama Islam untuk memberi keterangan dalam perbicaraan itu ataupun pihak Mahkamah boleh merujuk soalan-soalan kepada Majlis Fatwa berkenaan untuk mendapat kepastian.” Jelas dalam kes ini Yang Arif Hakim memberikan kuasa kepada Mahkamah Sivil dan memberikan ruang untuk rujukan dibuat kepada Majlis *fatawa* sekiranya terdapat perkara menyentuh hal ehwal Islam yang perlukan kepastian.”

PERKEMBANGAN WAKAF BERDASAR PANDANGAN ULAMA' DAN KADHI DALAM SEJARAH ISLAM

Pandangan Qadhi telah dirujuk bagi meluaskan skop pentadbiran wakaf. Ini boleh dilihat di dalam beberapa keadaan:

- a. Pandangan Syariah Berkenaan Hukum Wakaf Aset Kekal (*'iqar*) dan aset mudahalih. Semua fuqaha kecuali Qadhi Syuraih berpandangan bahawa wakaf aset berbentuk kekal (*'iqar*) seperti tanah, bangunan, kediaman dan seumpamanya adalah dibenarkan dalam Islam. Fuqaha berbeza pendapat dalam isu hukum mewakafkan aset mudah alih. Aset mudah alih boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

Kategori 1: Aset mudah alih yang mempunyai ciri fizikal yang tahan lama dan tidak rosak walaupun selepas digunakan seperti alat senjata, kuda dan lain-lain. Dalam kategori ini, fuqaha berbeza pandangan samada ia dibenarkan oleh Syarak seperti berikut:

1. Majoriti fuqaha daripada Mazhab Maliki, Shafei dan Hanbali berpandangan bahawa adalah dibenarkan untuk mewakafkan semua jenis aset mudah alih yang tahan lama dan tidak mudah rosak.¹¹
2. Dalam Mazhab Hanafi, terdapat 3 pandangan berkenaan dengan hukum mewakaf aset mudah alih.

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa adalah tidak harus untuk mewakafkan semua jenis aset mudah alih (*manqul*) dan wakaf hanya dibolehkan ke atas aset yang kekal (*'iqar*) kerana syarat utama wakaf aset mestilah bersifat kekal secara semula jadi. Adapun ada beberapa syarat bagi harta wakaf: Antaranya adalah yang tidak boleh dipindah alih dan ditukar ganti seperti hartanah dan sebagainya. Maka tidak harus wakaf bagi harta yang mudah alih (*manqul*) seperti yang dimaksudkan oleh kami kerana sifat kekal adalah syarat utama bagi wakaf sedangkan harta manqul tidak mempunyai sifat kekal kerana ia senang rosak. Oleh kerana itu, maka tidak harus berwakaf dengan harta manqul kecuali ia digunakan untuk hartanah yang diwakafkan (menyokongnya).¹²

- b. Qadhi Abu Yusuf berpandangan bahawa keharusan berwakaf aset mudah alih hanyalah terhad kepada aset

¹¹ Ad-Dusuki, Muhamamd Ibn Ahmad Ibn Irfah, Hasyiah Ala Syarh Al-Kabir, Dar Al-Fikr j.4 h.77.

¹² Imam Al-Syafie, Imam Muhammad Ibn Idris, *Al-Umm*, Dar Al-Ma'rifah, j. 4, h. 60; As-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Ali, Al-Muhazzab, Dar Al-Qalam j.3 h.672. Al-Bahuti, Mansur Ibn Yuunus Ibn Idris, *Syarh Muntaha Al- Iradat*, Dar Al-Fikr, j.2 , h.491.; Al-Kasani, Abu Bakr Ibn Mas'ud, (1986), *Badaie' As-Sona 'ie fi Tartib As-Syara 'ie*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j. 6, h. 220)

peperangan yang digunakan dalam fi sabilillah seperti senjata, perisai, kuda dan seumpamanya. Mereka bersandarkan kepada hadith di bawah;

“Kamu telah berlaku tidak adil kepada Khalid al-Walid (dengan mengatakan beliau tidak menunaikan zakat), sedangkan beliau telah mewakafkan perisai dan senjatanya pada jalan Allah”.¹³

- c. Pendapat Muhammad bin Hassan merupakan yang paling fleksibel dalam Mazhab Hanafi, di mana beliau berpandangan bahawa adalah dibenarkan untuk wakaf apa-apa aset mudah alih yang diiktiraf oleh *'uruf* dan diamalkan oleh penduduk di masa itu. Pandangan ini dianggap sebagai pendapat utama dalam Mazhab Hanafi. Menurut Muhammad (Ibn Hassan), adalah diharuskan untuk mewakafkan mana-mana harta yang diterima pakai oleh adat seperti kapak, tukul besi, gergaji, periuk, mashaf dan juga buku. Namun begitu, sebarang aset yang tidak diiktiraf oleh *uruf* setempat tidak boleh dijadikan sebagai harta wakaf. Fatwa rasmi (bagi mazhab Hanafi) mengambil pendapat Muhammad (Ibn Hassan).

Kategori Kedua: Aset mudah alih yang mempunyai ciri fizikal yang tidak tahan lama dan mudah rosak selepas digunakan seperti makanan, sayur-sayuran dan lain-lain. Dalam kategori ini, fuqaha berbeza pendapat sama ada ia dibenarkan oleh Syarak.

1. Sebahagian fuqaha dari Hanafi, Syafii dan Hanbali membenarkan wakaf aset *manqul* yang mempunyai unsur yang tidak tahan lama dan mudah rosak dengan syarat ia digunakan dengan cara yang mampu mengekalkan aset yang diwakaf. Ini kerana syarat utama wakaf adalah fizikal asset

¹³ Sahih Muslim, *Kitab Az Zakah*, hadith no 983.

mestilah kekal dan tidak rosak. Walau bagaimanapun, sekiranya aset yang mudah rosak itu tidak boleh mengekalkan fizikalnya, maka ia tidak diwakafkan. Ini kerana ia tidak dapat memenuhi keperluan utama wakaf iaitu fizikal aset yang kekal.

2. Beberapa ahli fikah dari mazhab Maliki termasuk Imam Al-'Auzaie membenarkan wakaf aset yang mudah rosak seperti makanan untuk diwakafkan. Hujah untuk keharusan ini adalah kerana mereka tidak mengiktiraf elemen kekal pada wakaf aset sebagai keperluan utama untuk wakaf.

Perkembangan yang positif juga dapat dilihat dalam pandangan ulama' berkenaan wakaf tunai. Pada awalnya terdapat kontroversi tentang kesahihan wakaf tunai.¹⁴ Tetapi pendedahan dan kefahaman bahawa wakaf tunai juga boleh bersifat kekal seperti wakaf harta bergantung kepada bagaimana ianya diuruskan melahirkan fatwa yang menyokong wakaf tunai dipraktikkan di merata negara Islam.

Perbezaan pendapat ini adalah merupakan keringanan bagi orang-orang Islam yang datang dari pelbagai bangsa dan budaya. Bahkan tugas Qadhi adalah berbeza antara satu masyarakat Islam dengan masyarakat Islam yang lain. Bidangkuasa Qadhi adalah bergantung kepada terma-terma perlantikannya oleh samada Sultan atau gabenor. Sultan boleh menghadkan kuasa Qadhi hanya kepada tugas penghakiman atau menghadkan bidangkuasa Qadhi kepada mazhab-mazhab tertentu sahaja atau mungkin kepada ikhtilaf tertentu. Ketika zaman *Mamluk*, Qadhi memiliki kuasa pentadbiran dan kuasa eksekutif dan kehakiman. Di Malaysia, analisa fatwa wakaf menampakkan adanya perkembangan di mana walaupun Malaysia merupakan

¹⁴ Said al Buti, in Adi Putera..., 2015

negara yang berpegang kepada pandangan mazhab Shafii tetapi pandangan mazhab lain seperti mazhab Hanafi telah diambilpakai bagi memberi kelonggaran kepada amalan wakaf yang ternyata dapat memberikan faedah kepada umum.

Antara ciri utama wakaf ialah manfaatnya mestilah kekal dan berterusan. Keadaan ini adalah hampir mustahil dari sudut ekonomi kerana bangunan yang dibina suatu hari akan runtuh atau akan gagal berfungsi atau tanah mungkin akan menjadi tidak produktif. Dalam ertikata lain, wakaf apabila tiba waktunya akan menjadi tidak produktif dan gagal menepati niat atau tujuan wakaf tersebut diwujudkan. Dalam hal ini dan bagi memastikan objektif wakaf kekal, para ulamak fikah telah membenarkan kaedah *istibdal* (penggantian) dibuat.¹⁵ Dalam hal ini, walaupun harta asal wakaf terpaksa dijual tetapi tujuan wakaf dibuat akan berterusan dan kekal. Para ulama' Andalusi menerima kaedah ini atas alasan bahawa adalah perlu memilih antara konsep 'kekal' wakaf dan 'terhapusnya' tujuan harta yang diwakafkan.¹⁶

Penerimaan konsep *istibdal* di Malaysia adalah selari dengan perkembangan wakaf di negara yang lain. Malah, konsep 'kekal' wakaf dapat direalisasikan melalui kaedah 'istibdal' bukan sebaliknya. Hari ini, perwakafan menerusi pembentukan Bon Wakaf (sukuk wakaf) sudah muncul sebagai metod pembangunan wakaf yang kontemporari, begitu juga dengan konsep Amanah Pelaburan Harta Tanah (*Real Estate Investment Trusts*) yang boleh diaplikasikan dalam membangunkan dana wakaf. Contohnya, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah berjaya melaksanakan pembangunan harta wakafnya melalui aplikasi kontrak-kontrak *muamalah* Islam melibatkan misalnya

15 Muzakarahan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke Empat , 13-14 April, 1982 memutuskan wakaf *ibdal* (gantian) adalah harus mengikut taqlid pendapat Imam Abu Hanifah. Di Johor, tafsir bagi *Istibdal* terdapat dalam Kaedah-Kaedah Wakaf 1983. Di Negeri Selangor, Enakmen Wakaf 1999 terdapat Bahagian *Istibdal* di bawah Bahagian VI secara khusus di bawah peruntukan Seksyen 19-20. Menurut Ibn Rushd, ulama' Mazhab Maliki, *istibdal* dibenarkan sekiranya objek wakaf termasuk dan tidak boleh dikembalikan keadaan asalnya dan syarat *istibdal* itu hendaklah dibuat dengan keizinan Mahkamah, direkodkan dan disaksikan. Lihat "Abdari, d. 897A.H, 6,ms.42 di dalam Tahir Sabit, 2014,Waqf Property - Concept, Management, Development and Financing, ms. 180. Ulamak Shafei menetapkan syarat *istibdal* mestilah tidak bertentangan dengan apa yang dimiatkan oleh pewakaf. Lihat, Al Mati'ii, 1970, 15: 345.

16 Ana Maria, 2010. Education and Pious Endowment in al Andalus, Proceeding in Waqf and Education: Innovative Models, Zayed University, 27-28 March, 2011.

bon atau sukuk musyarakah dan internal REITs. Begitu juga Arab Saudi yang telah membangunkan *Zam Zam Tower Complex*nya menggunakan metod *sukuk* atau bon Islam ini menerusi pemakaian *bon time-share*. Semua rekod kejayaan ini seharusnya memberi keyakinan kepada umat Islam tentang impak wakaf yang diruruskan secara professional dan telus.

Sifat ‘kekal’ dan tidak boleh dilupuskan (*inalienability*) bagi wakaf dilihat sebagai satu lagi halangan kepada aktiviti wakaf dan memerlukan kepada penelitian dan penghuraian semula konsep wakaf.¹⁷ Salah satu cara untuk melihat semula konsep wakaf ialah dengan meneliti kaedah klasik fiqah. Apa yang jelas, syarat ‘kekal’ wakaf bukanlah didasarkan kepada autoriti sunnah bahkan tetapi diistinbatkan oleh ahli fiqah berdasarkan kepada hadis tentang wakaf Syadina Umar (r.a) bahawa tanah wakaf tidak boleh dijual, dihadiah atau dijadikan harta pusaka. Begitu juga interpretasi yang diberikah ahli fikah tentang sifat wakaf yang tidak boleh dibatalkan, kekal dan tidak boleh dilupuskan juga mendapat pandangan yang berbeza walaupun pendapat tersebut merupakan pendapat majoriti.¹⁸ Abu Hanifah pula berpendapat sebaliknya (Sarakhsi, d.490 A.H., 12:27). Wakaf sementara (*temporal waqf*) dibenarkan menurut Abu Yuuf (Sarakhsi). Wakaf tidak boleh dilupus merupakan pandangan yang majoriti tetapi tidak dipersetujui oleh kesemua ahli fikah. Ulama Hanbali termasuk Ibn Taymiah membenarkan masjid dijual atau digantikan dengan syarat itu adalah yang terbaik kepada ummah. Ulama terdahulu telah membenarkan Qadhi untuk membenarkan satu jual beli wakaf atau mengubah pengurusan wakaf walaupun di dalam keadaan yang bertentangan dengan niat orang yang berniat wakaf (*wakif*).¹⁹ Malah pewakaf (*wakif*) juga dibolehkan membenarkan hutang dibuat bagi membaiki kerosakan atau membayar cukai, menggadai tanah atau hasilnya sekiranya harta wakaf itu gagal mendatangkan sebarang hasil.

¹⁷ Abdul Hamid dan Mohamad Tahir, *Waqf Property - Concept, Management and Financing*, 2014, ms 16, 17.

¹⁸ Nizam et.al, 1991, *Fatawa alamgiri*, in Abdul Hamid and Mohamad Tahir Sabit, 2014, *Waqf*

¹⁹ Abdul Hamid dan Mohamad Tahir, 2014, ms. 16, 17.

Malah terdapat kes di mana penjualan sebahagian tanah wakaf dibenarkan bagi tujuan di atas hatta kepada penjualan masjid. Menurut Mazhab Hanafi, istibdal dibenarkan sekiranya tiada halangan nyata dari pihak pewakaf.

Catatan di atas menunjukkan bahawa para ulamak fikh telah bersikap fleksibel dalam merealisasikan objektif wakaf. Malah, ulamak Shaffi membenarkan wakaf anjing atas dasar kegunaan dan *manfaah*.²⁰ Walaupun sejarah wakaf Malaysia yang dibuat menerusi institusi mahkamah agak tegas dengan konsep wakaf tidak boleh diubah atau dibatalkan.²¹ Apa yang penting ialah para Qadhi mestilah berusaha untuk memahami segala perkembangan ini agar setiap perosalan wakaf dilihat dari kacamata lalu untuk memahami keperluan realiti semasa dan membayangkan kehubungkaitnya dengan kehendak masa depan. Dalam memahami realiti semasa, 2 kaedah dicadangkan iaitu mengenal pasti apakah status sebenar wakaf dengan mengumpul data, mengarkibkan dan membolehkan akses data tersebut untuk dinilai dan digunapakai oleh oranglain secara saintifik dan akademik (Ibrahim el Bayoumi, 2010) dan membuka ruang-ruang berijtihad, debat dan hukum fiqhi dengan menerbitkan lapuran tahunan dan sebagainya. Ini telah menjadi amalan sejak dahulu dan kita dapati hampir semua buku mengenai fikh akan mempunyai satu bab perbincangan mengenai wakaf.²²

FATWA MENGENAI WAKAF

Sheikh Zarqa pernah menyatakan “ wakaf adalah perkara *ijtihadi*. Ketiadaan individu mujtahid telah diatasi dengan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang ditubuhkan pada awal tahun 1970²³ sebagaimana

²⁰ Lihat Nota no. 10.

²¹ Haji Salleh b Haji Ismail & Anor lwn.

²² Ibrahim el Bayoumi, 2010, Historical Formation of the Waqf Function in the Arab Societies, www.waqfacademy.org, dilihat pada 24 Julai 2015.

²³ Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah bersidang buat pertama kalinya pada 23 hingga 24 Jun 1970 dengan nama Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Persidangan tersebut berlangsung sebanyak 18 kali dan

diperuntukan pada Perkara 11 Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Jawatankuasa ini merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat Kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Sementara MKI yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri merupakan badan penyelarasan di peringkat Persekutuan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja pada Mac 1968.

Tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan mengikut Perkara 14 Peraturan MKI Malaysia adalah untuk menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini akan mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang kemudian menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja. Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia terdiri daripada seorang pengerusi yang dilantik oleh MKI di kalangan ahlinya; Mufti tiap-tiap negeri yang mengambil bahagian atau seorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Agama Islam; sembilan orang alim ulama dan kalangan profesional serta pakar-pakar beragama Islam yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja; dan seorang ahli yang beragama Islam dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang atau dari profession undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja.

Fatwa dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu fatwa yang terpakai kepada umum atau fatwa asas dan fatwa yang terpakai kepada Kadhi.²⁴ Fatwa asas terdiri daripada soalan atau masalah yang dikemukakan oleh orang awam dan jawabannya diberikan oleh Mufti. An Nawawi menerangkan bahawa dalam abad

yang terakhir diadakan pada 14 Mei 1980. Kemudian perkataan Persidangan ditukar kepada perkataan Muzakarah dan pada 28 hingga 29 Jun 1981 telah diadakan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Kali Pertama.

24 Masud, Messick, Powers, 1996, 'Muftis, Fatwas and Islamic Legal Interpretation'.

ketujuh dan sekitar abad ke tigabelas, soalan ditulis oleh penyoal (*mustafti*), atau wakilnya di atas sehelas kertas (*ruq'at istifta'*) dan jawabannya ditulis oleh Mufti di atas kertas yang sama.²⁵ Kertas tersebut menjadi hak penyoal dan Mufti tidak berhak ke atas kertas tersebut. Soalan mestilah untuk permasalahan yang telah berlaku dan bukan yang akan datang. Sekiranya soalan yang diberikan kepada apa yang belum berlaku maka Mufti tidak berkewajipan untuk menjawabnya. Mufti boleh juga menulis dalil-dalil dari al Quran dan hadis di atas kertas jawabannya tanpa meletakkan *qias* atau *ijtihad* bagi mengelakkan kekeliruan berlaku bagi orang awam. Sebaliknya jika fatwa itu bukan untuk orang awam tetapi bagi kadhi maka autoriti hendaklah disandarkan dan diterangkan.

Mufti juga dikehendaki untuk memberikan jawapan yang jelas, praktikal dan tepat dengan mengelakkan memberi fatwa dengan memberi pandangan yang terdapat khilaf atau pandangan yang berbeza. Mufti harus mengelakkan menulis fatwa berdasarkan kepada apa yang dia secara individu mempunyai pengetahuan tetapi haruslah menghadkan kepada apa yang ditanya semata-mata. Mufti tidak memberi penekanan kepada perkara *khilafiah*.²⁶ Oleh itu, jawatankuasa fatwa tidak mengeluarkan fatwa berkaitan dengan isu ini dan isu-isu *khilafiah furu'* yang lain selagi keadaan tidak memerlukan dan ia tidak menjejaskan kepentingan awam.

BIDANGKUASA DAN ORGANISASI FATWA

Enakmen Pentadbiran Agama Islam No 4 2006 bagi negeri Perlis memperuntukkan di bawah seksyen 94 bahawa sekiranya Majlis berpandangan terdapat kekeliruan terhadap mana-mana instrumen, perisytiharan terhadap pembinaan wakaf atau *nazar* maka Majlis boleh merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa bagi

²⁵ An Nawawi, 1985.

²⁶ Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 6 Jan 2008 telah membincangkan hukum berjabat tangan dengan wanita ajnabi memutuskan isu hukum berjabat tangan antara lelaki dengan wanita *ajnabi* ini termasuk perkara khilafiah yang furu' dan ia bukan merupakan perkara usul.

mendapatkan pandangan bagi kekeliruan tersebut samada bagi makna atau kesan instrument atau perisytiharan dan akan bertindak berdasarkan pandangan yang dibeikan oleh Jawatan kuasa tersebut.

Isu-isu mengenai wakaf yang diputuskan oleh Majlis Fatwa masih dianggap kecil bilangannya. Walaupun ia menggambarkan kurangnya permasalahan yang dihadapi umat Islam di Malaysia tetapi dalam konteks wakaf jelas bahawa masih banyak perkara perkara yang perlu dirujuk kepada Majlis Fatwa bagi merencanakan lagi aktiviti wakaf. Kadhi mempunyai kuasa untuk mengarahkan penukaran syarat bagi wakaf yang tidak terikat kepada apa-apa syarat khas seperti *istibdal* atau membuat perintah untuk menjual harta wakaf yang tidak diletakkan syarat khas oleh pewakaf.²⁷

Satu contoh kajian fatwa mengenai tanah dapat dilihat daripada komen yang dibuat oleh Effendi Rani dalam kajiannya mengenai wakaf pengambilan tanah wakaf. Beliau menyatakan hasil kajian beliau mendapati permasalahan tentang isu pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak banyak dibangkitkan dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Sedangkan keterlibatan tanah wakaf yang diambil oleh PBN begitu tinggi dan berlaku sejak sekian lama.²⁸ Ini ekoran daripada kurangnya perhatiandan kesungguhan pihak terbabit, persoalan tentang isu pengambilan tanah wakaf tidak banyak dikemukakan kepada pihak Mufti. Kajian mendapati keputusan fatwa yang pertama berkaitan isu ini dapat dikesan pada tahun 1990. Fatwa-fatwa yang diputuskan sebelum tahun 1990 tidak ada yang membincangkan isu ini, walaupun pengambilan tanah wakaf di negeri Terengganu berlaku sejak tahun 1951-an lagi. Fatwa-fatwa yang ditemui ini hanya dapat dirujuk melalui fail-fail pengambilan tanah wakaf, kerana ia tidak dicatatkan secara tersusun dan tidak didokumentasikan.

²⁷ Warren Frederick Ilichman & et.al.,1998.

²⁸ Mohd Afandi Bin Mat Rani, 2008, ms.235-237

HALATUJU WAKAF

Adalah penting untuk setiap yang bertanggungjawab terhadap wakaf memahami arah dan halatuju wakaf bagi mencapai objektif yang sebenar. Kejayaan wakaf adalah bergantung kepada beberapa perkara:

- Memiliki organisasi mengendalikan wakaf bagi menghasilkan aktiviti dan produktiviti wakaf yang dinamik dan lestari;
- memastikan kualiti dan kuantiti berjalan sejajar dengan memanfaatkan sistem data canggih masa kini;
- Mematuhi peruntukan perundangan negara kecuali dalam perkara yang bertentangan dengan syara’;
- Mempunyai akta khusus berkenaan wakaf yang komprehensif mengandungi perkara substantif seperti perundangan dan pentadbiran, prosedur;
- Pewakaf, pentadbir wakaf dan penerima wakaf hendaklah berilmu tentang pengurusan wakaf dengan memberi penekanan kepada elemen-elemen kecekapan, kebertanggungjawaban dan ketelusan.

KESIMPULAN

Pengajaran dari negara-negara lain menunjukkan Qadhi mempunyai kuasa untuk campurtangan dan membuat perubahan atau menjana kreativiti dengan pandangan perundangan yang dinamik untuk institusi wakaf berjalan lancar bagi memastikan potensi jangka panjang wakaf. Fiqh klasik menetapkan tanggungjawab untuk memastikan pentadbiran wakaf berjalan dengan efisien ialah terletak kepada pejabat Kadhi atau Mahkamah Syariah. Oleh itu, *mutawalli* boleh dilucutkan dari jawatan mereka sekiranya terdapat aduan dari pihak penerima wakaf.²⁹ Walau bagaimanapun di kebanyakan negara peranan

29 Syed Ameer Ali, 1976, *Mahommedan Law*, Lahore: Law Publishing Company, ms. 441-492, lihat juga Tanzil-ur-Rahman, *A Code of Muslim Personal Law*, Karachi: Islamic .

menyeluruh wakaf secara umumnya telah diletakkan kepada satu kementerian khusus mentadbir hal ehwal wakaf termasuklah di Malaysia.

RUJUKAN

Masud, M.K., Joseph A.K., and Brinkley, M., Ahmad S.D. and Jocelyn H., 2008-9

Mahamad bin Arifin, Dr. (1999), "Islam dalam Perlembagaan Persekutuan" dalam Ahmad Ibrahim et. al (1999), Perkembangan Undang- undang Perlembagaan Persekutuan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salam Madkur, 1964, *Al Qadha fi al Islam*, ms.2.

Perintah Wilayah Persekutuan Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hakim Syarak, 1974 Per: 40(3)

Jurnal Hukum, Jld. X Bhgn. 11 ms. 222.

Ad-Dusuki, Muhamamd Ibn Ahmad Ibn Irfah, *Hasyiah Ala Syarh Al-Kabir*, Dar Al-Fikr J.4.

Imam Al-Syafie, Imam Muhammad Ibn Idris, *Al-Umm*, Dar Al-Ma'rifah, j. 4.

As-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Ali, Al-Muhazzab, Dar Al-Qalam j.3.

Al-Bahuti, Mansur Ibn Yuunus Ibn Idris, *Syarh Muntaha Al-Iradat*, Dar Al-Fikr, j.2.

Al-Kasani, Abu Bakr Ibn Mas'ud, 1986. *Badaie' As-Sona'ie fi Tartib As-Syara'ie*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah, j. 6.

Sahih Muslim, *Kitab Az Zakah*, hadith no 983.

Said al Buti, in Adi Putera..., 2015

Al Mati'ii, 1970, 15: 345.

Ana Maria, 2010. Education and Pious Endowment in al Andalus, Proceeding in Waqf and Education: Innovative Models, Zayed University, 27-28 March, 2011.

Md Tahir Tsabit and Abdul Hamid Mar Iman. (2014). *Waqf Property Concept, Management, Development, and Financing*. UTM Publisher:Skudai Johor.

Nizam et.al, 1991, *Fatawa alamgiri*. Vol.2. Dal al Fikr:Beirut.

Ibrahim el Bayoumi, 2010, Historical Formation of the Waqf Function in the Arab Societies, www.waqfacademy.org, dilihat pada 24 Julai 2015.

Masud, Messick, Powers, 1996. Muftis, Fatwas and Islamic Legal Interpretation' .

Al-Nawawi, 1985. *Bustan al-`arifin*. Beirut: dar al-kitab al-`arabi.

Warren Frederick lichman & et.al.,1998.

Mohd Afandi Bin Mat Rani, 2008, ms.235-237

Syed Ameer Ali, 1976, *Mahommedan Law*, Lahore: Law Publishing Company,

Tanzil-ur-Rahman, *A Code of Muslim Personal Law*, Islamic: Karachi..



Abd al-Salam Madkur, al-Qadi' fi'l-Islam. Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah:Cairo. 1964

Mahamood, S.M., (2006). *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspectives*, University Malaya Press, Kuala Lumpur.

Razali Othman. (2013). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

PENGAGIHAN KEKAYAAN DALAM EKONOMI ISLAM MELALUI INSTRUMEN WAQAF PERBIAYAAN PERUMAHAN BBA

Oleh:
Mohd Faisol Ibrahim¹

ABSTRAK

Pengagihan kekayaan di dalam ekonomi Islam amat penting bagi memastikan golongan kaya sentiasa membantu golongan yang memerlukan bantuan. Ini dapat dibuktikan melalui kewujudan zakat sebagai salah satu rukun Islam. Islam mengiktiraf kewujudan golongan kaya dan miskin kerana kedua-dua golongan ini saling melengkapi antara satu sama lain. Isu miskin bandar, kos sara hidup tinggi, kos harga rumah yang mahal menyebabkan terdapat segolongan masyarakat Islam tidak mampu miliki rumah. Oleh itu satu instrumen baharu iaitu waqaf bagi pengagihan kekayaan antara kedua-dua golongan ini perlu diwujudkan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis produk pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia menggunakan instrumen *bay' bithaman ajil (BBA)*. Kajian ini juga akan mengkaji aplikasi waqaf semasa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Selain itu, kajian ini juga akan membangunkan model waqaf pembiayaan perumahan menggunakan *bay' bithaman ajil* sebagai produk baharu pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan pembiayaan perumahan bba dan waqaf boleh digabungkan sebagai produk baharu.

Perkataan Teras : Waqaf, Pembiayaan Perumahan, *Bay' Bithaman Ajil*, Model Waqaf

Klasifikasi JEL : Y, Q , Z12

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. 71800 Nilai, Negeri Sembilan. Email: faisol@usim.edu.my

PENGENALAN

Negara Malaysia adalah sebuah negara ekonomi terbuka yang kecil, dengan penduduk yang berjumlah 27.475 juta orang² maka tidak hairanlah negara Malaysia begitu serius dengan konsep perumahan yang disediakan kepada penduduk. Campur tangan kerajaan dalam menyediakan perumahan yang mencukupi kepada penduduk melalui pemberian subsidi dalam pembiayaan perumahan membuktikan kesungguhan negara Malaysia dalam merealisasikan hasrat tersebut.³

Bagi seseorang pengguna pula, membeli dan memiliki harta kediaman seperti rumah merupakan salah satu daripada keputusan terpenting yang perlu dibuat dalam kehidupan seseorang kerana rumah adalah satu keperluan penting bagi manusia dalam kehidupan dan ia merupakan harta yang berhak dimiliki.⁴ Proses pemilikan akan berlaku jika seseorang itu mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi sama ada melalui tabungan sendiri ataupun melalui bantuan pinjaman daripada institusi perbankan di Malaysia.

Perumahan merupakan komponen yang penting di dalam kehidupan manusia. Syariat Islam mengklasifikasi perumahan sebagai satu elemen keperluan asas atau sering diistilahkan sebagai keperluan *daruriyat*⁵ manusia⁶. Keperluan *daruriyat* bermaksud keperluan untuk memelihara *maqasid* syariah iaitu memelihara agama (*ad-din*), nyawa (*an-nafs*), keturunan (*an-nasl*), harta (*al-mal*) dan keintelektualan (*al-'aql*)⁷ seseorang

2 Jabatan Perangkaan Malaysia, <http://www.statistics.gov.my/> (16 April 2008)

3 Ini dapat dilihat melalui peranan Syarikat Perumahan Nasional Berhad yang telah melaksanakan puluhan projek yang tergendala disebabkan oleh kegagalan pemaju di mana pada tahun 2008 dipertanggungjawabkan untuk memulihkan 255 projek perumahan terbengkalai di seluruh negara yang membabitkan 74376 unit rumah. <http://www.spnb.com.my/bm/corporate/projects.htm> (23 November 2010)

4 Abdul Rahman Awang (2004), *Human Rights: An Islamic Perspective*, (Kertas Kerja Australian and New Zealand Society of International Law (ANZSIL) Annual Conference di Australian National University, Canberra anjuran Australian National University, 18-20 Jun 2004), h. 28.

5 Daruriyat merupakan sesuatu tanpanya hidup manusia akan menderita dan rosak. Abd Karim Zaidan (1997), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah Risalah, h. 379.

6 Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Muhammad Nasri Md Hussain dan Mohd Nizam Hanafiah (2005), *Pengantar Perniagaan Islam*, Prentice Hall

7 Maqasid syariah ditaariffkan sebagai tujuan undang-undang Islam di mana maqasid syariah ini dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu bertujuan hari akhirat dan bertujuan duniawi iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Sila lihat Abd Karim Zaidan

Muslim. Ahli-ahli ekonomi barat juga akur tentang kepentingan perumahan di dalam kehidupan. Kebanyakan mereka merujuk perumahan sebagai keperluan hidup minima individu selain makanan, air untuk minuman, kesihatan serta pendidikan.⁸

Membeli dan memiliki harta kediaman seperti rumah merupakan salah satu daripada keputusan terpenting yang perlu dibuat dalam kehidupan seseorang kerana rumah adalah satu keperluan penting bagi manusia dalam kehidupan dan ia merupakan harta yang berhak dimiliki.⁹ Proses pemilikan akan berlaku jika seseorang itu mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi sama ada melalui tabungan sendiri ataupun melalui bantuan pinjaman daripada institusi perbankan di Malaysia.

Pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia lebih dikenali dengan perumahan-i¹⁰ iaitu kemudahan pembiayaan berdasarkan syariah bagi pembelian semua jenis harta kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium. Ia juga boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan sedia ada yang diambil sama ada secara pinjaman perumahan konvensional atau skim pembiayaan perumahan-i yang lain.

Penawaran pembiayaan perumahan secara Islam ini dilihat sebagai memenuhi maqasid syariah dan objektif kewujudan perbankan Islam itu sendiri.¹¹ Namun produk pembiayaan perumahan yang ditawarkan oleh perbankan Islam lebih menjurus kepada pelanggan yang mempunyai pendapatan yang kukuh di samping komitmen yang rendah. Selain itu peruntukkan syarat

(1997), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah Risalah, h. 378-379.

8 Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, h. 81

9 Abdul Rahman Awang (2004), *Human Rights: An Islamic Perspective*, (Kertas Kerja *Australian and New Zealand Society of International Law (ANZSIL) Annual Conference* di Australian National University, Canberra anjuran Australian National University, 18-20 Jun 2004), h. 28.

10 http://www.bankinginfo.com.my/_system/media/downloadables/pembiayaan_rumah.pdf (21 November 2014)

11 Objektif penubuhan bank Islam berlandaskan dua faktor utama iaitu faktor agama dan faktor keuntungan di mana apabila sesebuah organisasi itu ditubuhkan berasaskan faktor agama maka organisasi itu perlu menghayati ajaran-ajaran agama yang ada hubungkait dengan penubuhan dan perjalanan organisasi itu, namun demikian faktor keuntungan masih menjadi pegangan bank Islam kerana sebagai sebuah organisasi perniagaan, bank Islam perlukan keuntungan untuk beroperasi. Sila lihat Sudin Haron (2005), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn Bhd, h.94.

permohonan yang ketat yang dikenakan oleh pihak bank untuk memohon pembiayaan perumahan menyebabkan golongan yang miskin dan golongan yang mempunyai pendapatan yang tidak tetap terpaksa dipinggirkan. Maka dalam konteks ini, Islam telah memperuntukkan satu mekanisme agihan semula kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati secara bersama oleh masyarakat melalui bukan sahaja zakat, sedekah, hibah, korban dan kifarot tetapi juga melalui waqaf.

Maka kewujudan produk baharu iaitu waqaf pembiayaan perumahan secara Islam ini dilihat sebagai mekanisme terkini bagi agihan semula kekayaan untuk memastikan pembangunan ekonomi dinikmati secara bersama oleh masyarakat. Sejak penubuhan perbankan Islam 1983 hingga tahun 2015, institusi perbankan Islam masih tidak menawarkan produk waqaf pembiayaan perumahan secara Islam kepada pelanggan. Ini kerana produk waqaf ini dilihat tidak mampu menjana keuntungan kepada pihak bank. Sesungguhnya tanggapan ini salah, kerana kewujudan produk waqaf pembiayaan perumahan secara Islam dilihat sebagai produk komersil yang bersifat tanggungjawab kepada masyarakat.

Budaya mewaqafkan harta ke jalan yang baik merupakan saham akhirat yang perlu disemai dikalangan masyarakat Islam. Ini kerana budaya ini merupakan budaya yang paling baik disisi Allah S.W.T kerana ganjaran pahala yang diberi-Nya bersifat berkekalan dan berpanjangan selama harta waqaf itu masih wujud dan dimanfaatkan oleh masyarakat.

Kebiasaannya bentuk waqaf dapat dibahagikan kepada waqaf secara am dan waqaf secara khusus. Waqaf secara am ialah suatu waqaf yang bersifat umum terhadap harta yang hendak diwaqafkan. Contohnya seseorang yang mewaqafkan tanah terbiar dibelakang rumahnya untuk dibangunkan sesuatu yang bersifat kebajikan. Sifat kebajikan itu sangat luas dan orang

yang mewaqafkan tanah ini tidak meletakkan sebarang syarat khusus bagi usaha kebajikan di atas tanah yang diwaqafkan.

Waqaf khusus pula ialah sesuatu waqaf yang bersifat fokus tertentu bagi sesuatu harta yang diwaqafkan. Contohnya seseorang yang mewaqafkan tanah miliknya yang terbiar untuk waqafkan sebagai rumah anak yatim. Maka tanah waqaf tadi tidak lagi boleh dibangunkan dengan waqaf kubur atau sebagainya kerana orang yang mewaqafkan tanah tadi telah meletakkan syarat tanah waqaf ini hanya untuk rumah anak yatim.

PERLAKSANAAN WAQAF

Waqaf merupakan salah satu instrumen terpenting di dalam aspek pengagihan kekayaan. Kemuliaan berwaqaf sangat dituntut oleh Islam kerana mempunyai unsur kebajikan yang ikhlas dan bertimbangrasa. Sebenarnya terdapat banyak ayat al-Quran yang menggalakkan umat Islam melakukan amalan kebajikan dengan ikhlas seperti sedekah (waqaf), hibah, derma dan sebagainya.

Waqaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu kata nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti, menegah dan menahan.¹² Manakala dari segi istilah, waqaf ialah menahan harta benda yang kekal 'ainnya (zatnya) yang boleh diambil atau digunakan manfaatnya untuk tujuan kebajikan dan diserahkan ketempat atau pihak yang ditentukan oleh serta terhalang dari boleh digunakan secara berleluasa terhadap benda yang diwaqafkan dan dimanfaatkan itu, dengan harapan ianya¹³ dapat mendekatkan dirinya kepada Allah S.W.T. Menurut imam Syafie waqaf bermaksud menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan dikekalkan zat harta itu dengan memutuskan hak pengurusan pewaqaf dan hasilnya digunakan untuk tujuan kebajikan serta

¹² Ibn Manzûr, Muhammad Ibn Mukarram (1990), *Lisan al-'Arab*, j. 9. Beirut: Dar Sadr, h. 359

¹³ Al-Zuhaili, (1995). *Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 8. Dar al-Fikr, Syria.

untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T.¹⁴ Keunggulan berwaqaf ini telah disebut oleh Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan yang sebenarnya sehingga kamu membelanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.”

Surah Ali 'Imran : ayat 92

Selain itu, sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. telah menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda:¹⁵

“Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya.”

Para ulama telah mentafsirkan perkataan sedekah jariah dalam hadis di atas maksud waqaf, kerana pahala sedekah jariah terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya, sedangkan sedekah yang lain, pahalanya tidak berpanjangan mengalir seperti sedekah amal jariah atau waqaf.

Pada asasnya terdapat dua kategori harta yang boleh diwaqafkan, iaitu harta 'aqar dan *manqul*. Harta 'aqar dikenali sebagai harta tak alih iaitu biasanya banyak diwaqafkan malah pada amalan tradisi di zaman Rasulullah dan sahabat seperti tanah, kebun, rumah dan sebagainya. Bagi harta *manqul* iaitu harta alih pula seperti kenderaan, buku, sejadah dan sebagainya tidak semua ulama berpandangan ianya boleh diwaqafkan kerana unsur

kekal tidak wujud dalam aset yang diwaqafkan. Bagi harta seperti duit, saham dan sebagainya boleh juga diwaqafkan dengan cara menukarkannya kepada bentuk harta kekal atau harta tak alih

¹⁴ Muhammad Ubayd al-Kabisi (1977), Ahkam al-Waqf fi as-Syariah al-Islami, Juz 2, Baghdad.

¹⁵ Al-Darimi, Abdullah Abdul Rahman, 1986, Sunan al-Darimi, Beirut, Dar al-kitab al-'Arabi, h. 148.

yang lainnya. Penukaran ini boleh dibuat dengan melaburkan item-item berkenaan dalam bentuk-bentuk pelaburan yang dibenarkan dalam Islam. Keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan ini akan digunakan untuk membeli harta tak alih lain yang akan dijadikan waqaf menggantikan aset waqaf asal (harta alih) yang dilaburkan.

Syeikh Muhammad Abu Zahrah di dalam *Muhadharat fi al-Waqf*, amalan waqaf bukan hanya terhad kepada pembinaan masjid, bahkan merangkumi semua amalan kebajikan seperti mewaqafkan tanah, untuk tujuan pembinaan hospital, rumah-rumah anak yatim dan fakir miskin yang dapat membantu ke arah pembangunan sosio ekonomi ummah.¹⁶


Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada April 2007 di Kuala Terengganu telah memutuskan bahawa berwaqaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam.¹⁷ Kebiasaannya masyarakat Islam di Malaysia lebih cenderung melihat harta waqaf yang wujud adalah dalam bentuk hartanah seperti masjid, bangunan pondok, tanah perkuburan, surau, sekolah, rumah dan lain-lain lagi. Kini dunia tanpa sempadan telah mewujudkan waqaf dalam pelbagai lagi bentuk baharu seperti waqaf saham, waqaf tunai, waqaf al-Quran, waqaf lot tanah, waqaf jiwa, takaful waqaf, waqaf alat kesihatan dan pelbagai lagi waqaf.

Proses pelaksanaan waqaf melibatkan empat rukun utama iaitu waqif iaitu orang yang mewaqafkan hartanya untuk diwaqafkan, penerima waqaf (*mauquf alayh*), *mauquf* iaitu harta yang diwaqafkan dan *sighah* antara *waqif* dengan *mauquf alayh*.

16 Syahnaz binti Sulaiman, 2008, Hukum Pembangunan Tanah Waqaf Khas Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Muamalat*, Bil 1, JAKIM.

17 Yayasan Waqaf Malaysia, <http://www.ywm.org.my/index.php/waqaf-tunaimalaysia/>, 20 Mac 2014.

Gambar Rajah 1: Aplikasi Rukun Waqaf



Berdasarkan gambar rajah di atas dapat dirumuskan bahawa rukun waqaf dapat dibahagikan kepada empat iaitu *waqif*, *mauquf*, *mauquf 'alayh* dan *sighah*. Setiap rukun waqaf ini pula mempunyai syarat-syaratnya. *Waqif* ialah individu yang mewakafkan hartanya. Syarat bagi *waqif* ialah merdeka, berakal dan berkelayakan, mempunyai harta yang sempurna milik dan ikhlas ingin mewakafkan hartanya. *Mauquf 'alayh* pula ialah seseorang ataupun organisasi yang menerima sesuatu harta yang diwakafkan oleh *waqif*. Syarat bagi *mauquf 'alayh* pula ialah mestilah golongan yang layak memiliki harta waqaf dan mampu menjadikan harta waqaf itu kearah mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. *Mauquf* pula sesuatu harta yang halal dan bersih untuk diwakafkan. Syarat bagi mauquf ialah harta tersebut mestilah harta yang dimiliki oleh waqif, tidak boleh dipindah milik setelah diwakafkan (dengan syarat tertentu), diketahui kadar harta yang diwakafkan dan mestilah mempunyai

nilai serta berharga. *Sighah* pula lafaz yang dikeluarkan oleh *waqif* terhadap sesuatu harta yang hendak diwaqafkan sama ada lafaz tersebut bersifat am ataupun khusus.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya ingin mengupas pelaksanaan pembiayaan perumahan secara BBA oleh institusi perbankan Islam yang wujud di Malaysia dan juga waqaf. Kewujudan waqaf dan pembiayaan perumahan secara Islam ini dilihat sebagai alat untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan selain dari zakat dan sedekah. Kewujudan pelbagai jenis waqaf di Malaysia secara tidak langsung dapat membantu mewujudkan fenomena pengagihan semula kekayaan di kalangan masyarakat Islam khususnya melalui waqaf pembiayaan perumahan ini. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan model waqaf pembiayaan perumahan menggunakan BBA yang bersifat komersil tetapi berpaksikan kebajikan. Sehubungan dengan itu kajian ini diharapkan mampu memberi nilai tambah kepada institusi perbankan Islam dan juga JAWHAR serta semua institusi yang berkaitan waqaf.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperolehi dari perpustakaan dan juga internet. Selain itu data juga diperolehi dari institusi perbankan Islam di Malaysia dan juga laman sesawang institusi perbankan Islam di Malaysia serta JAWHAR bagi Januari 2015. Kajian ini akan menganalisis aplikasi waqaf semasa sebagai alat mengagihkan kekayaan di kalangan umat Islam di Malaysia dan juga penawaran produk pembiayaan perumahan secara BBA yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Gabungan aplikasi waqaf semasa dan pembiayaan perumahan secara Islam akan melahirkan produk baharu dalam pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia.

PEMBIAYAAN PERUMAHAN MENGGUNAKAN BAY' BITHAMAN AJIL

Pembiayaan perumahan secara Islam kini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana pelbagai instrumen Islam telah diperkenalkan oleh pihak bank Islam bagi menarik minat para pelanggan memiliki rumah kediaman. Ini kerana rumah merupakan komponen yang penting di dalam kehidupan manusia. Syariat Islam sendiri telah mengklasifikasikan perumahan sebagai keperluan *daruriyat* manusia bagi memelihara agama, nyawa, keturunan, harta dan keintelektualan seseorang.¹⁸ Pelbagai instrumen Islam diperkenalkan dalam produk pembiayaan perumahan secara Islam bagi memberi keselesaan kepada pelanggan di mana instrumen pembiayaan ini dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu pembiayaan menggunakan hutang seperti *bay' bithaman ajil* dan pembiayaan menggunakan ekuiti.

Bay' bithaman ajil merupakan gabungan tiga perkataan yang berbeza iaitu *bay'*, *thaman* dan *ajil* di mana perkataan *bay'* bermaksud jual manakala perkataan *thaman* membawa maksud harga bagi sesuatu yang lazimnya berlaku dalam akad jual beli yang ditentukan dengan persetujuan bersama antara penjual dan pembeli.¹⁹ Perkataan *ajil* pula membawa maksud tangguh yang bererti sesuatu masa yang ditetapkan sepertimana ayat al-Qur'an Surah al-Baqarah ayat 282 yang mengarahkan manusia agar sentiasa menulis hutang dan masa bayaran apabila melakukan urusan hutang piutang.²⁰ Oleh itu gabungan tiga perkataan yang berbeza ini akan mewujudkan satu perkataan baru iaitu *bay' bithaman ajil* yang bermaksud menjual sesuatu dengan disegerakan penyerahan barang yang dijual kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran harganya ke satu masa tertentu dengan bayaran tertentu secara beransur-ansur.²¹

18 Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 80.

19 Ahmad al-Sharbasi (1981), *al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*, Beirut: Dar al-Jayl, h. 87.

20 Abdullah bin Muhammad Basmeih (t.t.), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, op. cit., h. 112.

21 Mahsin bin Hj Mansur (t.t.), *Konsep Syariah dalam Bank Islam*, Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad, h. 60. Lihat al-Syirbini (t.t.)

BBA ataupun *bay' bithaman ajil* merupakan satu instrumen yang digunakan dalam pembiayaan perumahan secara hutang.²² *BBA* ditakrifkan sebagai kontrak jual beli sesuatu barangan di mana peminjam dibenarkan menangguhkan bayaran di mana harga bayaran dapat ditangguhkan ke masa hadapan ataupun ke suatu masa²³ di mana bayaran boleh dilakukan secara beransur-ansur. Instrumen ini merupakan instrumen yang pertama dilaksanakan di Malaysia bagi pembiayaan perumahan secara Islam. Instrumen *BBA* ini sebenarnya terhasil daripada kombinasi kontrak jual beli (*al-bay'*) dengan margin keuntungan (*al-murabahah*) dan pembayaran harga barangan ditangguhkan ke satu masa yang ditetapkan (*al-taqsit*).²⁴ Instrumen *bay' bithaman ajil* juga dikenali dengan nama *bay' al-muajjal* iaitu bayaran tertangguh sama ada di bayar sekaligus atau beransur-ansur.²⁵

Kemudahan kontrak pembiayaan *BBA* ini disediakan oleh pihak bank bagi mereka yang tidak berkemampuan untuk membeli harta seperti rumah secara bayaran tunai.²⁶ Kontrak *BBA* ini merupakan satu kontrak yang sah mengikut syariah²⁷ dan adalah penting bagi semua pihak mengetahui rukun-rukun *BBA* sebelum kontrak itu dimeterai di mana rukun-rukun *BBA* ini ialah penjual, pembeli, harga, aset dan *sighah* (tawaran dan penerimaan).²⁸

al-Mawsu'ah wal-Ilmi wal-Amaliyah Lil Bunuk al-Islamiah, j. 5, h. 384.

22 Menurut Joni Tamin Borhan prinsip *bba* ini banyak diguna pakai dalam amalan perbankan Islam masa kini antaranya untuk pembiayaan pembelian harta kepada pelanggan. Sila lihat Joni Tamkin Borhan (2001), *Pelaksanaan al-Bay' Bithaman Ajil Dalam Penggunaan Kad Kredit Islam*, dalam *Jurnal Syariah*, Bil. 2, jil. 9, Julai 2001, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin APIUM, h. 35.

23 Sudin Haron, Norafifah dan Sandra P.Llanisak (1994), Bank Patronage Factors of Muslim and Non Muslim Customer, *International Journal Of Bank Marketing*, vol 12, h.32-40

24 Mohd Ali Baharom (1990), *Masalah Perumahan: Penyelesaian Menurut Perspektif Islam*, Petaling Jaya, Selangor: Dewan Pustaka Salam, h.104.

25 Mustafa al-Zarqa' (1948), al '*'Uqud al-Musammat fi al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Matba'ah al-Jamacah al-Suriyyah, h. 64-68. Lihat juga Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op. cit.*, h. 43. Sila lihat juga Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 410.

26 Mohd Nasir Mohd Yatim dan Amirul Hafiz Mohd Nasir (2006), *The Principle and Practice of Islamic Banking & Finance*, 2nd Edition, Prentice Hall, h. 40.

27 *Ibid*.

28 Helmi Aris (2007), Pembiayaan Kepemilikan Rumah ; Sebuah Inovasi Pembiayaan Perbankan Syariah, *Jurnal Ekonomi Islam La-Riba*, vol. 1, no. 1, h. 113-125. Lihat juga Mohd Solehudin Shuib (2010), *op. cit.*, 323.

Jadual: Instrumen Pembiayaan Perumahan Islam di Malaysia
Bagi Tahun 2015

Bil	Senarai Bank Islam	Instrumen
1.	Affin Islamic Bank Berhad	bay' bithaman ajil
2.	Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia)	bay' bithaman ajil
3.	Alliance Islamic Bank Berhad	bay' bithaman ajil
4.	Amlslamic Bank Berhad	bay' bithaman ajil
5.	Asian Fnance Bank Berhad	istisna', tawarruq
6.	Bank Islam Malaysia Berhad	tawarruq
7.	Bank Muamalat Malaysia Berhad	istisna'
8.	CIMB Islamic Bank Berhad	ijarah
9.	Hong Leong Islamic Bank Berhad	bay' bithaman ajil
10.	HSBC Amanah Malaysia Berhad	musharakah mutanaqisah
11.	Kuwait Finance House Malaysia Berhad	ijarah
12.	Maybank Islamic Berhad	murabahah, tawarruq, musharakah mutanaqisah
13.	OCBC Al-Amin	ijarah
14.	Public Islamic Bank Berhad	musharakah mutanaqisah
15.	RHB Islamic Bank Berhad	musharakah mutanaqisah
16	Standard Chatered Saadiq Berhad	musharakah mutanaqisah

Kontrak pembiayaan perumahan secara Islam *BBA* ini juga dikenali sebagai pembiayaan perumahan secara Islam

murabahah di Indonesia.²⁹ Pada Januari 2009 pelaksanaan pembiayaan menggunakan instrumen *BBA* di Malaysia telah mendominasi instrumen-instrumen pembiayaan Islam lain iaitu RM35 501.4 juta daripada nilai keseluruhan pembiayaan Islam iaitu RM105 777.2 juta.³⁰ Ini membuktikan bahawa penggunaan *BBA* diterima secara berleluasa di Malaysia khususnya dalam pembiayaan perumahan secara Islam menggunakan hutang (*BBA*).


Berdasarkan jadual di atas jelas menunjukkan instrumen *BBA* dan *musharakah mutanaqisah* mendominasi pembiayaan perumahan secara Islam di Malaysia. Antara bank yang menawarkan pembiayaan perumahan menggunakan *BBA* ialah Affin Islamic Bank Berhad, Al-Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia), Alliance Islamic Bank Berhad, Amlslamic Bank Berhad dan Hong Leong Islamic Bank Berhad. Pembiayaan perumahan secara hutang menggunakan instrumen *bba* ini melibatkan tiga pihak iaitu pihak pertama yang terdiri daripada pelanggan yang ingin membeli rumah, pihak kedua iaitu pemaju perumahan iaitu pemilik rumah yang berhasrat ingin menjual rumah terbabit dan pihak ketiga yang terdiri daripada institusi pembiaya iaitu bank yang membeli rumah daripada pemaju untuk dijual dengan bayaran ansuran kepada pelanggan.³¹

29 Helmi Aris (2007), *ibid.*

30 <http://www.bnm.gov.my/files/publication/msb/2010/1/pdf/1.23.pdf> (14 Disember 2010)

31 Fadzila Azni Ahmad (2003), *op. cit.*, h. 61.

WAQAF PEMBIAYAAN PERUMAHAN SECARA ISLAM MENGGUNAKAN BAI BITHAMAN AJIL



Gambar Rajah 2: Model Waqaf Pembiayaan Perumahan Menggunakan *Bay' Bithaman Ajil*

Walaupun produk pembiayaan perumahan secara Islam telah mula diperkenalkan pada tahun 1984,³² tetapi sehingga tahun 2015 masih belum terdapat satu produk khusus untuk waqaf pembiayaan perumahan secara Islam yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam di Malaysia. Jesteru itu cadangan model seperti di atas mampu memberi impak positif kepada perbankan Islam di Malaysia seterusnya melonjakan nama Malaysia sebagai hub perbankan dan kewangan Islam dunia.

32 Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *op.cit.*

Pelanggan yang ingin melakukan waqaf pembiayaan perumahan ini mestilah mereka yang mempunyai sumber pendapatan yang kukuh di samping halal dan bersih. Pelanggan ini bukan hanya terdiri daripada individu malah meliputi syarikat IKS, syarikat GLS, organisasi-organisasi, NGO dan sebagainya lagi.

Gamba rajah di atas menggambarkan bagaimana waqaf pembiayaan perumahan menggunakan instrumen *BBA* dilakukan antara *waqif* iaitu pelanggan, pemaju perumahan dan juga pihak bank sebagai *mauquf alaih*. Terdapat tujuh langkah bagi menjelaskan proses pembiayaan ini. Pertama ialah pelanggan mengenalpasti rumah (*mauquf*) yang ingin dibeli daripada pemaju. Pelanggan akan mengenalpasti lokasi rumah yang ingin dibeli untuk dijadikan waqaf. Jesteru itu pelanggan perlu berhubung dengan pihak pemaju bagi memastikan rumah yang ingin dibeli itu sesuai untuk dijadikan waqaf dengan mengambil kira harga rumah, lokasi, kemudahan asas, latar belakang pemaju dan sebagainya lagi.

Yang kedua ialah sekiranya rumah tadi telah memenuhi citarasa maka pelanggan akan menandatangani perjanjian jual beli dengan pemaju dengan membayar wang pendahuluan daripada harga rumah sebenar dan kontrak jual beli antara pemaju dengan pelanggan pun berlaku.³³ Pembayaran wang pendahuluan sebanyak sepuluh peratus merupakan amalan biasa yang berlaku dalam pasaran perumahan Malaysia.³⁴ Termenterainya perjanjian jual beli ini bermakna hak rumah tersebut sudah menjadi milik pelanggan.³⁵

Yang ketiga ialah memandangkan pelanggan tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli rumah secara tunai untuk dijadikan waqaf, maka pelanggan akan memohon bantuan pembiayaan secara *BBA* bagi baki tunai yang belum dijelaskan

³³ http://www.bankinginfo.com.my/03_discover_islamic_banking/0302_applying_for_financing/house_financing.php?intPrefLangID=1&#
(14 Disember 2010)

³⁴ Zaharuddin Abd. Rahman (2009), Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, h. 37.

³⁵ *Ibid.*

kepada pihak pemaju. Setelah dipersetujui oleh pihak bank dengan menggunakan akad *bay' al-inah* maka pihak bank akan membeli rumah tersebut daripada pelanggan dengan harga baki pembiayaan yang belum dilunaskan oleh pelanggan kepada pihak pemaju. Secara langsung hak manfaat rumah (*beneficial ownership*) tadi telah berpindah milik daripada pelanggan kepada pihak bank. Di dalam perjanjian ini juga dimasukkan syarat-syarat waqaf antara pihak pembeli dan pihak bank.

Yang keempat pula ialah pihak bank akan membayar harga pembelian rumah daripada pelanggan tadi dengan harga baki pembiayaan yang belum dilunaskan oleh pelanggan kepada pihak pemaju secara tunai dan dimasukkan terus ke akaun pemaju berdasarkan persetujuan pelanggan.³⁶ Walaupun begitu bayaran yang dibuat oleh pihak bank kepada pemaju adalah secara ansurans iaitu bayaran berasaskan kepada perkembangan pembinaan rumah pelanggan.

Yang kelima ialah bank akan menjual rumah yang dibeli daripada pelanggan kepada pelanggan semula dengan bayaran dilakukan pada harga tertangguh, dan juga *murabahah* kerana bayaran yang dilakukan oleh pelanggan telah dimasukkan margin keuntungan.³⁷

Yang keenam ialah setelah dipersetujui dengan terma *BBA* tersebut, pelanggan akan membeli semula rumah tadi daripada pihak bank untuk dijadikan waqaf dan akan membayar kepada pihak bank secara ansuran mengikut tempoh yang telah dipersetujui bersama antara pihak bank dan pelanggan.³⁸

Yang ke tujuh ialah setelah bayaran bulanan ini dibuat maka pelanggan boleh mewaqafkan rumah ini secara khusus atau umum kepada masyarakat Islam yang memerlukan bantuan

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Helmi Haris (2002), *op.cit.*

rumah melalui *mauquf alaih* iaitu pihak bank. Aplikasi waqaf ini akan berjalan sepenuhnya apabila rumah telah siap dibina. Bayaran bulanan yang dibuat oleh pihak pelanggan kepada pihak bank dianggap sebagai waqaf tunai yang dihimpun secara bulanan untuk membolehkan sebuah rumah berjaya dimiliki dan diwaqafkan kepada orang lain yang memerlukannya.

KESIMPULAN

Islam merupakan agama yang adil. Konsep keadilan ini bukan sahaja dapat dilihat melalui instrumen zakat, tetapi juga melalui waqaf. Maka pelaksanaan waqaf di Malaysia perlu dipelbagaikan agar peranan zakat dan di bantutu oleh waqaf dalam proses pengagihan kekayaan di dalam masyarakat secara adil dan saksama.

Islam sememangnya membenarkan pembiayaan hutang dan pembiayaan ekuiti di dalam aktiviti muamalah melalui instrumen-instrumen hutang dan ekuiti.³⁹ Rentetan itu penawaran pembiayaan perumahan secara Islam kepada pelanggan di Malaysia oleh institusi perbankan Islam seharusnya juga ditawarkan kepada golongan yang kurang mampu dan tidak mempunyai pendapatan tetap melalui kaedah waqaf pembiayaan perumahan menggunakan instrumen hutang mahupun instrumen ekuiti agar ianya selari dengan objektif kewujudan perbankan Islam itu sendiri.⁴⁰

Melalui pendekatan inovasi dalam waqaf pembiayaan perumahan secara Islam ini, peranan bank kepada masyarakat lebih terserlah melalui produk komersil waqaf pembiayaan perumahan secara Islam melalui sifat membantu golongan

³⁹ Mohd Nasir Yatim dan Amirul Hafiz Mohd Nasir (2008), Fourth Edition, *The Principles And Practice Of Islamic Banking & Finance*, Kuala Lumpur: Prentice Hall, h. 20-21.

⁴⁰ Sebagai contoh objektif penubuhan BIMB ialah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat bank atas landasan prinsip, peraturan dan amalan Islam kepada semua kaum dan rakyat negara ini. Prinsip, peraturan dan amalan ini adalah sebenarnya hukum-hukum muamalah Islam (*ahkam al-mucamalat al-islamiyah*) yang berkaitan dengan urusan bank dan kewangan. Usaha bank untuk menyediakan kemudahan dan khidmat ini akan dilaksanakan dengan mengambil kira daya hidup atau *viability* serta kemampuannya untuk berkembang dan maju secara berterusan dari masa ke semasa. BIMB (1985), Laporan Tahunan 1985, Kuala Lumpur: BIMB. Lihat juga Sudin Haron (2005), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School, h. 95.

yang memerlukan rumah melalui pendekatan waqaf. Melalui pendekatan sebegini, pihak bank masih lagi mampu mengaut keuntungan seperti biasa tanpa menjejaskan reputasi sebagai sebuah bank Islam itu.

Sehubungan dengan itu pihak bank perlu menyedari bahawa tanggungjawab menyediakan pembiayaan perumahan secara Islam kepada pelanggan ini merupakan salah satu mekanisma dalam memenuhi *maqasid syariah* Islam itu sendiri. Ini kerana kewujudan perbankan Islam ini sebenarnya sebagai memenuhi *maqasid syariah* umat Islam dan bukan bermotifkan keuntungan semata-mata sepertimana bank-bank konvensional kerana objektif penubuhan perbankan Islam ialah disebabkan faktor agama dan faktor keuntungan.⁴¹ Jesteru itu dapatlah dikatakan bahawa waqaf pembiayaan perumahan secara Islam oleh bank-bank Islam di Malaysia dapat dikategorikan sebagai mekanisma terkini pengagihan kekayaan daripada golongan yang mampu kepada golongan yang kurang mampu. Jika cadangan model ini mampu dipertimbangkan oleh pihak perbankan Islam, maka negara Malaysia akan mencapai negara maju pada tahun 2020 dengan penuh gemilang kerana isu kemiskinan bandar, gelandangan, harga rumah mahal akan dapat diatasi.

RUJUKAN

Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaanya di Malaysia*: Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abd Karim Zaidan (1997), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Muassasah Risalah.

Abdul Rahman Awang (2004), *Human Rights: An Islamic Perspective*, (Kertas Kerja Australian and New Zealand Society

41 Sudin Haron (2005), *op. cit.*, h. 94.

of International Law (ANZSIL) Annual Conference di Australian National University, Canberra, 18-20 Jun, anjuran Australian National University.

Al-Darimi, Abdullah Abdul Rahman, 1986, Sunan al-Darimi, Beirut, Dar al-kitab al-'Arabi.

Al-Zuhaili, (1995). *Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*, Jld 8. Dar al-Fikr, Syria.

Bourne, L.S (1981), *The Geography Of Housing*. New York: Edward Arnold.

Helmi Haris (2002), Pembiayaan Kepemilikan Rumah; Sebuah Inovasi Pembiayaan Perbankan Syariah, *Jurnal Ekonomi Islam*, Vol. 1, No.1.

http://www.bankinginfo.com.my/_system/media/downloadables/pembiayaan_rumah.pdf (21 November 2014)

http://www.bankinginfo.com.my/03_discover_islamic_banking/0302_applying_for_financing/house_financing.php?intPrefLangID=1&# (14 Disember 2010)

<http://www.spnb.com.my/bm/corporate/projects.htm> (23 November 2010)

Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram (1990), *Lisan al-'Arab*, j. 9. Beirut: Dar Sadr.

Jabatan Perangkaan Malaysia, <http://www.statistics.gov.my/> (16 April 2008)

Laporan Tahunan BIMB (1985), Kuala Lumpur: BIMB.

Mohd Nasir Yatim dan Amirul Hafiz Mohd Nasir (2008), *Fourth Edition, The Principles And Practice Of Islamic Banking & Finance*, Kuala Lumpur: Prentice Hall.

Muhammad Ubayd al-Kabisi (1977), *Ahkam al-Waqf fi as-Syariah al-Islami*, Juz 2, Baghdad.

Sudin Haron (2005), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn Bhd.

Surtahman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syahnaz binti Sulaiman, 2008, Hukum Pembangunan Tanah Waqaf Khas Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Muamalat*, Bil 1, JAKIM.

Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Muhammad Nasri Md Hussain dan Mohd Nizam Hanafiah (2005), *Pengantar Perniagaan Islam*, Prentice Hall.

Syeikh Muhammad Basmeih (t.t), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Pengertian Kepada Al-Qu'ran*, c.16.

Yayasan Waqaf Malaysia, <http://www.ywm.org.my/index.php/waqaf-tunaimalaysia/>, (20 Mac 2014).

Zaharuddin Abd. Rahman (2009), *Panduan Perbankan Islam: Kontrak dan Produk Asas*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, h. 37.

WANG SYUBHAH HASIL DARI PELUPUSAN SEKURITI YANG BERTUKAR STATUS DARI SEKURITI PATUH SYARIAH KEPADA SEKURITI TIDAK PATUH SYARIAH YANG DIISTIHAR OLEH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

Haji Razli Ramli
Prof. Madya Dr. Azizi Abu Bakar
Dr. Ram Al Jaffri Saad

ABSTRAK

Maksud wang syubhah hasil dari pelupusan sekuriti tidak patuh syariah oleh para pengurus dana dalam industri pasaran modal menjadi satu isu yang perlu difahami dan diperbincangkan. Ini adalah kerana ia sering mengelirukan. Ada yang memanggil wang syubhah itu wang haram. Ada yang menggelarkan ia sebagai wang tidak patuh syariah. Perbincangan kertas ini adalah berkaitan dengan bagaimana wang syubhah ini terbentuk hasil saringan sekuriti patuh syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Sebenarnya ia bukan perkara baru kepada pengurus-pengurus dana dalam industri kewangan Islam di Malaysia. Penentuan samada sekuriti itu patuh syariah atau tidak terutama kes melibat pertukaran status dari patuh syariah kepada status tidak patuh syariah, kini menjadi agenda utama para pengurus dana dalam operasi harian mereka. Mereka amat memahami bahawa para pelabur yang melantik mereka terutama yang beragama Islam, mahukan sekuriti-sekuriti yang benar-benar patuh syariah. Justeru, hasil daripada saringan sekuriti ini amat berkait rapat dengan kepentingan para pengurus dana dalam memastikan dana-dana patuh Syariah mereka dapat distrategi dan dilaburkan untuk mendapat keuntungan semaksima mungkin tetapi bersih dari segala

kotoran, terutamanya wang syubhah ini.

Kata kunci : Sekuriti patuh syariah, Saringan, Wang syubhah, Suruhanjaya Sekuriti

PENGENALAN

Wang syubhah juga dikenali sebagai wang tidak patuh syariah atau wang haram. Wang syubhah ini seperlunya disalurkan kepada Baitulmal untuk dibersihkan dan kemudiannya dipulangkan kepada masyarakat. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam laman sesawang mereka menyebut, *“Mengambil pendekatan di atas, salah satu terimaan yang diperolehi di MAIS adalah melalui serahan wang tidak patuh syariah. Wang tidak patuh syariah boleh dikatakan sebagai istilah baru bagi mengambil pakai penggunaan nama wang haram atau wang syubhah yang bersesuaian dengan arus kemodenan masyarakat ketika ini.”* Mereka kemudiannya mengeluarkan penyata berikut dalam laman sesawang yang sama, *“Sehubungan dengan itu, satu akaun khas telah dibuka di MAIS bagi memudahkan masyarakat Islam menyalur dan melupuskan wang tidak patuh syariah agar hasil tersebut dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh masyarakat Islam dan dikongsikan bersama dengan masyarakat bukan Islam.”* (Sumber: <http://www.mais.net.my>)

PENGISTIHARAN SEKURITI PATUH SYARIAH

Di Malaysia, tanggungjawab pengistiharan sekuriti yang diapungkan di Bursa Malaysia adalah di bawah Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SACSC). Pengistiharan kepatuhan sesuatu sekuriti tersebut adalah dibuat dua kali setahun, yakni, pada setiap hari Jumaat terakhir dalam bulan Mei dan November setiap tahun. Yang terkini, pengistiharan yang dibuat jatuh pada hari Jumaat, 27 November 2015. Hasil dari pengistiharan ini terdapat sekuriti-sekuriti yang dahulunya,

sebelum tarikh 27 November 2015 diklasifikasi sebagai patuh syariah telah bertukar status kepada sekuriti tidak patuh syariah. Pada 27 November 2015 ini, sebanyak 39 sekuriti telah dinyahsenaraikan oleh SACSC daripada senarai sekuriti patuh syariah sebelumnya. Sekuriti-sekuriti tersebut adalah:

Eversendai Corporation Bhd	Petron Malaysia Refining & Marketing Bhd	Hap Seng Consolidated Bhd	Jiankun International Bhd
Malayan Flour Mills Bhd	Seremban Engineering Bhd	Marco Holdings Bhd	Star Publications (M) Bhd
Tan Chong Motor Holdings Bhd	Gopeng Bhd	Warisan TC Holdings Bhd	ES Ceramics Technology Bhd
Tomei Consolidated Bhd	TDM Bhd	Flonic Hi-Tec Bhd	IRIS Corporation Bhd
XiDeLang Holdings Ltd	Amcorp Properties Bhd	Mexter Technology Bhd	N2N Connect Bhd
Abric Bhd	Farlim Group (M) Bhd	Asia Bioenergy Technologies Bhd	Brite-Tech Bhd
BTM Resources Bhd	Land and General Bhd	Pineapple Resources Bhd	Analabs Resources Bhd
Focus Lumber Bhd	Meda Inc. Bhd	AYS Ventures Bhd	Eastland Equity Bhd

Goh Ban Huat Bhd	Magna Prima Bhd	Amway (Malaysia) Holdings Bhd	HeiTech Padu Bhd
P.I.E. Industrial Bhd	MUI Properties Bhd	YNH Property Bhd	

PROSES SARINGAN

Pertukaran status yang diistihar oleh SACSC adalah hasil daripada proses saringan yang dibuat berdasarkan kepada beberapa lapisan saringan secara kuantitatif dan kualitatif. Antara sebab-sebab utama yang menyebabkan pertukaran status patuh syariah kepada tidak patuh syariah ini adalah disebabkan pendapatan syarikat tersebut dari sumber yang haram seperti faedah(riba) telah melebihi paras yang dibenarkan oleh SACSC. Penggabungan syarikat dengan syarikat yang teras aktiviti perniagaan mereka yang bertentangan dengan syariah juga menjadi punca pertukaran status ini.

Ada juga syarikat yang telah bertukar dimensi teras perniagaan mereka kepada perniagaan yang termasuk dalam aktiviti tidak patuh syariah seperti di bawah:

Aktiviti tidak patuh syariah	Contoh
Perbankan konvensional	Bank yang ada riba
Insuran konvensional	Syarikat insuran bukan takaful
Perjudian	Kasino
Arak	Kedai arak
Khinzir	Perladangan khinzir
Hiburan	Kelab malam

Makanan tidak halal	Kedai makanan yang menghidang makanan tidak halal dan minuman keras
Tembakau	Kilang rokok

SACSC juga menilai Faedah (riba) dan elemen berteraskan riba dalam penyata kewangan syarikat. SACSC telah menetapkan bahawa faedah (riba) dan elemen berteraskan riba dalam penyata kewangan syarikat ini mestilah kurang daripada 33 peratus (33%).

Item	Catatan
Jumlah tunai / Jumlah aset	Jumlah tunai yang dikira adalah tunai dalam akaun konvensional dan instrumen konvensional sahaja dan bukan tunai dalam akaun dan instrumen Islam.
Jumlah hutang / Jumlah aset	Jumlah hutang yang dikira adalah hutang yang berteraskan riba/faedah sahaja dan bukan jumlah hutang pembiayaan yang berlandaskan syariah termasuk sukuk.

Jika sekiranya kedua-dua item di atas mencecah paras 33%, ke atas maka sekuriti tersebut gagal melepasi saringan ini, dan ianya dinyahsenarai dari senarai sekuriti patuh syariah.

Saringan Kualitatif

SACSC juga melihat kepatuhan syariah sesuatu sekuriti secara kualitatif. Ia adalah satu kaedah unik yang diilhamkan oleh SACSC kerana mereka telah diberi mandat dari Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk membuat saringan yang tepat. SC adalah badan penyelia dalam industri pasaran modal yang telah diberi mandat oleh kerajaan untuk mengawalselia pemain-pemain kewangan dalam pasaran modal di Malaysia.

Sebelum memutuskan sesuatu sekuriti itu patuh syariah, SACSC akan melihat dan mempertimbang kriteria-kriteria berikut secara kualitatif:

Item	Catatan
Imej	Pandangan umum masyarakat tentang imej syariahat perlulah baik dan menyenangkan
Aktiviti teras syarikat	Aktiviti perlu ada kepentingan serta kebaikan secara umum kepada umat Islam. Unsur-unsur yang tidak menepati syariah dalam aktiviti syarikat adalah amat sukar dielakkan serta ianya amat kecil dan boleh dimaafkan. Amalan kebiasaan / adat dan hak-hak masyarakat bukan Islam (yang diperaku oleh Islam) juga perlu ditimbang.

Kemungkinan ada juga di kalangan 39 sekuriti yang bertukar status kepada tidak patuh syariah disebabkan oleh gagal menepati imej dan aktiviti teras syarikat kualitatif di atas.

Pelupusan Sekuriti

Oleh yang demikian para pengurus dana yang masih memegang mana-mana 39 sekuriti yang tidak patuh syariah di atas perlu melupuskan sekuriti-sekuriti tersebut dalam masa yang terdekat. Dalam panduan SACSC, pengurus dana diminta untuk melupuskan sekuriti-sekuriti tersebut dalam masa sebulan dari tarikh pengistiharan status, yakni, dari tarikh 27 November 2015. Sekiranya ada sebarang keuntungan hasil daripada perlupusan tersebut, sebahagian daripada keuntungan tersebut boleh diambil sebagai pendapatan kepada dana manakalan sebahagian daripada keuntungan tadi tidak boleh diambil dan ianya akan disalurkan kepada Baitulmal atau badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh penasihat syariah dana.

Sebagai contoh, pengurus dana Al-Murni memegang 100 lot sekuriti Syarikat ABC. Syarikat ABC Berhad telah dinyahsenarai dari senarai sekuriti patuh syariah pada 27 November 2015 oleh SACSC. Kos pembelian 100 lot sekuriti syariah ABC Berhad adalah RM200,000. Ini bermakna 1 lot ialah RM2,000. Pada hari pengumuman status sekuriti, 27 November 2015, harga 1 lot telah mencecah RM2,300. Seterusnya, pengurus dana Al-Murni berjaya melupuskan keseluruhan 100 lot sekuriti tersebut pada 30 November 2015 pada harga RM2,700 untuk 1 lot.

Jumlah keuntungan yang terhasil daripada perlupusan 100 lot sekuriti ABC Berhad pada 30 November 2015, adalah RM70,000, yakni $RM270,000 - RM200,000$. Jumlah keuntungan yang terhasil jika perlupusan dibuat oleh pengurus dana Al-Murni pada 27 November 2015, yakni, hari pengistiharan status, adalah RM30,000, iaitu $RM230,000 - RM200,000$.

Menurut panduan SACSC, pengurus dana hanya dibenar menyimpan RM30,000 keuntungan itu sahaja, manakala RM40,000 (RM70,000 – RM30,000) wajib disalurkan kepada Baitulmal atau mana-mana badan kebajikan yang diluluskan oleh penasihat syariah dana tersebut.

Keuntungan yang boleh diambil adalah RM30,000 dan keuntungan yang tidak boleh diambil adalah RM40,000. RM40,000 ini adalah yang disebut sebagai wang syubhah atau wang tidak patuh syariah atau wang haram.

RUMUSAN

Akhirkata, dengan penjelasan di atas diharapkan agar maksud wang syubhah hasil dari perlupusan sekuriti tidak patuh syariah oleh para pengurus dana dalam industri pasaran modal tidak lagi menjadi satu isu yang mengelirukan. Ia adalah sama dari panggilan nama. Tidak salah ia disebut wang syubhah atau wang haram atau wang tidak patuh syariah. Yang penting wang tersebut bukan milik kita dan perlu disalurkan kepada yang patut menerimanya.

Keterbentukan dan cara pengendalian wang syubhah ini oleh pengurus-pengurus dana harus diberitahu kepada para pelabur di luar sana, terutama yang beragama Islam untuk meyakinkan mereka yang pengurusan dana mereka adalah 100% patuh syariah, walaupun berlaku penukaran status sesuatu sekuriti apabila disaring oleh SACSC seperti yang berlaku pada 27 November 2015 ini.

Penentuan samada sekuriti itu patuh syariah atau tidak adalah menjadi agenda utama para pengurus dana dalam operasi harian mereka. Mereka amat memahami bahawa para pelabur yang melantik mereka terutama yang beragama Islam, mahukan sekuriti-sekuriti yang benar-benar patuh syariah. Justeru,

hasil daripada saringan sekuriti ini amat berkait rapat dengan kepentingan para pengurus dana dalam memastikan dana-dana patuh Syariah mereka dapat distrategi dan dilaburkan untuk mendapat keuntungan semaksima mungkin tetapi bersih dari segala kotoran, terutamanya wang syubhah ini.

Cabaran ini adalah cabaran kita, cabaran rakyat Malaysia, untuk mertabatkan kewangan Islam. Perbincangan singkat dalam prosiding ini diharap dapat membantu masyarakat dan pelabur, terutama yang beragama Islam untuk memahami serta yakin bahawa dana-dana yang mereka labur adalah diurus dengan cekap, bersih dan mengikut lunas-lunas yang digariskan syariat.

RUJUKAN

Azizi Abu Bakar. (2009). Unpublished Thesis. *Pasaran Modal Islam: Analisis Fiqh Terhadap Asas Pembentukan Instrumen dan Kriteria Penilaian Status Sekuriti oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*.

Derigs, U., & Marzban, S. (2008). Review and Analysis of Current Shariah-compliant Equity Screening Practices. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.

Derigs, U., & Marzban, S. (2009). New Strategies and A New Paradigm for Shariah-compliant Portfolio Optimization. *Journal of Banking & Finance*.

Norlita Z., Surianom M. & Muna S. (2013). *Revised Shariah Screening Methodology for Islamic-compliant Securities: New Standard to Meet Global Expectation*.

Nur Hamizah N., Iffah Raihan H., Seri Nadhirah N. & Buerhan S. (2013). *The Comparison of Shariah Screening Methodology for Stocks between Malaysia Security Commission Criteria and*



Dow Jones Method: Acritical Assessment.

Securities Commission Malaysia. (2015). *List of Shariah-compliant Securities by the Shariah Advisory Council of the Securities Commission Malaysia, Nov 2015.*

Websites:

www.mais.net.my

www.sc.com.my

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

1. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada di dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal yang membina amatlah dialu-alukan.
2. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
3. Artikel hendaklah tidak melebihi 6000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (*double spacing*), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
4. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan berserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
5. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
6. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
7. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan jurnal dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.

8. Penulis artikel akan diberi bayaran suguhati yang sewajarnya.

9. Sumbangan dan pertanyaan boleh dialamatkan kepada:

Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel : 03-8883 7468

Faks : 03-8883 7406

e-mel : jawhar_penyelidikan@jawhar.gov.my